



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

LAPORAN PENUH PENCAPAIAN PELAN INDUK KKP 2021-2025

OSHMP





KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

LAPORAN PRESTASI PELAKSANAAN
**PELAN INDUK KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
(OSHMP25)**

OSHMP



KANDUNGAN

v Kata aluan Pengerusi JK Pelaksana

vi Ringkasan Eksekutif

vii Laporan Penuh Prestasi Pencapaian
OSHMP25 Tahun 2025

01 Teras Strategik 1
**PENGGALAKAN PENDIDIKAN
DAN PENYELIDIKAN KKP**



29 Teras Strategik 2
**PENGUKUHAN AMALAN
PERATURAN KENDIRI DI
TEMPAT KERJA**



49

Teras Strategik 3
**PENGGALAKAN
PENDIDIKAN DAN
PENYELIDIKAN KKP**



69 Teras Strategik 4
PEMERKASAAN KESIHATAN
PEKERJAAN



156

Laporan Kewangan
Tahun 2025

95 Teras Strategik 5
PENINGKATAN PEMATUHAN
KKP DI SEKTOR PERUSAHAAN
KECIL DAN SEDERHANA (PKS)



162

Urusetia Laporan
OSHMP 25

113 Teras Strategik 6
PEMANTAPAN KKP
MELALUI TEKNOLOGI



141 Teras Strategik 7
PENINGKATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN
PEKERJAAN BERKAITAN KESELAMATAN JALAN RAYA
(WRRS), SEKTOR INFORMAL DAN PEKERJAAN MASA
HADAPAN (FUTURE JOBS)



KATA-KATA ALUAN

Terlebih dahulu, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak urus setia serta semua ahli Jawatankuasa Pelaksana OSHMP25 atas komitmen, dedikasi dan iltizam berterusan dalam memastikan pelaksanaan Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara 2021–2025 (OSHMP25) dapat direalisasikan. Sejak digerakkan pada tahun 2021, OSHMP25 telah menjadi pemangkin utama dalam memperkukuh budaya keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) di Malaysia merentasi pelbagai sektor, selaras dengan tema KKP Inklusif – Kebersamaan dan Komitmen.

Sepanjang tempoh lima tahun ini, pelbagai inisiatif strategik telah berjaya dilaksanakan. Antaranya pengurangan berterusan kadar kecederaan maut pekerjaan, peningkatan kesedaran budaya KKP melalui program advokasi dan bimbingan, pengukuhan MyKKP sebagai sistem pengurusan utama, serta penglibatan Malaysia di peringkat antarabangsa melalui ratifikasi ILO C.155 pada tahun 2024. Keseluruhannya, OSHMP25 merekodkan pencapaian kumulatif sebanyak 96%, dengan pencapaian tahunan 2024 pada kadar 98% dan perbelanjaan kewangan keseluruhan 99%. Lebih penting daripada angka, pencapaian ini mencerminkan nyawa yang dilindungi, risiko yang dikurangkan dan tempat kerja yang semakin selamat.

Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan penghargaan tulus kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Pelbagai cabaran, usaha dan pengorbanan telah ditempuhi, namun kejayaan OSHMP25 hari ini adalah bukti kekuatan kerjasama dan komitmen bersama. Lima tahun lalu kita melangkah dengan keyakinan; hari ini kita berdiri dengan kebanggaan. Tahun hadapan, marilah kita melangkah dengan harapan dan misi baharu, demi meneruskan legasi negara yang selamat, sihat dan produktif untuk seluruh tenaga kerja.

Semoga Allah SWT memberkati usaha kita semua.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



YBrs. Haji Mohd Hatta bin Zakaria
Ketua Pengarah JKKP Malaysia




LAPORAN PRESTASI PELAN INDUK KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (OSHMP25) TAHUN 2025

RINGKASAN UMUM PENCAPAIAN

Pencapaian keseluruhan OSHMP25 secara kumulatif bermula tahun 2021 sehingga 2025 mencatatkan pencapaian 96% berbanding sasaran yang telah ditetapkan untuk 5 tahun iaitu 100% manakala bagi pencapaian bagi Tahun 2025 adalah sebanyak 98% berbanding sasaran, 100%.

Infografik pencapaian kumulatif OSHMP25 bagi tempoh lima (5) tahun iaitu dari 2021 hingga 2025 adalah seperti berikut :

SCORE BOARD PENCAPAIAN OSHMP25 KUMULATIF DAN TAHUNAN BAGI TAHUN 2025



PENCAPAIAN KESELURUHAN MENGIKUT TERAS STRATEGIK OSHMP25

Bermula 2021 sehingga Disember 2025, setiap Teras Strategik OSHMP25 telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dari tahun ke tahun. Pencapaian prestasi bagi semua Teras Strategik OSHMP25 telah dirangkumkan dalam rajah Scoreboard Pencapaian Prestasi Pelan Induk KKP **2021-2025** (OSHMP25).

SB

CO

DA


RA

EO



PENCAPAIAN PELAN INDUK KESELAMATAN DAN KESEHATAN PEKERJAAN TAHUN 2021-2025 (OSHMP25)

RINGKASAN EKSEKUTIF PRESTASI OSHMP25 | 2025



Rajah 1: Ringkasan Eksekutif Pencapaian OSHMP25 Tahun 2025

SCORE BOARD

OS



PELAN
INDUK
KKP
2025

KKP INKLUSIF : KEBERSAMAAN DAN KOMITMEN

PENCAPAIAN
TAHUNAN
OSHMP25
[TAHUN 2025]



CAPAI 2025



TERAS STRATEGIK 1
PEMERKASAAN KKP
DI SEKTOR AWAM

SCORECARD 2025	100%
SASARAN 2025	100%

SCORECARD
Q4 | 2025



P1 – Memartabatkan
Dasar Dan Perundangan
KKP 100%

P2 – Memperkasa
Fungsi MNKKP 100%

P3 – Kerajaan Sebagai
Penggerak 100%

P4 – Transformasi
Penguatkuasaan KKP 100%

P5 – Memantapkan
Pengurusan Pengkalan
Data KKP 100%



TERAS STRATEGIK 2
PENGUKUHAN AMALAN
PERATURAN KENDIRI DI
TEMPAT KERJA

SCORECARD 2025	100%
SASARAN 2025	100%

SCORECARD
Q4 | 2025



P1 – Pemilikan Dan
Kepimpinan KKP 100%

P2 – Pelaksanaan
Peraturan Kendiri Yang
Sistematik 100%

P3 – Penambahbaikan
Amalan Terbaik KKP
Menerusi Intervensi Di
Tempat Kerja 100%


P4 – Kesiapsiagaan
Kawalan Kendiri
Pekerja 100%



TERAS STRATEGIK 3
PENGALAKAN
PENDIDIKAN DAN
PENYELIDIKAN KKP

SCORECARD 2025	95%
SASARAN 2025	100%

SCORECARD
Q4 | 2025



P1 – Meningkatkan
Kesedaran, Pendidikan
Dan Libatsama
Komuniti Dalam KKP 86%

P2 – Kompetensi
Dan Keupayaan KKP
Di Tempat Kerja 100%

P3 – Membudayakan
Penyelidikan Dan
Pembangunan KKP 100%



TERAS STRATEGIK 4
PEMERKASAAN
KESIHATAN PEKERJAAN

SCORECARD 2025	100%
SASARAN 2025	100%

SCORECARD
Q4 | 2025



P1 – Menyediakan
Pengamal Kesihatan
Pekerjaan Yang
Kompeten Di Tempat
Kerja 100%

P2 – Pengurusan Risiko
Kesihatan Pekerja
Secara Komprehensif 100%

P3 – Kesedaran Dan
Perkongsian Maklumat
Berkaitan Kesihatan
Pekerjaan Dan Penyakit
Pekerjaan 100%

P4 – Memperkasakan
Higien Industri Ke Arah
Peningkatan Kualiti
Pekerjaan 100%

P5 – Mengintegrasikan
Penilaian Risiko
Kesihatan Pekerja 100%

Rajah 2: Pencapaian Tahunan OSHMP25 Tahun 2025

HMP25

TAHUNAN

TAHUN 2025



SASAR 2025

INDIKATIF PENCAPAIAN
PRESTASI OSHMP 25
BERBANDING
SASARAN SEMASA



85% KE ATAS

75% - 84%

74% KE BAWAH



TERAS STRATEGIK 5
PENINGKATAN PEMATUHAN
KKP DI SEKTOR
PERUSAHAAN KECIL DAN
SEDERHANA (PKS)

SCORECARD 2025	100%
SASARAN 2025	100%

SCORECARD
Q4 | 2025



- P1 – Dana Khas Untuk Aktiviti KKP Di PKS **100%**
- P2 – Memantapkan Sistem Pengurusan KKP PKS (OSHMS) **100%**
- P3 – Pementapan Sokongan Dan Kerjasama Antara Agensi Serta Inisiatif Program Khas **100%**
- P4 – Peningkatan Pengetahuan, Kemahiran Dan Komitmen KKP **100%**



TERAS STRATEGIK 6
PEMANTAPAN KKP
MELALUI TEKNOLOGI

SCORECARD 2025	100%
SASARAN 2025	100%

SCORECARD
Q4 | 2025




- P1 – Pembangunan Tempat Kerja Pintar Berpaksikan IR 4.0 **100%**
- P2 – Pembangunan Ekosistem Teknologi Dalam KKP **100%**
- P3 – Pengurusan Risiko KKP Melalui Teknologi Digital **100%**



TERAS STRATEGIK 7
PENINGKATAN KESELAMATAN DAN
KESIHATAN PEKERJAAN BERKAITAN
JALAN RAYA (WRRS) MERANGKUMI
PEKERJA PLATFORM DIGITAL

SCORECARD 2025	94%
SASARAN 2025	100%

SCORECARD
Q4 | 2025



- P1 – Memantapkan Kesedaran Dan Kepekaan Amalan KKP Bagi Pekerjaan Masa Hadapan (Future Jobs) **100%**
- P2 – Memantapkan Kesedaran Dan Kepekaan Amalan KKP Dalam Perkhidmatan E-hailing (Termaksud Perkhidmatan Penumpang, Penghantaran Barangan, Makanan, Servis Atau Lain-lain) **100%**
- P3 – Memperkukuhkan Pengurusan WRRS. **75%**
- P4 – Penambahbaikan KKP Di Sektor Informal. **100%**

DIKEMASKINI : 31 OKT 2025 | 10.00AM

SCORE BOARD

OS




PELAN
INDUK
KKP
2025

KKP INKLUSIF : KEBERSAMAAN DAN KOMITMEN

PENCAPAIAN
KUMULATIF
OSHMP25
[2021 – 2025]



CAPAI 2025



Rajah 3: Pencapaian Kumulatif OSHMP25 (5 Tahun) Tahun 2021 sehingga 2025.

OSHMP25 | KUMULATIF | 2021-2025



SASAR 2025

INDIKATIF PENCAPAIAN
PRESTASI OSHMP 25
BERBANDING
SASARAN SEMASA



85% KE ATAS

75% - 84%


74% KE BAWAH



TERAS STRATEGIK 5
PENINGKATAN PEMATUHAN
KKP DI SEKTOR
PERUSAHAAN KECIL DAN
SEDERHANA (PKS)

SCORECARD 2025	95%
SASARAN 2025	100%

SCORECARD
Q4 | 2025



- P1 – Dana Khas Untuk Aktiviti KKP Di PKS **89%**
- P2 – Memantapkan Sistem Pengurusan KKP PKS (OSHMS) **98%**
- P3 – Pemantapan Sokongan Dan Kerjasama Antara Agensi Serta Inisiatif Program Khas **100%**
- P4 – Peningkatan Pengetahuan, Kemahiran Dan Komitmen KKP **95%**



TERAS STRATEGIK 6
PEMANTAPAN KKP
MELALUI TEKNOLOGI

SCORECARD 2025	100%
SASARAN 2025	100%

SCORECARD
Q4 | 2025




- P1 – Pembangunan Tempat Kerja Pintar Berpaksikan IR 4.0 **100%**
- P2 – Pembangunan Ekosistem Teknologi Dalam KKP **100%**
- P3 – Pengurusan Risiko KKP Melalui Teknologi Digital **100%**



TERAS STRATEGIK 7
PENINGKATAN KESELAMATAN DAN
KESIHATAN PEKERJAAN BERKAITAN
JALAN RAYA (WRRS) MERANGKUMI
PEKERJA PLATFORM DIGITAL

SCORECARD 2025	96%
SASARAN 2025	100%

SCORECARD
Q4 | 2025



- P1 – Memantapkan Kesedaran Dan Kepekaan Amalan KKP Bagi Pekerjaan Masa Hadapan (Future Jobs) **100%**
- P2 – Memantapkan Kesedaran Dan Kepekaan Amalan KKP Dalam Perkhidmatan E-hailing (Termaksud Perkhidmatan Penumpang, Penghantaran Barangan, Makanan, Servis Atau Lain-lain) **97%**
- P3 – Memperkukuhkan Pengurusan WRRS. **90%**
- P4 – Penambahbaikan KKP Di Sektor Informal. **98%**

DIKEMASKINI : 31 OKT 2025 | 10.00AM

PRESTASI KPI UTAMA

OSHMP25 Q4 | 2025



PENUNJUK DULUAN

Leading Indicator



Leading Indicator 1

85% daripada tempat kerja yang diaudit mencapai tahap KKP yang memuaskan



Leading Indicator 2

90% daripada tempat kerja yang membuat deklarasi telah melaksanakan program teras KKP



Leading Indicator 3

Pengukuran indeks pembudayaan KKP organisasi

KPI 2025

Pematuhan tahap KKP di tempat kerja adalah 85%

Penilaian sendiri OSHWA di tempat kerja adalah Gred C dan ke atas adalah 90%

Ukuran tahap budaya kerja selamat telah berjaya diukur melalui kajian yang telah dijalankan. Nilai tahap budaya atau indeks tersebut akan digunakan sebagai penandaan-pengukuran (3.96/5.00)-Proactive

Prestasi Q4 2025



*Pematuhan tahap KKP di tempat kerja adalah 78% (4,173 tempat kerja Gred C ke atas) Capai 92% berbanding sasaran 85%

*Data BDAPP 1 Statistik Umum sehingga Sept 2025 (mempunyai 5,375 tempat kerja)



*Penilaian sendiri OSHWA di tempat kerja adalah 98.8% (8,417 tempat kerja)

*Data MyKKP Jan sehingga Sept 2025 (mempunyai 8,517 penilaian OSHWA oleh syarikat)



doshmalaysia

JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

Rajah 4 : Prestasi KPI Utama OSHMP25 bagi Penunjuk Duluan (Leading Indicator)

PRESTASI KPI UTAMA

OSHMP25 Q4 | 2025



PENUNJUK SUSULAN

Lagging Indicator



Lagging Indicator 1

Pengurangan kadar Kecelakaan maut kepada 2.93 / 100,000 pekerja



Lagging Indicator 2

Pengurangan kadar kecederaan pekerjaan 2.13 / 1,000 pekerja



Lagging Indicator 3

Peningkatan pelaporan penyakit dan keracunan pekerjaan sebanyak 30%

KPI 2025

2.93 / 100,000 pekerja

2.13 / 1,000 pekerja

11,480 laporan
Sasaran Sukuan 3 : 8,880

Prestasi Q4 2025



*2.88 / 100,000 pekerja



*2.44 / 1,000 pekerja



7,908 laporan
Sehingga 30 Sept 2025
(Capai 89%)

* Data Interim I Unjuran Sehingga Sukuan Ketiga I Tahun 2025 (Verifikasi JKPP dan PERKESO)



doshmalaysia

JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

Rajah 5 : Prestasi KPI Utama OSHMP25 bagi Penunjuk Susulan (Lagging Indicator)

TERAS STRATEGIK 1

PEMERKASAAN KKP DI SEKTOR AWAM



Penghargaan Jawatankuasa Teras Strategik 1

Alhamdulillah, dipanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya inisiatif Teras Strategik 1 (TS1): Pemerksaan KKP di bawah OSHMP25 di Sektor Awam telah dilaksanakan dengan penuh jayanya.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua ahli-ahli jawatankuasa TS1 dan semua pihak yang telah bersama-sama berganding bahu menyumbangkan idea, meluangkan masa dan mengorbankan tenaga bagi memastikan segala program dan aktiviti berjalan dengan lancar dan mencapai sasaran yang diidamkan.



Diharapkan agar fokus utama TS1 untuk meningkatkan prestasi KKP di kalangan agensi kerajaan dan penjawat awam akan memposisikan Kerajaan sebagai peneraju yang akan menjadi contoh kepada sektor-sektor lain dalam bidang KKP.

Ahli Jawatankuasa Dalaman

PENGERUSI

Ir. Haji Mohd Hatta bin Zakaria (2021)
Ir. Haji Noorazman bin Soud (2022-2025)

PENGERUSI BERSAMA

Dr. Abdul Jalil bin Hassan

URUSETIA

Hasnul Rahimy bin Kandar
Abdul Muhaimin bin Abdullah

KETUA PROGRAM 1

Dr. Ramuna binti Mohamed

AHLI JAWATANKUASA PROGRAM 1

Pn. Hashimah binti Hussain
Hajah Noor Azurah binti Haji Abd Rahman
Pn. Norsalnita binti Md Noor
En. Wan Ahmad Jaziila bin Wan Hassan
Pn. Musna binti Rappe

KETUA PROGRAM 2

Ir. Zamzurin bin Maarof

AHLI JAWATANKUASA PROGRAM 2

En. Aguse bin Adi
Pn. Radin Hanida binti Radin Harun
Ts. Ahmad Syuhairi bin Abdullah
Ir. Suhaidy bin Latip
Pn. Ku Nurfuzana binti Ku Mohamad Faudzi
Ir. Ts. Mohamed Haffis bin Mohossain Molla
En. Anuksin a/I Eh Klim
En. Mat Zawawi bin Zakaria

KETUA PROGRAM 3

Ir. Dr. Haji Nor Halim bin Hasan

AHLI JAWATANKUASA PROGRAM 3

Ts. Amree bin Ghazi
Hajah Noria binti Mohamad Ali
Pn. Emi Fariza binti Mohamed Shukor
Ir. Ts. Dr. Mohd Fairuz bin Mohd Rashid

Pn. Nurfahkis binti Anuar

Pn. Saszren Hazrina binti Saary

Ir. Ts. Zaidi bin Md Zain

Dr. Zainul Azereen bin Zaini

En. Hanifah bin Hassan Basri

En. Noor Azwani binti Mohd Nawawi

Ts. Mohd Rafiah bin Ismail

En. Zul-Fadly bin Zainuddin

Ir. Mohd Afizul bin Mat Daud

Ts. Razman bin Murad

En. Wanlop a/I Phai Rod

YM Raja Mohd Faisal bin Raja Md Salleh

Pn. Nurhana binti Mohd Chulan

Pn. Yong Juhaidah binti Khalid

KETUA PROGRAM 4

Ir. Ahmad Jailani bin Mansor (2021-2023)

Ir. Ts. Zuraidi Hanafi bin Hanafi (2024-2025)

AHLI JAWATANKUASA PROGRAM 4

En. Abdul Rahim bin Sabri

En. Ahmad Fuad bin Jusin

Ir. Ts. Ahmad Afizul Haq bin Abdul Razak

En. Hasan bin Abdul Rahman

Ir. Ts. Mohd Safarin bin Sabli

En. Mohd Zamri bin Noruddin

En. Mohd Zulhasmi bin Mohd Roby

En. Prasad a/I Spor Maoiman

Ir. Zarir Ramiz bin Mustafa

En. Ahmad Faiz bin Md Naziri
En. Franky Kwok
En. Hanis Farzana binti Mohd Sadek
En. Mohd Faizal bin Mohd Hatta
En. Mohd Norhafiz bin Ibrahim
En. Muhammad Azan bin Ghani
Ir. Muhammad Rufaizal Izham bin Rusdi
En. Prem Rakesh a/l Kervsseben
Ts. Shahnisfanizam bin Yaacof
Ts. Tuan Izwadi bin Tuan Mat
Haji Zuraini bin Zakaria
Ir. Ts. Muhammad Amirullah bin Abdul Rahman
Pn. Zulaikha binti Roslan

En. Mohamad Amin bin Harun
En. Khairul Nizam bin Mat Piah

KETUA PROGRAM 5

Ts. Salina binti Tukimin (2021-2023)
En. Ahmad Kamil bin Zailani (2024-2025)

AHLI JAWATANKUASA PROGRAM 5

En. Mohd Ezwani bin Baharom
En. Muhammad Syazwan bin Abdullah
En. Rosli bin Wahid
En. Muhammad Fairuz bin Abdullah
En. Mohamed Nazron Shah bin Ahmad

Ahli Jawatankuasa Luar

Dr. Linda binti Jamaludin **Jabatan Perkhidmatan Awam**

Pn. Matherine anak Richard Sandak **Unit Perumahan Penjawat Awam Jabatan Perdana Menteri**

En. Norihan bin Abu **Jabatan Perkhidmatan Awam**

En. Maclean Marvin Chong **Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup**

Pn. Siti Nabilah binti Ahmad Rostam **Pejabat Daerah dan Tanah Rembau, Negeri Sembilan**



AJK DALAMAN TERAS STRATEGIK 1



PROGRAM	PENCAPAIAN KUMULATIF PROGRAM (2021-2025)					PENCAPAIAN TAHUN SEMASA (2025)	PENCAPAIAN KUMULATIF (2021-2025)
	2021	2022	2023	2024	2025		
P1	14%	19%	15%	20%	23%	100%	92%
P2	14%	21%	21%	21%	21%	100%	97%
P3	15%	20%	20%	20%	20%	100%	95%
P4	16%	20%	20%	20%	20%	100%	96%
P5	13%	20%	15%	20%	20%	100%	88%
KESELURUHAN	14%	20%	18%	20%	20%	100%	94%

Pendahuluan

Teras Strategik (TS1): Pemeraksanaan KKP di Sektor Awam merupakan teras strategik pertama daripada tujuh (7) teras strategik di bawah inisiatif OSHMP25. Pada dasarnya, pelaksanaan program dan aktiviti di bawah Teras Strategik 1 distrukturkan bagi mencapai tiga (3) keberhasilan berikut:


1. Pembangunan serta penyemakan dasar dan perundangan KKP yang kontemporari bagi menangani isu KKP yang berubah-ubah mengikut perubahan teknologi semasa selaras dengan perundangan antarabangsa
2. Peningkatan peranan kerajaan, Majlis Negara Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (MNKKP), badan penguatkuasa KKP, dan penggerak kepada penubuhan Institut KKP Negara
3. Perwujudan sistem pengumpulan dan penyebaran data komprehensif KKP untuk orang awam dan pelbagai agensi bagi memantau kemajuan dan prestasi KKP Negara

Pelaksanaan

Bagi mencapai keberhasilan di atas, terdapat lima (5) program utama yang dilaksanakan di bawah teras strategik ini iaitu:

- P1: Memartabatkan Dasar dan Perundangan KKP
- P2: Memperkasa Fungsi MNKKP
- P3: Kerajaan Sebagai Penggerak KKP
- P4: Transformasi Penguatkuasaan KKP
- P5: Memantapkan Pengurusan Pangkalan Data KKP

Secara kumulatif sepanjang lima (5) tahun iaitu dari tahun 2021 hingga 2025, TS1 telah merekodkan pencapaian keseluruhan sebanyak 94% di mana pencapaian setiap program masing-masing adalah seperti berikut:



Kesimpulan

Walaupun pencapaian Teras Strategik 1 tidak mencapai 100% sehingga tahun 2025, pelaksanaan program-program di bawahnya telah sedikit sebanyak mengubah landskap KKP negara melalui pengukuhan perundangan dan sistem data KKP serta transformasi pemegang taruh KKP di Sektor Awam iaitu JKPP sebagai badan penguat kuasa KKP, MNKKP sebagai badan tripartite KPP dan Kerajaan secara keseluruhannya.



TERAS STRATEGIK
1

PROGRAM 1

MEMARTABATKAN DASAR & PERUNDANGAN KKP

PROGRAM	AKTIVITI		PENCAPAIAN TAHUN SEMASA (2025)	PENCAPAIAN KUMULATIF PROGRAM (2021-2025)					PENCAPAIAN KUMULATIF (5 TAHUN)
				2021	2022	2023	2024	2025	
PROGRAM 1: MEMARTABATKAN DASAR & PERUNDANGAN KKP	A1	Menggubal perundangan KKP baru mengikut keperluan yang kritikal dan berkesan seiring dengan perundangan	53%	10%	10%	10%	20%	27%	85%
	A2	Menyemak keberkesanan akta, dasar, peraturan dan tata amalan secara berkala	53%	20%	20%	20%	20%	20%	100%
KESELURUHAN			53%	14%	19%	15%	20%	23%	92%

Pendahuluan

Program 1: Memartabatkan Dasar dan Perundangan KKP di bawah TS1 OSHMP25 dirangka bagi menggubal dasar dan perundangan baharu yang kritikal untuk menjamin keselamatan, kesihatan serta kebajikan pekerja, di samping meningkatkan pematuhan undang-undang dan memperkukuh keberkesanan penguatkuasaan. Bagi mencapai tujuan ini, Program 1 menumpukan kepada pelaksanaan dua (2) aktiviti iaitu:

1. Menggubal perundangan KKP baru mengikut keperluan yang kritikal dan berkesan seiring dengan perundangan antarabangsa; dan
2. Menyemak keberkesanan akta, dasar, peraturan dan tataamalan secara berkala.



Pelaksanaan

Melalui pelaksanaan kedua-dua aktiviti di atas, pencapaian TS1 Program 1 sepanjang lima (5) tahun dari 2021-2025 adalah seperti berikut:

1. Dua (2) Akta diwartakan dan dikuatkuasakan:

- a. Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022 [Akta A1648] diwartakan pada 16 Mac 2022 dan dikuatkuasakan pada 1 Jun 2024 melalui Penetapan Tarikh Permulaan Kuat Kuasa [P.U.(B) 128/2024]
- b. Akta Kilang dan Jentera (Pemansuhan) 2022 diwartakan pada 16 Mac 2022 dan dikuatkuasakan pada 1 Jun 2024 melalui Penetapan Tarikh Permulaan Kuat Kuasa [P.U.(B) 127/2024]

2. Empat (4) Peraturan diwartakan dan dikuatkuasakan:

- a. Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024 [P.U.(A) 99/2024]
- b. Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Fi bagi Pendaftaran Orang Kompeten dan Penyedia Latihan Berdaftar) 2024 [P.U.(A) 146/2024]
- c. Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kerja Pembinaan) (Reka Bentuk dan Pengurusan) 2024 [P.U.(A) 147/2024]
- d. Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Skim Pemeriksaan Khas) 2025 [P.U.(A) 25/2025]

3. Dua (2) Perintah diwartakan dan dikuatkuasakan:

- a. Perintah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pengecualian bagi Loji yang Menghendaki Perakuan Kelayakan di Tempat Kerja PETRONAS di dalam Zon Maritim) 2024 [P.U.(A) 292/2024]
- b. Perintah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Orang Berlesen) 2024 [P.U.(A) 100/2024]

4. 12 Garis Panduan digubal dan diterbitkan:

- a. Guidelines on Industrial Gas Cylinder (Design, Construction, Handling, Inspection and Testing) 2021
- b. Guidelines on Monitoring of Airborne Chemical Hazardous to Health 2022
- c. Guidelines for the Factories and Machinery Special Scheme Inspection (SSI) (Risk Based Inspection) Regulations 2014, Second Revision 2022
- d. Garis Panduan Pengurusan Keselamatan Silinder Domestik Gas Petroleum Ceciar (GPC) dan Pemasangan 2023
- e. Guidelines on Occupational Safety and Health for Seating at Work 2024

- f. Guidelines on Occupational Safety and Health for Standing at Work 2024
- g. Guidelines on Occupational Safety and Health for Working with Display Screen Equipment 2024
- h. Garis Panduan Pendaftaran dan Pembaharuan Pendaftaran Orang Kompeten 2024
- i. Garis Panduan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, Edisi Kedua 2025
- j. Guidelines on Occupational Safety and Health in Coal Mining Operations 2025
- k. Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Penstoran dan Kendalian di Stesen Minyak 2025
- l. Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Penstoran dan Kendalian di Premis Penstoran Silinder Gas Petroleum Cecair 2025

5. Lapan (8) Panduan digubal dan diterbitkan:

- a. Panduan Menjalankan Penaksiran Risiko Bahan Kimia Berbahaya kepada Kesihatan secara Generik 2021
- b. Guidance for Preparation and Updating of Report on Industrial Activity (Second Edition) 2023
- c. Guidance on Safety Use of Mobile Access Towers 2023
- d. Panduan Hak Pekerja 2024
- e. Guidance on Occupational Noise Control 2024
- f. Panduan Pendaftaran dan Pembaharuan Pusat Pengajar Juruteknik Audiometrik 2025

- g. Machinery Safety Basic e-Guide – MSBeG: Hand Injury 2025
- h. Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Aturan Kerja Fleksibel 2025

6. Sembilan (9) Pekeliling Ketua Pengarah digubal dan diterbitkan:

- a. Pekeliling Ketua Pengarah Bilangan 1 Tahun 2021: Pemberitahuan Pelaksanaan Kaedah Alternatif Pemeriksaan Pertama dan Pemeriksaan Ulangan bagi Kilang dan Jentera Berperakuan (Dengan Pindaan)
- b. Pekeliling Ketua Pengarah Bilangan 2 Tahun 2021: Panduan Pendaftaran Jentera Berperakuan Kelayakan di Luar Pesisir Bukan Milik PETRONAS
- c. Pekeliling Ketua Pengarah Bilangan 3 Tahun 2021: Panduan Penglibatan Pegawai JKKP sebagai Penasihat Industri, Penilai atau Penggubal bagi Aktiviti yang Dianjurkan oleh Organisasi Luar
- d. Pekeliling Ketua Pengarah Bilangan 1 Tahun 2021: Maklum Balas berkaitan Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Penyakit Pekerjaan dan Keracunan Pekerjaan, Tindakan Penyiasatan dan Laporan Penyiasatan JKKP kepada Pihak Luar
- e. Pekeliling Ketua Pengarah Bilangan 2 Tahun 2022: Semakan Semula Pelaksanaan Sistem Gred Orang Yang Kompeten (OYK) Lif dan Penetapan Nisbah Orang Yang Kompeten (OYK) mengikut Bilangan Unit Lif
- f. Pekeliling Ketua Pengarah Bilangan 3 Tahun 2022: Panduan Pendaftaran

dan Pembaharuan Perakuan Kelayakan bagi Jentera Berperakuan Luar Pesisir bukan Milik PETRONAS

- g. Pekeliling Ketua Pengarah Bilangan 1 Tahun 2023: Rujukan dan Minit Kertas Siasatan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Pejabat Pendakwaan Negeri
- h. Pekeliling Ketua Pengarah Bilangan 1 Tahun 2024: Panduan Penglibatan Pegawai JKPP sebagai Penasihat Industri, Penilai atau Penggubal bagi Aktiviti yang Dianjurkan oleh Organisasi Luar
- i. Pekeliling Ketua Pengarah Bilangan 2 Tahun 2024: Penarafan Status Kerajaan

7. Enam (6) Terjemahan Garis Panduan dan Panduan dijalankan:

- a. *Guidelines on Occupational Safety and Health for Seating at Work 2024* ke versi Bahasa Melayu
- b. *Guidelines on Occupational Safety and Health for Standing at Work 2024* ke versi Bahasa Melayu
- c. *Guidelines on Occupational Safety and Health for Working with Display Screen Equipment 2024* ke versi Bahasa Melayu
- d. *Guidelines on Occupational Safety and Health in Coal Mining Operations 2025* ke versi Bahasa Melayu
- e. Panduan Hak Pekerja 2024 ke versi Bahasa Inggeris
- f. *Guidance on Occupational Noise Control 2024* ke versi Bahasa Melayu

8. Enam (6) Sesi Seminar Hebahan Perundangan Baharu KKP Negara kepada Pihak Berkepentingan bertujuan memperkenalkan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) (Pindaan) 2022, Akta Kilang dan Jentera (AKJ) (Pemansuhan) 2022 dan perundangan subsidiari KKP dilaksanakan:

- a. Zon Utara, Pulau Pinang (20 Mei 2024)
- b. Zon Pantai Timur, Terengganu (23 Mei 2024)
- c. Wilayah Sabah & WP Labuan, Kota Kinabalu (23 Mei 2024)
- d. Wilayah Sarawak, Kuching (27 Mei 2024)
- e. Zon Selatan, Melaka (28 Mei 2024)
- f. Zon Tengah, Selangor (29 Mei 2024)

9. Dua (2) Sesi Libat Urus Reformasi Undang-Undang Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) diadakan:

- a. Sesi Libat Urus Pelan Reformasi Undang-Undang KESUMA bersama Bahagian/ Koordinator Ibu Pejabat (KIP) JKPP dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) (13-15 Ogos 2025)
- b. Sesi Libat Urus Pelan Reformasi Undang-Undang KKP bersama Industri (2 Oktober 2025)

10. Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) Occupational Safety and Health Convention, 1981 (N. 155) [C.155] diratifikasikan

11. Semakan terhadap 10 Peraturan di bawah Akta Kilang Jentera 1967 (AKJ 1967), enam (6) Peraturan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP 1994), tiga (3) Perintah di bawah AKJ 1967, dua (2) Perintah di bawah AKKP 1994, tiga (3) Tataamalan Industri dan enam (6) Garis Panduan dijalankan

Kesimpulan

Secara kumulatif sepanjang lima (5) tahun iaitu dari tahun 2021 hingga 2025, TS1 Program 1: Memartabatkan Dasar dan Perundangan KKP telah merekodkan pencapaian keseluruhan sebanyak 92%. Pembangunan dan penyemakan akta, peraturan, perintah, tataamalan, garis panduan, panduan dan pekeliling memastikan perundangan KKP Malaysia setara dengan peringkat antarabangsa agar majikan dan pekerja lebih jelas dengan kewajipan dan hak masing-masing, sekali gus meningkatkan kadar pematuhan KKP di Malaysia.



Sesi Seminar Hebahan Perundangan Baharu KKP Negara kepada Pihak Berkepentingan Zon Utara



Penerbitan Perundangan Subsidiari KKP di bawah AKKP (Pindaan) 2022



Penerbitan Piawaian bagi Menyokong Perundangan Subsidiari KKP

TERAS STRATEGIK
1

PROGRAM 2

MEMPERKASA FUNGSI MNKKP

PROGRAM	AKTIVITI	PENCAPAIAN TAHUN SEMASA (2025)	PENCAPAIAN KUMULATIF PROGRAM (2021-2025)					PENCAPAIAN KUMULATIF (5 TAHUN)	
			2021	2022	2023	2024	2025		
PROGRAM 2: MEMPERKASA FUNGSI MNKKP	A1	Meningkatkan fungsi MNKKP sebagai peneraju aktiviti KKP Negara	31%	20%	20%	20%	20%	20%	100%
	A2	Menjalinkan hubungan kerjasama dengan beberapa Agensi utama terpilih berkaitan isu KKP	31%	6%	23%	23%	23%	23%	96%
	A3	Memperkasa dan meluaskan keahlian badan berkepentingan sebagai jawatankuasa yang merangkumi semua	31%	16%	20%	20%	20%	20%	96%
KESELURUHAN		31%	14%	21%	21%	21%	21%	97%	

Pendahuluan

Program 2: Memperkasa Fungsi MNKKP di bawah TS1 OSHMP25 dirangka untuk memperkukuh peranan Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MNKKP) sebagai peneraju agenda KKP negara. Bagi tujuan tersebut, Program 2 menumpukan kepada tiga (3) aktiviti iaitu:

1. Meningkatkan keberkesanan MNKKP sebagai peneraju aktiviti tripartite;
2. Menjalinkan hubungan kerjasama dengan beberapa agensi utama terpilih dengan isu KKP; dan
3. Memperkasa dan meluaskan keahlian badan berkepentingan sebagai jawatankuasa yang merangkumi semua pemegang taruh.

Pelaksanaan

Melalui pelaksanaan kedua-dua aktiviti di atas, pencapaian TS1 Program 2 sepanjang lima (5) tahun dari 2021-2025 adalah seperti berikut:

1. Sambutan Hari Sedunia bagi KKP

Majlis Sambutan Hari Sedunia bagi KKP menekankan pencegahan kemalangan dan penyakit pekerjaan melalui kekuatan tripartite dan dialog sosial. Sambutan ini juga memperingati mangsa kemalangan industri dan penyakit pekerjaan dan mementingkan keselamatan, kesihatan dan kebajikan para pekerja. Penganjuran Majlis Sambutan Hari Sedunia bagi KKP sepanjang tahun 2021-2025 adalah seperti berikut:

- a. Forum Labor Sekarang Di Dalam Sistem KKP Yang Berdaya Tahan sempena Hari KKP Sedunia (28 April 2021) dirasmikan oleh YB Datuk Haji Awang bin Hashim, Timbalan Menteri Sumber Manusia
- b. Majlis Pelancaran Sambutan Hari KKP Sedunia (28 April 2022) dirasmikan oleh YB Datuk Haji Awang bin Hashim, Timbalan Menteri Sumber Manusia
- c. Amanat YB Menteri Sumber Manusia sempena Sambutan World OSH Day 2023 disampaikan oleh YB Encik V. Sivakumar, Mantan Menteri Sumber Manusia



Majlis Sambutan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja 2025 (28 April 2025) dirasmikan oleh YB Encik Steven Sim Chee Keong, Menteri Sumber Manusia

- d. Majlis Sambutan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja 2024 (28 April 2024) dirasmikan oleh YB Encik Steven Sim Chee Keong, Menteri Sumber Manusia
- e. Majlis Sambutan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja (28 April 2025) dirasmikan oleh YB Encik Steven Sim Chee Keong, Menteri Sumber Manusia

2. Sambutan Minggu KKP

Minggu KKP menggalakkan satu minggu yang khusus bagi menjalankan pelbagai inisiatif dalam usaha berterusan untuk meningkatkan kesedaran dan tahap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Penganjuran majlis pelancaran atau penutup Minggu KKP sepanjang tahun 2021-2025 adalah seperti berikut:

a. Pelancaran OSHMP25 sempena Sambutan Minggu KKP (12-13 Oktober 2021) dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Mantan Perdana Menteri ke-9



Pelancaran OSHMP25 sempena Sambutan Minggu KKP (12-13 Oktober 2021) dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Mantan Perdana Menteri

b. Sidang Media Statistik Kemalangan dan Penyakit Pekerja Negara 2021 sempena Majlis Pelancaran Minggu KKP 2022 (30 Jun 2022) dirasmikan oleh YB Datuk Haji Awang bin Hashim, Timbalan Menteri Sumber Manusia

c. Majlis Pelancaran DOSH 1648K Virtual Steps Challenge Bersama Industri sempena Minggu KKP 2023 (12 Julai 2023) dirasmikan oleh YB Datuk Ts. Mustapha, Timbalan Menteri Sumber Manusia

d. Seminar Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kerja Pembinaan) (Reka Bentuk dan Pengurusan) 2024 sempena Majlis Penutup Minggu KKP 2024 (5 Ogos 2024)

e. Karnival Kerja Selamat dan Sihat KESUMA sempena penutup Minggu KKP 2025 (9 Ogos 2025) dirasmikan oleh YBrs. En. Sutekno Ahmad Belon, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KESUMA

3. Majlis Anugerah KKP Negara

Majlis Anugerah KKP Negara dianjurkan bertujuan memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada individu dan organisasi daripada pelbagai sektor industri terhadap pencapaian mereka yang cemerlang di dalam mengamalkan budaya kerja selamat dan sihat di tempat kerja mereka. Penganjuran Majlis Anugerah KKP Negara sepanjang tahun 2021-2025 adalah seperti berikut:

a. Majlis Anugerah KKP Negara 2020 & 2021 (11 November 2022)

b. Majlis Anugerah KKP Negara 2022 (25 Oktober 2023) dirasmikan oleh YB Datuk Ts. Mustapha, Timbalan Menteri Sumber Manusia

c. Majlis Anugerah KKP Negara 2023 (12 November 2024) dirasmikan oleh YB Encik Steven Sim Chee Keong, Menteri Sumber Manusia

d. Majlis Anugerah KKP Negara 2024 (17 Oktober 2025) dirasmikan oleh YB Dato' Sri Abdul Rahman bin Mohamad, Timbalan Menteri Sumber Manusia

4. Pengiktirafan Rekod Bacaan Ikrar Integriti KKP

- a. Menerima pengiktirafan daripada Malaysian Book of Records bagi pencapaian Largest Participation in Occupational Safety and Health Integrity Pledge Recital iaitu untuk sebanyak 10,116 orang pengamal KKP yang melafazkan Ikrar Integriti KKP pada satu-satu perhimpunan
- b. KESUMA melalui JKPP dan National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) telah tersenarai dalam Guinness World Records bagi pencapaian Most Pledges Received for an Occupational Safety Campaign in One Year iaitu untuk sebanyak 140,444 Ikrar Integriti KKP



Penerimaan Pengiktirafan daripada Guinness World Records bagi pencapaian Most Pledges Received for an Occupational Safety Campaign in One Year oleh YB Dato' Sri Abdul Rahman bin Mohamad, Timbalan Menteri Sumber Manusia pada Majlis Anugerah KKP Negara (17 Oktober 2025)

Kesimpulan

Secara kumulatif sepanjang lima (5) tahun iaitu dari tahun 2021 hingga 2025, TS1 Program 2: Memperkasa Fungsi MNKKP telah merekodkan pencapaian keseluruhan sebanyak 97%. Kejayaan pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini membuktikan komitmen dan penyertaan berterusan tripartite iaitu Kerajaan, majikan dan pekerja di bawah naungan MNKKP dalam meneraju dan mempromosikan KKP yang lebih inklusif, bersepadu dan diiktiraf di negara ini.

TERAS STRATEGIK
1

PROGRAM 3

KERAJAAN SEBAGAI PENGGERAK KKP

PROGRAM	AKTIVITI	PENCAPAIAN TAHUN SEMASA (2025)	PENCAPAIAN KUMULATIF PROGRAM (2021-2025)					PENCAPAIAN KUMULATIF (2021-2025)	
			2021	2022	2023	2024	2025		
PROGRAM 3: KERAJAAN SEBAGAI PENGGERAK KKP	A1	Memantapkan KKP di sektor awam melalui KSN	49%	11%	20%	20%	20%	20%	91%
	A2	Memasukkan kriteria KKP dalam perolehan mengikut garis panduan Pengurusan Kontrak 2015 dan syarat	49%	20%	20%	20%	20%	20%	100%
	A3	Penubuhan excellent centre bagi KKP (COE) dalam bentuk penyusunan penjawatan SME JKPP ke dalam satu bahagian khusus	49%	18%	20%	20%	20%	20%	98%
	A4	Meneruskan pemberian insiatif dan pengiktirafan kepada majikan dan pekerja yang cemerlang dalam mematuhi perundangan berkaitan KKP	49%	10%	20%	20%	20%	20%	90%
KESELURUHAN		49%	15%	20%	20%	20%	20%	95%	

Pendahuluan

Program 3: Kerajaan Sebagai Penggerak KKP di bawah TS1 OSHMP25 dirangka berpaksikan kepada teras bahawa Kerajaan mengambil peranan utama dalam memacu dan memastikan KKP di seluruh negara terjamin. Bagi tujuan tersebut, Program 3 menumpukan kepada empat (4) aktiviti iaitu:

1. Memantapkan KKP di Sektor Awam melalui Ketua Setiausaha Negara (KSN);
2. Memasukkan kriteria KKP ke dalam perolehan Kerajaan;
3. Penubuhan pusat kecemerlangan KKP dalam bentuk penyusunan perjawatan pakar bidang khusus (subject matter expert - SME) JKPP ke dalam satu bahagian khusus; dan
4. Meneruskan pemberian insentif dan pengiktirafan kepada majikan dan pekerjaan yang cemerlang dalam mematuhi perundangan berkaitan KKP.


Pelaksanaan

Melalui pelaksanaan kedua-dua aktiviti di atas, pencapaian Program 3 sepanjang lima (5) tahun dari 2021-2025 adalah seperti berikut:

1. Modul E-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA) dibangunkan

Sembilan (9) modul Kursus Penyelaras KKP bertujuan memberi latihan kepada bakal penyelaras KKP Sektor Awam telah dibangunkan, ditauliahkan dan dimuat naik ke dalam sistem EPSA kendalian Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Jabatan Perkhidmatan Awam seperti berikut:

- a. Cabaran dan Realiti Sektor Awam
- b. Pengenalan kepada Jabatan dan Asas Perundangan KKP
- c. Asas Pengurusan KKP
- d. Pengurusan Bahan Kimia
- e. Pengenalan kepada Penyakit Pekerjaan
- f. OSH Risk Assessment
- g. Pengurusan Loji dan Bahan
- h. Stesen Kerja
- i. Pelaksanaan & Penggunaan Senarai Semak Tempat Kerja (OSHOWA)



Modul EPSA 1 Kusus Penyelaras KKP untuk Sektor Awam: Cabaran dan Realiti Sektor Awam

2. Profail KKP Sektor Awam dibangunkan

Satu Profail KKP Sektor Awam telah dibangunkan dengan kerjasama daripada Universiti Utara Malaysia. Profail ini mempamerkan petunjuk bagi memahami penerapan landskap semasa KKP di Sektor Awam serta mencadangkan perkara-perkara utama yang perlu ditekankan bagi meningkatkan tahap KKP di Sektor Awam.



Bengkel Profail KKP Sektor Awam

3. Panduan Pelaksanaan Pematuhan AKKP 1994 dan Perundangan Subsidiari di bawahnya (Sektor Awam) disediakan

Panduan Pelaksanaan Pematuhan AKKP 1994 Dan Perundangan Subsidiari Di Bawahnya (Sektor Awam) telah disediakan dan menggariskan tanggungjawab setiap Ketua Jabatan dalam melaksanakan dan memantau

pematuhan terhadap AKKP 1994. Panduan ini akan menggantikan Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 2019: Arahan Pematuhan AKKP 1994 (Akta 514) Dan Peraturan-Peraturan Di Bawahnya Oleh Semua Kementerian, Jabatan, Agensi Kerajaan Dan Badan Berkanun Persekutuan dan melibatkan aspek-aspek berikut:

- a. Penyediaan Dasar KKP;
- b. Pentaksiran Risiko;
- c. Pelantikan Penyelaras KKP;
- d. Penubuhan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan; dan
- e. Keperluan Latihan KKP.



Libat Urus Panduan Pelaksanaan Pematuhan AKKP 1994 dan Perundangan Subsidiari di bawahnya (Sektor Awam) bersama Kementerian/ Jabatan/ Badan Berkanun dan Agensi

4. Panduan KKP Dalam Perolehan Kerajaan dibangunkan

Panduan KKP Dalam Perolehan Kerajaan juga dibangunkan bertujuan untuk menerapkan elemen KKP bagi agensi kerajaan dalam menangani isu KKP semasa proses perolehan melibatkan aspek-aspek berikut:

- a. Kerajaan menjalankan tanggungjawab KKP sebagai prinsipal dan majikan;



Bengkel Pengharmonian Panduan KKP Dalam Perolehan Kerajaan

- b. Kerajaan mempengaruhi pelaksanaan amalan KKP yang lebih baik melalui rantai bekalan dan perkhidmatan mengikut spesifikasi dan syarat KKP yang ditetapkan;
- c. Memastikan Syarikat/Kontraktor memenuhi elemen KKP dalam perolehan Kerajaan; dan

5. Desktop study pewujudan struktur bahagian khusus bagi penyusunan SME dijalankan



Dialog Halatuju COE bersama Mantan Pengurusan Tertinggi JKKP

Desktop study telah dijalankan dengan kerjasama Universiti Utara Malaysia bagi mencadangkan pewujudan struktur bagi menyusun SME ke dalam satu bahagian baharu di Ibu Pejabat JKKP yang disebut sebagai Pusat Kecemerlangan (Centre of Excellence - COE) JKKP. Bahagian ini akan menjadi rujukan bagi pelbagai bidang khusus yang tiada kepakaran di bahagian-bahagian lain di Ibu Pejabat JKKP. Desktop study ini telah mencadangkan model Penubuhan COE di bawah JKKP yang telah dijadikan input kepada Jawatankuasa Penstrukturan Semula Organisasi JKKP.

6. Kertas kerja bagi pemberian insentif KKP Sektor Awam disediakan

Bagi menggalakkan para penjawat awam untuk bersaing untuk mematuhi peruntukan-peruntukan AKKP, sebanyak tiga (3) tiga kertas kerja telah disediakan iaitu:

- a. Pemberian Sijil Penghargaan Khas kepada Penyelaras KKP di Sektor Awam yang tercalon dalam Anugerah KKP Negara;
- b. Pewujudan Kategori Khas untuk Sektor Awam Berasaskan Teknologi dan Inovasi di dalam Anugerah KKP Negara; dan
- c. Pemberian Pengiktirafan kepada Penyelaras KKP Sektor Awam untuk Keperluan Pendaftaran Pegawai Keselamatan dan Kesihatan.

Kesimpulan

Secara kumulatif sepanjang lima (5) tahun iaitu dari tahun 2021 hingga 2025, TS1 Program 3: Kerajaan Sebagai Penggerak KKP telah merekodkan pencapaian keseluruhan sebanyak 95%. Pelbagai inisiatif di atas dirangka agar Kerajaan menggalas tanggungjawabnya dalam memimpin aspek KKP di negara ini.

TERAS STRATEGIK
1

PROGRAM 4

TRANSFORMASI PENGUATKUASAAN KKP

PROGRAM	AKTIVITI	PENCAPAIAN TAHUN SEMASA (2025)	PENCAPAIAN KUMULATIF PROGRAM (2021-2025)					PENCAPAIAN KUMULATIF (5 TAHUN)	
			2021	2022	2023	2024	2025		
PROGRAM 4: TRANSFORMASI PENGUATKUASAAN KKP	A1	Menguatkuasa undang-undang secara intensif bagi sektor kritikal	21%	13%	20%	20%	20%	20%	93%
	A2	Memperkasa teknologi KKP	21%	13%	20%	20%	20%	20%	93%
	A3	Menambah kompetensi dan pengetahuan penguatkuasa	21%	20%	20%	20%	20%	20%	100%
	A4	Mewujudkan pelan strategik promosi KKP	21%	20%	20%	20%	20%	20%	100%
KESELURUHAN			21%	16%	20%	20%	20%	20%	96%

Pendahuluan

Program 4: Transformasi Penguatkuasaan KKP di bawah TS1 OSHMP25 dirangka sebagai pemacu utama dalam usaha Jabatan untuk menyusun semula hala tuju penguatkuasaan KKP ke arah pendekatan yang lebih berfokus, efisien, efektif dan strategik. Bagi tujuan tersebut, Program 4 menumpukan kepada empat (4) aktiviti iaitu:

1. Menguatkuasakan undang-undang secara intensif bagi sektor kritikal;
2. Memperkasa kaedah dan teknologi penguatkuasaan KKP;
3. Menambah kompetensi dan pengetahuan penguat kuasa; dan
4. Mewujudkan pelan strategik promosi KKP.

Pelaksanaan

Melalui pelaksanaan keempat-empat aktiviti di atas, pencapaian Program 4 sepanjang lima (5) tahun dari 2021-2025 adalah seperti berikut:

1. Podcast Keselamatan - Safety Pods bagi Pemegang Taruh Keselamatan Lif dilaksanakan

Podcast Keselamatan - Safety Pods Bagi Pemegang Taruh Keselamatan Lif telah dilaksanakan dan berperanan sebagai platform advokasi dan pemindahan ilmu secara digital serta bersasar kepada komuniti teknikal, industri dan agensi berkepentingan. Siri Safety Pods ini melibatkan kolaborasi strategik merentas pelbagai agensi kerajaan dan swasta yang merupakan pemegang taruh keselamatan lif.



Safety Pods bagi Pemegang Taruh Keselamatan Lif Siri 1 Bersama Ir. Haji Mohd Hatta bin Zakaria, Ketua Pengarah JKKP

2. Senarai Semak OSHWA dan OSHWA Kendiri diperkasakan

Bagi tujuan penguatkuasaan yang lebih berkesan di sektor kritikal oleh pegawai JKKP, senarai semak Pemeriksaan Tempat Kerja (OSH Workplace Assessment - OSHWA) telah melalui proses penambahbaikan menyeluruh selaras dengan aspirasi Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022 untuk memperluas tanggungjawab KKP kepada lebih banyak sektor dan kategori majikan yang melibatkan:




Mesyuarat Pemerksaan Senarai Semak OSHWA Kendiri di Tempat Kerja

- a. penyeragaman kandungan dan metodologi penggunaan OSHWA merentas pelbagai sektor;
- b. penyelarasan penggunaan OSHWA bagi memastikan keseragaman dalam pelaksanaan pemeriksaan fizikal dan audit pematuhan; dan
- c. integrasi pelaksanaan OSHWA sendiri sebagai sebahagian daripada pendekatan pematuhan sendiri (self-regulation).

3. Dashboard Pemeriksaan Tempat Kerja dibangunkan di bawah Big Data Analytics (BDA)

Hasil penguatkuasaan JKKP melalui pelaksanaan OSHWA telah dimanfaatkan secara strategik melalui pembangunan sistem visualisasi data bersepadu. Data audit dan penemuan pemeriksaan OSHWA dianalisis dan dipaparkan menerusi platform Dashboard Pemeriksaan Tempat Kerja yang dibangunkan menggunakan teknologi Big Data Analytics (BDA). Dashboard ini membolehkan analisis corak ketidakpatuhan, pengesanan risiko sistemik serta sokongan keputusan berdasarkan data (data-driven decision-making) dalam pelaksanaan intervensi penguatkuasaan bersasar.



Laman Utama Dashboard Pemeriksaan Tempat Kerja

4. Enforcement Uniformity Model (EUM) dikemas kini dan diperkukuhkan



Mesyuarat Pengharmonian EUM

Selaras dengan keperluan untuk memperkukuh kebolehpercayaan, ketelusan, keadilan dan keselarasan dalam pelaksanaan tindakan penguatkuasaan, pendekatan Enforcement Uniformity Model (EUM) telah dikaji semula dan diperkasakan mengambil kira perkembangan dalam perundangan KKP terkini. Panduan EUM yang telah dikemas kini mengandungi:

- a. Garis panduan praktikal penggunaan EUM dalam pelbagai konteks penguatkuasaan perundangan KKP;
- b. Kajian kes berasaskan senario sebenar yang pernah dihadapi di lapangan; dan
- c. Contoh-contoh tindakan penguatkuasaan yang sejajar dengan prinsip keseragaman, keadilan dan keberkesanan tindakan.

5. Pengajian sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah oleh pegawai JKPP dilaksanakan

Selaras dengan aspirasi untuk memastikan pegawai kekal cekap dan kompeten, JKPP amat menggalakkan pegawainya untuk melanjutkan pengajian ke tahap yang lebih tinggi. Seajar dengan seruan ini, beberapa pegawai telah menyahut cabaran dengan melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda, Sarjana, dan Doktor Falsafah sama ada melalui inisiatif Hadiah Latihan Persekutuan (HLP), Program Penajaan Kumpulan Pelaksana (PPKP)

atau melanjutkan pengajian secara persendirian demi meningkatkan prestasi dan kompetensi diri. Hasil daripada inisiatif ini seramai 18 orang pegawai telah tamat pengajian Sarjana Muda, 24 orang telah tamat pengajian Sarjana dan 15 orang telah tamat pengajian Doktor Falsafah sepanjang tahun 2021 hingga 2025.

6. Blueprint dan Nota Pelaksanaan Pelan Strategik Promosi KKP diterbitkan

Selain penguatkuasaan yang berkesan, aktiviti promosi yang dijalankan oleh JKPP juga haruslah lebih tersusun dan kontemporari. Bagi tujuan tersebut, satu Pelan Strategik Promosi KKP telah dibangunkan dengan kerjasama pihak Uni-Technologies Sdn. Bhd., Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Teknologi MARA. Pelan Strategik ini akan digunakan oleh Unit Komunikasi Korporat serta Seksyen Promosi dan Sumber JKPP bagi merancang program-program promosi KKP.



Blueprint Pelan Strategik Promosi KKP

Kesimpulan

Secara kumulatif sepanjang lima (5) tahun iaitu dari tahun 2021 hingga 2025, TS1 Program 4: Transformasi Penguatkuasaan KKP telah merekodkan pencapaian keseluruhan sebanyak 96%. Inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan di bawah Program 4 mengukuhkan kompetensi para penguat kuasa, menyeragamkan kaedah penguatkuasaan KKP di samping mewujudkan strategi promosi KKP secara nasional.

TERAS STRATEGIK
1

PROGRAM 5

MEMANTAPKAN PENGURUSAN PANGKALAN DATA KKP

PROGRAM	AKTIVITI	PENCAPAIAN TAHUN SEMASA (2025)	PENCAPAIAN KUMULATIF PROGRAM (2021-2025)					PENCAPAIAN KUMULATIF (5 TAHUN)	
			2021	2022	2023	2024	2025		
PROGRAM 5: MEMANTAPKAN PENGURUSAN PANGKALAN DATA KKP	A1	Mewujudkan sistem pangkalan data setaraf dengan sistem antarabangsa	100%	18%	20%	20%	20%	20%	98%
	A2	Menggalakkan pembangunan aplikasi KKP	100%	0%	20%	20%	20%	20%	80%
	A3	Memperkasa Virtual OSH Information Centre (VOSHIC) di laman web JKPP	100 %	20%	20%	6%	20%	20%	86%
KESELURUHAN		100%	13%	20%	15%	20%	20%	88%	

Pendahuluan

Program 5: Memantapkan Pengurusan Pangkalan Data KKP di bawah TS1 OSHMP25 menyasarkan kepada pengukuhan dan pemodenan sistem pengurusan data KKP agar lebih sistematik, bersepadu dan setaraf dengan amalan terbaik antarabangsa, selaras dengan keperluan era digital. Bagi tujuan tersebut, Program 5 menumpukan kepada tiga (3) aktiviti iaitu:

1. Pewujudan sistem pangkalan data setaraf dengan sistem antarabangsa;
2. Menggalakkan pembangunan aplikasi KKP; dan
3. Memperkasa Virtual OSH Information Centre (VOSHIC) di laman web JKPP.

Pelaksanaan

Melalui pelaksanaan ketiga-tiga aktiviti di atas, pencapaian Program 5 sepanjang lima (5) tahun dari 2021-2025 adalah seperti berikut:

1. Perkongsian Sistem Pelaporan Kemalangan dan Penyakit Pekerjaan Sepusat (JKKP/ PERKESO) dibangunkan

Perkongsian bagi sistem pelaporan kemalangan dan penyakit pekerjaan sepusat di antara JKKP dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah berjaya direalisasikan melalui integrasi dalam sistem MyKKP. Sistem ini penting bagi memastikan semua kemalangan dan penyakit yang berlaku di tempat kerja dilaporkan kepada kedua-dua agensi berkepentingan iaitu JKKP dan PERKESO dan tidak berlaku percanggahan maklumat di antara kedua-dua agensi tersebut.



Perbincangan antara JKKP, PERKESO dan KESUMA berkaitan Sistem Pelaporan Sepusat bagi Data Kemalangan dan Penyakit Pekerjaan


2. Data Geospasial JKKP dibangunkan

Satu sistem lagi yang telah dibangunkan adalah sistem Data Geospasial JKKP yang merupakan sistem pemetaan bagi semua tempat kerja yang menyimpan bahan-bahan berbahaya di bawah Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kawalan terhadap Bahaya Kemalangan Besar dalam Perindustrian) 1996 dan talian paip yang berdaftar dengan JKKP. Sistem pemetaan ini yang telah dibangunkan dengan kerjasama Pusat Geospasial Negara (PGN), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam membolehkan analisis data berasaskan lokasi untuk pemantauan yang lebih strategik.



Sistem Data Geospasial

3. Aplikasi Mudah Alih MyKKP (Mobile View) dibangunkan



Laman Utama MyKKP Mobile

Aplikasi Mudah Alih MyKKP (Mobile View) juga telah berjaya dibangunkan dengan tujuan bagi memperluaskan kebolehcapaian maklumat KKP oleh pegawai JKKP dan juga orang awam. Aplikasi ini yang boleh dicapai melalui MyKKP Mobile (<https://mykkp.dosh.gov.my/mobile>) mengandungi lima (5) modul di mana dua (2) modul adalah untuk kegunaan pegawai JKKP semasa menjalankan penguatkuasaan iaitu:


- a. Modul Menjana Bil, Merekod Pemeriksaan Ulangan Jentera dan Pengeluaran Perakuan Kelayakan; dan
- b. Modul Merekod Penguatkuasaan OSH Workplace Assessment (OSHW).

Manakala tiga (3) lagi modul dibangunkan bagi memudahkan orang awam membuat semakan iaitu:

- a. Semakan Notis;
- b. Semakan Perakuan Kelayakan; dan
- c. Semakan Pengesahan Orang Yang Kompeten (OYK).

4. Laman Web Rasmi JKKP dinaik taraf

Laman Web Rasmi JKKP termasuk Virtual OSH Information Centre (VOSHIC) juga telah dinaik taraf dengan bercirikan teknologi yang terkini dan lebih interaktif. Ini bertujuan memudahkan pengurusan laman web seperti pencarian maklumat dengan lebih pantas, tersusun serta turut mengambil kira aspek keselamatan digital.



Peluncuran Laman Web Baharu JKKP Baharu oleh YBrs. Ir. Haji Mohd Hatta bin Zakaria, Ketua Pengarah JKKP

5. Pasukan Jawatankuasa UTK diperkukuhkan

Power User Sistem MyKKP, Pegawai Teknologi Maklumat JKPP Negeri, dan Pegawai Keselamatan ICT dilibatkan secara langsung melalui siri mesyuarat dan bengkel penyelarasan di bawah Jawatankuasa Unit Task Force Kecil (UTK) bagi memastikan sistem yang dibangunkan adalah praktikal dan memenuhi keperluan operasi sebenar. Ini menghasilkan kader Power User dan pegawai teknikal yang kompeten di peringkat JKPP Negeri bagi memastikan kelestarian penggunaan dan pengurusan sistem pada masa hadapan.



Mesyuarat Pelarasan dan Pemantapan Modul-Modul untuk MyKKP 2.0 dan MySKUD 2.0 bagi Power User dan IT Negeri

Kesimpulan

Secara kumulatif sepanjang lima (5) tahun iaitu dari tahun 2021 hingga 2025, TS1 Program 5: Memantapkan Pengurusan Pangkalan Data KKP telah merekodkan pencapaian keseluruhan sebanyak 88%. Program 5 telah berjaya mencapai matlamatnya untuk memodenkan perkhidmatan pendigitalan KKP di Malaysia.

TERAS STRATEGIK 2

PENGUKUHAN AMALAN PERATURAN KENDIRI DI TEMPAT KERJA



Penghargaan Jawatankuasa Teras Strategik 2

Alhamdulillah, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah bersama-sama menjayakan pelaksanaan Teras Strategik 2 (TS2) sepanjang lima tahun OSHMP25. Kejayaan yang dicapai tidak mungkin terhasil tanpa sokongan padu daripada ahli jawatankuasa, agensi, rakan industri serta pergamal KKP.

Pelaksanaan inisiatif di bawah TS2 telah memberikan impak yang signifikan kepada majikan dan pekerja supaya dapat bekerja di dalam persekitaran kerja yang selamat, sihat dan kondusif.



Saya amat berbangga dengan dedikasi yang ditunjukkan semua pihak. Semoga semangat kebersamaan ini terus dikekalkan dalam mendepani cabaran KKP yang semakin kompleks, demi kesejahteraan pekerja dan kemakmuran negara.



Jawatankuasa Teras Strategik 2



Ahli Jawatankuasa Dalaman

PENGERUSI

Ir. Mohd Rosdee bin Yaacob
Ir. Ts. Hajah Habsah binti Md Ishak

PENGERUSI BERSAMA

Dato' Ahmad Nadzarudin bin Abdul Razak
Mr. Edwin Yeap

URUSETIA

Nor Hafizan Binti Mat Taib @ Mat Amin

KETUA PROGRAM 1

Shaharudin bin Mohd Ali

AHLI JAWATANKUASA PROGRAM 1

Mohd Azril bin Ahmad
Fakrul bin Abdullah
Mohd Hafiz bin Abd Kadir
Haji Mohd Nizam Bin Abdul Hamid
Mohamad Farid bin Ahmad Azam
Mohamad Amin bin Harun
Mohd Isnarnizal bin Ismail

KETUA PROGRAM 2

Zainal bin Said

AHLI JAWATANKUASA PROGRAM 2

Muhammad Redzuan bin Razali
Shahnisfanizam bin Yaacof
Shamsiah binti Haji Hussin
Noor Azwani binti Mohd Nawī
Nur Amirra binti Mohamed Azaman
Mohammad Nizam bin Ali

KETUA PROGRAM 3

Mohd Hazlim bin Husain

AHLI JAWATANKUASA PROGRAM 3

Muhammad Syafaryll bin Abdullah Hasyim
Mohd Saman bin Shafie
Zainul Ariff bin Karim
Ir. Che Mohammad Nizam bin Che Kamaruddin

KETUA PROGRAM 4

Noraita binti Tahir
Radin Hanida Bt Radin Harun

AHLI JAWATANKUASA PROGRAM 4

Muhammad Khairulddin bin Adnan
Chan Kah Wai
Rashidah binti Hamdan
Mohd Zamri bin Noruddin
Razali bin Shaffree
Mat Zawawi Bin Zakaria

PROGRAM	PENCAPAIAN KUMULATIF PROGRAM (2021-2025)					PENCAPAIAN TAHUN SEMASA (2025)	PENCAPAIAN KUMULATIF (2021-2025)
	2021	2022	2023	2024	2025		
P1	9%	24%	22%	22%	23%	100%	100%
P2	9%	24%	19%	19%	21%	100%	93%
P3	7%	25%	22%	20%	17%	100%	90%
P4	30%	18%	18%	18%	18%	100%	100%
KESELURUHAN	13%	23%	20%	20%	20%	100%	96%

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah s.w.t., Teras Strategik 2 (TS2) telah mencapai kumulatif pencapaian yang membanggakan sepanjang tempoh 2021 hingga 2025. Secara keseluruhannya, program yang dijalankan telah mencapai

asaran dengan penglibatan pihak penguasa, majikan, dan pekerja yang menjadi tonggak kepada pengukuhan amalan peraturan sendiri, selaras dengan objektif empat keberhasilan TS2.



TS2 telah berjaya melahirkan pelbagai produk dan pelaksanaan program berimpak tinggi. Antaranya ialah pembangunan Modul OSH Leadership bagi pengurusan tertinggi dan penghasilan Garispanduan Peraturan Kendiri hasil kolaborasi dengan industri. Di samping itu, sebanyak 15 siri latihan dan seminar telah dianjurkan di seluruh negara melibatkan 660 peserta, manakala 245 syarikat telah menyertai peraturan sendiri dengan 403 organisasi menerima pensijilan Sistem Pengurusan KKP (OSHMS).

Dalam aspek info yang sistematik, TS2 telah membangunkan sebuah e-Library melalui kerjasama dengan The Institution of Engineers, Malaysia (IEM). Selain itu, TS2 juga menaik taraf Perpustakaan Awam Melaka dengan tambahan 1,199 bahan bacaan KKP. Program ini turut memperluas pendedahan kepada 884 organisasi mengenai pengurusan kontrak berkaitan KKP.

Inisiatif digital seperti Modul e-book untuk panduan Managing OSH Through Vendor Entrepreneurs dan 11 program coaching telah memberi impak kepada 193 organisasi.

Selain itu, pembangunan Modul Latihan Industri Komprehensif KKP (CIM-OSH) telah dibangunkan dan penerbitan bahan promosi “Kerja Selamat, Kita Selamat”, telah dihasilkan. Kursus induksi KKP untuk pekerja asing (FWSI) turut mencatat pencapaian besar dengan penglibatan seramai 22,562 pekerja asing sehingga Jun 2025.

Keseluruhannya, pencapaian ini menzahirkan keberhasilan TS2 dalam memperkukuh budaya peraturan sendiri, meningkatkan kapasiti organisasi, serta memperluas akses kepada ilmu KKP secara inklusif dan bersepadu.

PENGUKUHAN AMALAN PERATURAN KENDIRI DI TEMPAT KERJA

PROGRAM	AKTIVITI	PENCAPAIAN TAHUN SEMASA (2025)	PENCAPAIAN KUMULATIF PROGRAM (2021-2025)					PENCAPAIAN KUMULATIF (2021-2025)	
			2021	2022	2023	2024	2025		
PROGRAM 1: PEMILIKAN DAN KEPIMPINAN KKP	A1	Menyeimbangkan elemen keselamatan, kualiti dan produktiviti oleh majikan untuk pemilikan KKP	100%	1%	24%	26%	26%	24%	100%
	A2	Memperkenalkan amalan KKP cemerlang di kalangan pengurusan tertinggi di dalam polisi korporat	100%	25%	31%	11%	14%	19%	100%
	A3	Meningkatkan kerjasama antara majikan dan pekerja melalui komunikasi berkesan bagi mengukuhkan budaya KKP	100%	0%	18%	28%	28%	28%	100%
KESELURUHAN		100%	9%	24%	22%	22%	23%	88%	

Pendahuluan

Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) terus menjadi keutamaan dalam memastikan kelestarian operasi di seluruh sektor industri. Sehubungan itu, pelbagai inisiatif strategik telah dilaksanakan bagi memperkukuhkan peranan pengurusan tertinggi dalam membudayakan amalan KKP secara menyeluruh. Antara langkah utamayang telah diambil termasuk pembangunan modul khusus kepimpinan KKP dan



Majlis Pelancaran Modul Osh Leadership for Top Management dan penghargaan kepada syarikat penerima persijilan ISO 45001_2018 pada 8 November 2022 di UNITEN, Bangi

seminar yang melibatkan kerjasama erat dengan pihak industri, persatuan, dan pengamal KKP. Usaha bersepadu ini bertujuan melahirkan pengurusan tertinggi yang bukan sahaja mematuhi peraturan, malah memiliki tahap kepimpinan dan pemilikan yang tinggi dalam melaksanakan amalan KKP di organisasi masing-masing.

Pelaksanaan / Pencapaian

Membangunkan Modul baharu bagi pengurusan tertinggi. Fasa Pembangunan Modul OSH Leadership For Top Management telah bermula dengan mengadakan bengkel pembangunan modul. Modul ini dibuat khusus untuk memberi penerangan kepada pihak pengurusan tertinggi sesuatu organisasi bagi melahirkan pengurusan tertinggi yang memiliki kepimpinan dan pemilikan dalam KKP di dalam menguruskan organisasi mereka. Modul ini dihasilkan menerusi kolaborasi diantara JKKP, pemain industri, pengamal KKP dan persatuan industri.



Majlis penghargaan kepada syarikat penerima persijilan ISO 45001_2018 pada 8 November 2022 di UNITEN, Bangi



Modul OSH Leadership For Top Management
Edisi Kedua

Penghasilan Garispanduan Peraturan Kendiri menerusi kolaborasi dengan pihak industri pada tahun 2022. Garis Panduan ini boleh dijadikan rujukan asas untuk membantu industri bagi memperkukuhkan amalan peraturan sendiri yang sistematik di tempat kerja.

Strategi peningkatan tahap pemilikan dan kepimpinan KKP oleh majikan menunjukkan keberhasilan yang ketara dengan wujudnya Pembangunan modul “*OSH Leadership for Top Management*”.



Program Executive Talk OSH Leadership For Top Management Holiday Inn Express Kuala Lumpur City Centre pada 9 November 2023

15 siri latihan dan seminar telah dijalankan bermula tahun 2023 hingga tahun 2025 di seluruh negara yang melibatkan 660 peserta. Ianya telah memacu peningkatan komitmen majikan seluruh negara yang dalam sistem pengurusan KKP di organisasi meliputi pelbagai sektor industri.

Kejayaan melibatkan lebih 245 syarikat dalam peraturan sendiri dan pengiktirafan 403 organisasi yang berjaya mendapat pensijilan Sistem Pengurusan KKP (OSHMS) menjadi bukti keseriusan industri.

Pada masa yang sama, pengukuhan JKK memperlihatkan kepimpinan majikan turut membina budaya kerjasama dengan pekerja. Secara keseluruhan, strategi ini berjaya mendorong transformasi daripada kepatuhan kepada pemilikan sebenar dalam amalan KKP.



Program OSH Leadership dan Pelancaran Modul OSH Leadership For Top Management Edisi Kedua di Selangor



Modul OSH Leadership For Top Management Edisi Pertama

Dengan Penganjuran beberapa siri latihan modul "OSH Leadership for Top Management" ianya akan menjadi pemangkin kepada pengurusan tertinggi untuk melaksanakan amalan peraturan sendiri di tempat kerja dan seterusnya akan dapat meningkatkan tahap pemilikan dan kepimpinan KKP di kalangan pengurusan tertinggi.



Kesimpulan

Pelaksanaan modul OSH Leadership for Top Management berjaya meningkatkan kepimpinan serta pemilihan KKP dalam kalangan pengurusan tertinggi organisasi. Usaha ini mendorong transformasi amalan KKP daripada kepatuhan semata-mata kepada pemilihan sebenar melalui kolaborasi, latihan, dan pengiktirafan industri.

TERAS STRATEGIK
2

PROGRAM 2

PELAKSANAAN PERATURAN KENDIRI YANG SISTEMATIK

PROGRAM	AKTIVITI		PENCAPAIAN TAHUN SEMASA (2025)	PENCAPAIAN KUMULATIF PROGRAM (2021-2025)					PENCAPAIAN KUMULATIF (2021-2025)
				2021	2022	2023	2024	2025	
PROGRAM 2: PELAKSANAAN PERATURAN KENDIRI YANG SISTEMATIK	A1	Melaksanakan penilaian sendiri dalam organisasi bagi permasalahan semasa dan masa akan datang	100%	28%	33%	18%	13%	10%	100%
	A2	Menyediakan sistem sokongan merangkumi jangkauan mudah kepada maklumat bagi permasalahan yang berkaitan dengan KKP	100%	3%	20%	13%	20%	30%	85%
	A3	Menggalakkan keperluan KKP dalam perjanjian, kontrak kerajaan dan syarat	100%	0%	25%	25%	25%	25%	100%
	A4	Mempertingkatkan kesedaran berkaitan KKP melalui perkongsian pengalaman pengurusan KKP di dalam semua	100%	12%	20%	20%	20%	25%	92%
KESELURUHAN			100%	9%	24%	19%	19%	21%	93%

Pendahuluan

Dalam usaha meningkatkan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP), pelbagai inisiatif telah dilaksanakan merangkumi pendigitalan, pembangunan ilmu, dan pengukuhan kapasiti organisasi. Antara langkah utama termasuk pengemaskinian **Platform MyKKP – OSHWA Kendiri**, pembangunan **perpustakaan digital**, penambahan bahan bacaan KKP, pendedahan


maklumat berkaitan pengurusan kontrak, serta pelaksanaan program **Coaching Move** dan sesi perkongsian amalan amalan KKP dalam pengurusan kontrak. Inisiatif ini menjadi pemacu kepada peningkatan kesedaran dan pengukuhan amalan KKP secara menyeluruh.

Bagi memperkukuhkan kecekapan pemantauan serta pelaksanaan amalan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP), sistem aplikasi dan platform digital telah dipertingkatkan melalui pengemaskinian **Platform MyKKP – OSHWA Kendiri**. Sepanjang tempoh pelaksanaan, sistem ini telah digunakan secara meluas dan sehingga Sept 2025, sebanyak **23,116 organisasi** telah melaksanakan penggunaan platform tersebut.




Paparan desktop pelanggan berkenaan penilaian tempat kerja secara sendiri di dalam sistem MyKKP

Sebuah perpustakaan digital (e-Library) yang dikendalikan oleh The Institution of Engineers, Malaysia (IEM) telah dibangunkan. Pada masa yang sama, Perpustakaan Awam Melaka di bawah seliaan Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka turut diperkukuh melalui penambahan sebanyak 1,199 lembar bahan bacaan berkaitan KKP.



Dari aspek pembangunan kapasiti organisasi, sebanyak 884 organisasi telah didedahkan dengan maklumat berkaitan keperluan KKP dalam pengurusan kontrak. Di samping itu, 11 program Coaching Move telah dilaksanakan sepanjang lima tahun, melibatkan 193 organisasi dengan penyertaan 453 peserta, dan memberi kesan kepada 865 organisasi yang terdiri daripada kontraktor serta vendor.





Program Coaching MOVE Kedah

Selain itu, sebanyak 50 sesi perkongsian amalan KKP dalam pengurusan kontrak telah dianjurkan sepanjang tempoh tersebut. Inisiatif bersepadu ini menggambarkan komitmen berterusan untuk mengukuhkan budaya keselamatan melalui digitalisasi, pembangunan pengetahuan, serta perkongsian amalan terbaik bersama pihak industri.

Kesimpulan

Keseluruhan inisiatif yang dilaksanakan ini mencerminkan komitmen berterusan ke arah memperkukuhkan budaya KKP melalui pendekatan digital, pembangunan sumber ilmu, dan kolaborasi bersama industri. Pencapaian seperti peluasan penggunaan Platform MyKKP – OSHWA Kendiri kepada 16,779 organisasi, penganjuran 50 sesi perkongsian amalan KKP dalam pengurusan kontrak, serta kesan positif kepada 865 organisasi melalui program Coaching Move membuktikan bahawa usaha strategik ini telah berjaya memacu transformasi daripada sekadar kepatuhan kepada pemilihan sebenar dalam amalan KKP di tempat kerja.



Sesi Perkongsian Petronas PD&T bersama Kontraktor

Occupational Safety & Health in Contract Management

Managing occupational safety and health (OSH) of the workplace has become increasingly more important due to higher stakeholders' expectations. Many companies are outsourcing their work to third parties such as contractors or vendors due to their focus on main production activities. Projects and maintenance works, especially those which require unique and particular skills such as hot works, working at height, confined space entry, heavy lifting and scaffolding are typically contracted out. These works are normally contracted out to specialist contractors who have the required skills, knowledge and equipment to perform the job.

INTERPRETATION
CLIENT/OWNER
 A company or person that issues a contract to a contractor.
CONTRACT
 An agreement between two parties by which both are bound in law and which can be enforced in court.
CONTRACTOR
 A company or person who has entered into a contract for the purpose of carrying out any work or part of the work as stated in the contract or agreement.
SUB-CONTRACTOR
 An individual or company performing some of the work under a contract and sub-contract in either the original contract or sub-contract.

If the contract established between the client and contractor does not contain clear OSH requirements, it may expose contractor workers to the hazards associated with the work. Whenever there is an accident, it is usual that those involved will blame each other if their roles and responsibilities were not clearly specified in the contract. Some of the issues that may arise are who is responsible for specific OSH requirements, such as hazard identification, Risk Assessment and Job Content, HIRARC, sign briefing, training and the supervisor. Contracts should be based on an equal relationship between the client and contractor who are pursuing a fair and transparent approach to the work at hand from initial contract award through project completion. The type of data is needed to ensure that will depend on the type and complexity of the contract.

To achieve the objective of accident prevention at the workplace during the execution of contract work, adequate consideration on the provision of OSH requirements should be incorporated in all stages of the contract process. The contract process steps normally consist of several stages but it can be broken down into the following stages:

1. Planning
2. Tender Documentation
3. Tender Evaluation and Award
4. Commencement
5. Duration
6. Completion

1.0 PLANNING
 Planning is a stage of identifying the OSH risks associated with the scope of the contract/work activities and a list of risks was developed with the client. The client should identify a list of risks to be incorporated into the contract. The client should identify a list of risks to be incorporated into the contract. The client should identify a list of risks to be incorporated into the contract.

The client is responsible for specifying the scope of work to be executed and providing necessary information and documentation such as:

- a. Design Specifications
- b. Standards
- c. Drawings
- d. Details of work
- e. Applicable legal and other requirements
- f. Logistics

Based on the scope of work, the client should develop a list of hazards. The main objective of this list is to ensure significant hazards are being identified. Examples of significant hazards include working in a confined space, driving, working at height, working near public area, working near a running machinery or crane and working on a slope. The information gathered from this list of hazards is to be communicated to all potential bidders who will use it to develop a comprehensive OSH plan, who had the establishment of the contract period can be agreed upon with consideration given to the OSH plan and issues, with adequate time allocated to pre-commencement planning, commencement, execution and completion.

2.0 TENDER DOCUMENTATION
 This stage involves both parties, the client and the contractor as follows:

- a. In addition, clients may also include the following items, requirements or rules in their tender documents:
 - i. Contractors should establish & implement an OSH Management System and the client has the right to verify it.
 - ii. Provisions for suspending contractor's works by the client if contractor's do not comply with OSH plan and requirements as per the contract. However, the client should inform the contractor and give them reasonable time to rectify/submit compliance.
 - iii. Contractors should be responsible for the effective implementation of their sub-contractors' OSH management system.
 - iv. Contractor OSH Capabilities Assessment.
 - v. OSH roles.

Sesi Perkongsian Petronas PD&T bersama Kontraktor

TERAS STRATEGIK
2

PROGRAM 3

**PENAMBAHBAIKAN AMALAN TERBAIK KKP
MENERUSI INTERVENSI DI TEMPAT KERJA**

PROGRAM	AKTIVITI	PENCAPAIAN TAHUN SEMASA (2025)	PENCAPAIAN KUMULATIF PROGRAM (2021-2025)					PENCAPAIAN KUMULATIF (2021-2025)
			2021	2022	2023	2024	2025	
PROGRAM 3: PENAMBAH BAIKAN AMALAN TERBAIK KKP MENERUSI INTERVENSI DI TEMPAT KERJA	A1 Pengumpulan intervensi pencegahan kemalangan secara holistik dengan libatsama pekerja	100%	7%	25%	22%	20%	17%	90%
		KESELURUHAN	100%	7%	25%	22%	20%	17%

Pendahuluan

Bagi menggalakkan pelaksanaan Peraturan Kendiri di tempat kerja, setiap tahun TS2 akan menganjurkan pertandingan peringkat kebangsaan bagi mengiktirafkan organisasi yang mengamalkan Amalan Terbaik KKP. Inisiatif ini turut menyokong pelaksanaan OSHMP25 dalam memperkukuh budaya keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Malaysia.



Pemenang Pertama Best Practice
Peringkat Kebangsaan 2025

Pelaksanaan / Pencapaian

Satu pertandingan peringkat kebangsaan berjaya dijalankan dengan jumlah hadiah wang tunai RM 9,000. Sepanjang 5 tahun OSHMP25, sebanyak 1017 intervensi Amalan Terbaik daripada 197 syarikat berjaya dikumpulkan. Bagi memastikan aktiviti ini berlangsung mengikut perancangan asal, satu Konvensyen Peraturan Kendiri di tempat kerja dengan penyertaan

seramai 1000 peserta daripada seluruh negara telah dijalankan pada 11 November 2025. Koleksi Amalan Terbaik KKP yang telah mengambil bahagian dalam pertandingan selama 5 tahun ini juga telah dipamerkan sempena Konvensyen ini dijalankan.



Konvensyen Peraturan Kendiri
- Memperkukuh Amalan
Peraturan Kendiri
Di Tempat Kerja



Perasmian OSH
Nasional Convention &
Exhibition 2025

Kesimpulan

Program penambahbaikan amalan terbaik KKP menerusi intervensi di tempat kerja telah mendapat sambutan industri selama 5 tahun dilaksanakan dan membuktikan komitmen berterusan terhadap peningkatan tahap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

TERAS STRATEGIK
2

PROGRAM 4

KESIAPSIAGAAN KAWALAN KENDIRI PEKERJA

PROGRAM	AKTIVITI	PENCAPAIAN TAHUN SEMASA (2025)	PENCAPAIAN KUMULATIF PROGRAM (2021-2025)					PENCAPAIAN KUMULATIF (2021-2025)
			2021	2022	2023	2024	2025	
PROGRAM 4: KESIAPSIAGAAN KAWALAN KENDIRI PEKERJA	A1 Meningkatkan keberkesanan kursus induksi sediaada bagi pekerja dan memastikan pekerja mempunyai asas KKP dari segi pengeluaran, kemahiran, pendedahan, dan latihan	100%	20%	20%	20%	20%	20%	100%
	A2 Program Khas Peraturan sendiri pekerja	100%	20%	20%	20%	20%	20%	100%
	A3 Memantapkan KKP kepada pengurusan pekerja asing	100%	50%	100%	13%	13%	13%	100%
KESELURUHAN		100%	30%	18%	18%	18%	18%	100%

Pendahuluan

Pada keseluruhannya, Program 4 telah menepati sasaran 5 tahun pelaksanaan OSHMP25 bagi ketiga-tiga aktiviti di bawah subjek kesiapsiagaan kawalan sendiri pekerja. Secara amnya, kaedah dan penyampaian kursus induksi KKP yang berkesan telah memberi impak positif kepada pekerja semasa mereka bekerja.




Bengkel Pembangunan Modul Latihan Industri Komprehensif KKP (CIM-OSH) Bagi Sektor Pembuatan, Pembinaan, Perladangan dan Perkhidmatan (secara online).

Pelaksanaan / Pencapaian

Bagi memastikan pekerja mempunyai asas kukuh dalam aspek pengetahuan, kemahiran, pendedahan dan latihan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP), beberapa inisiatif utama telah dilaksanakan, antaranya:



Pembangunan Modul Latihan Industri Komprehensif KKP (CIM-OSH) yang merangkumi sektor pembuatan, pembinaan, perladangan dan perkhidmatan.



Modul Latihan Industri Komprehensif KKP (CIM-OSH) Bagi Sektor Pembuatan, Pembinaan, Perladangan dan Perkhidmatan.



Sesi pembentangan akhir bagi laporan kajian keberkesanan CIM-OSH NIOSH Malaysia.



Pelaksanaan dan pembentangan laporan akhir Kajian Keberkesanan Modul CIM-OSH oleh pihak NIOSH.

Selain itu, bagi memperkukuh budaya kerja selamat melalui pendekatan peraturan sendiri, beberapa aktiviti utama telah dilaksanakan di bawah **Program Kerja Selamat, Kita Selamat**, antaranya:







1. **Seminar KKP Peraturan Kendiri Majikan dan Pekerja** dengan tema “Membina Mindset Bekerja Tanpa Kemalangan” telah diadakan secara maya pada 10 Oktober 2022, melibatkan penyertaan seramai 2,000 orang peserta.

2. **Bengkel Pembangunan Nota Bimbingan Program Khas Kerja Selamat**, Kita Selamat telah dijalankan pada 19 dan 20 Oktober 2022. Melalui bengkel ini, satu Nota Bimbingan interaktif “OSH Click” telah dibangunkan, merangkumi enam (6) topik utama iaitu keselamatan elektrik, keselamatan bahan kimia, pelan tindakan kecemasan, ergonomik, bekerja di tempat tinggi dan penggunaan kelengkapan perlindungan diri (KPD).

- Seminar KKP Peraturan Kendiri Majikan dan Pekerja** dengan tema “Membudayakan Mindset Bekerja Tanpa Kemalangan” telah dilaksanakan secara maya pada 11 September 2023, dengan penyertaan seramai 3,096 orang peserta.
- Penghasilan bahan promosi bercetak** di bawah Program Khas Kerja Selamat, Kita Selamat meliputi topik berikut:



Seminar KKP Peraturan Kendiri Majikan dan Pekerja dengan tema “Membina Mindset Bekerja Tanpa Kemalangan” pada 10 Oktober 2022

-  Tanggjawab & Hak Pekerja
-  Panduan Pekerja: Bekerja di Tempat Tinggi
-  Pendedahan Bising Berlebihan Semasa Bekerja
-  Bekerja dengan Bahan Kimia Berbahaya
-  Cegah Sakit Belakang dengan Teknik Mengangkat Beban yang Selamat
-  Penggunaan Kelengkapan Pelindung Diri (KPD)



Bengkel Pembangunan Nota Bimbingan Program Khas Kerja Selamat Kita Selamat pada 19 dan 20 Oktober 2022.

- Seminar OSH in Construction Industry 2024 & Sembang Santai with DOSH Malaysia** bertemakan “Peraturan Kendiri Majikan dan
- Pekerja: Memperkasa Mindset Bekerja Tanpa Kemalangan” telah diadakan pada 5 November 2024, dengan penyertaan seramai 120 orang peserta.

Bagi memastikan pekerja asing turut memiliki asas pengetahuan dan kesedaran dalam aspek Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP), beberapa inisiatif telah dilaksanakan iaitu:

1. Pembangunan Modul Rujukan Kursus Induksi KKP kepada Pekerja Asing (FWSI) sebagai panduan utama bagi tujuan pembelajaran dan pemahaman asas KKP.
2. Pelaksanaan Kursus Induksi KKP kepada Pekerja Asing (FWSI) yang telah melibatkan seramai 22,562 orang pekerja asing sehingga Jun 2025



Sesi Dialog Membudayakan Mindset Bekerja Tanpa Kemalangan pada 11 September 2023. Panel terdiri daripada YBrs. Encik Husdin bin Che Amat, Pengarah Bahagian Keselamatan Petroleum, JKKP Malaysia, YBhg. Dato» Ahmad Nadzarudin bin Abdul Razak, Bendahari Kehormat Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF)

selaku Pengerusi Bersama Teras Strategik 2 dan Encik Pupathi A/L Balakrishnan, Giant Leap Construction Sdn Bhd, Wakil Pekerja JKK (Pemenang Anugerah Cemerlang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Tahun 2020 & 2021). Moderator: Puan Noraita binti Tahir.

Antara peserta yang hadir ke program Seminar OSH In Construction Industry 2024 & Sembang Santai With DOSH Malaysia Peraturan Kendiri Majikan dan Pekerja dengan tema “Membudayakan Mindset Bekerja Tanpa Kemalangan” di Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.





Penyertaan pekerja asing dalam pelaksanaan program dan modul kursus induksi KKP kepada pekerja asing (FWSI) di Top Glove Factory 12, Klang, Selangor

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pelaksanaan pelbagai inisiatif KKP sepanjang tempoh OSHMP25 telah berjaya membangunkan Modul Latihan Industri Komprehensif KKP (CIM-OSH), memperkasa budaya peraturan sendiri pekerja melalui seminar, bengkel dan bahan promosi, serta memperkukuh pengurusan pekerja asing melalui pelaksanaan kursus induksi melibatkan puluhan ribu peserta. Kesemua usaha ini mencerminkan komitmen berterusan dalam membudayakan amalan kerja selamat dan sihat ke arah mewujudkan persekitaran kerja yang lebih produktif dan mampan.



Penghargaan Jawatankuasa Teras Strategik 3

Dengan penuh rasa syukur ke hadrat Allah SWT, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah berganding bahu menjayakan pelaksanaan Teras Strategik 3: Penggalakan Pendidikan dan Penyelidikan KKP di bawah Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2025 (OSHMP25).

Sepanjang tempoh pelaksanaan OSHMP25, pelbagai program, inisiatif dan kolaborasi strategik berjaya dilaksanakan hasil sokongan padu daripada agensi kerajaan, pihak industri, institusi pengajian tinggi, pertubuhan bukan kerajaan, rakan sosial serta media massa. Komitmen ini telah memperkukuh agenda nasional dalam memperkasakan kompetensi dan meningkatkan keupayaan KKP di tempat kerja.

Ucapan penghargaan khusus ditujukan kepada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) selaku peneraju utama, serta barisan Ahli Jawatankuasa TS3 dalaman dan luaran yang telah menyumbangkan masa, tenaga dan kepakaran. Sumbangan ini amat berharga dalam memastikan setiap inisiatif yang dirangka dapat direalisasikan



dengan baik, sekali gus memberi impak positif terhadap pembangunan ekosistem KKP negara.

Pencapaian yang didokumenkan dalam laporan ini membuktikan bahawa pendekatan kolaboratif, perkongsian ilmu dan penglibatan menyeluruh adalah kunci kejayaan TS3. Semoga segala usaha yang telah dilaksanakan menjadi asas kukuh bagi menyokong kesinambungan agenda KKP di bawah OSHMP30 dan seterusnya, demi membina tempat kerja Malaysia yang lebih selamat, sihat, produktif dan berdaya saing di peringkat global.

Dengan rendah hati, saya sekali lagi merakamkan penghargaan kepada semua rakan strategik dan warga kerja yang terlibat. Semoga semangat kolaborasi ini terus diperkasa demi kesejahteraan pekerja serta kelestarian pembangunan negara.

Sekian, terima kasih.

Ahli Jawatankuasa Dalaman

PENGERUSI

Ir. Ts. Hajah Hazlina binti Yon

KETUA PROGRAM 1

Ir. Mokhtar bin Sabtu

AHLI JAWATANKUASA PROGRAM 1

Dr. Pravind Kumar A/L Nagalingam

Hazeha binti Abdullah

Mohd Shazami bin Ishak (sehingga tahun 2022)

Baharuddin bin Hamsin (sehingga tahun 2022)

Nor Hafiza binti Hamidon (sehingga tahun 2022)

Khairunnisa binti Mat Rapah

Farahana binti Mohd Yusoff

Norhidayah binti Nazammudin

Muhammad Amirul Luttfi bin Mohamad Amir

Nur Zulaikha binti Zainal Abidin

Md. Bazli Izzuddin bin Mohamed

Mazni binti Abd Rani

KETUA PROGRAM 2

Ir. Ts. Zaidi bin Md Zain

AHLI JAWATANKUASA PROGRAM 2

Dr. Rajinderjit Singh Hullon

Dr. Muhd Zafran Bin Shamsudin

URUSETIA

Nurul Fatimah Bayah binti Haron

Nur Shuhada binti Jusoh

Laila binti Che Long

Wan Mohd Hafizan bin Wan Razali

Ir. Ts. Wan Mohd Fadzil bin Wan Sapiansori

KETUA PROGRAM 3

Dr. Rabaayah binti Daud (sehingga 6/12/2024)

Ir. Haji Mohammad Fadzil bin Abd. Manap (dari 6/12/2024 hingga kini)

AHLI JAWATANKUASA PROGRAM 3

Wan Aminnudin bin Wan Ismail

Syarifah Nurol binti Syed Khairuddin

Ts. Kasman bin Nasir

Ir. Ts. Mohd Fairuz bin Mohd Rashid (cuti belajar)

Ir. Mohd Saiful bin Idris

Ts. Ahmad Al-Bakri bin Ahmad Bistari

Dr. Najwa binti Mustafa

Siti Nor Nadirah binti Mohamad




Ahli Jawatankuasa Dalaman



Ahli Jawatankuasa Dalaman dan Luaran

Ahli Jawatankuasa Luar

- Dr. Wan Nor Aishah binti Wan Omar Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)
- Normazwin binti Yahya Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
- Cyril Christopher Singham Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
- Saiful Suhairi bin Suarni Akademi Sains Malaysia (ASM)
- Aminuddin bin Awang Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP)
- Mohd Fariza bin Mat Noor Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)
- Dr. Noor Shaeda binti Ismail Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)
- Dr. Mohd Faizal bin Tokeran Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)
- Lili Munira binti Mat Yusuf Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)
- Ts. Dr. Ismaniza binti Ismail Malaysian Industrial Hygiene Association (MIHA)
- Prof Madya Ir. Dr. Mimi Haryani binti Hassim Universiti Teknologi Malaysia (UTM) & Malaysian Industrial Hygiene Association (MIHA)
- Ir. Haji Saiful Azhar bin Mohd Said Persatuan Bekas Kakitangan JKKP Malaysia (DOSHTECH)
- Dr. Priya Ragnath Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
- Hj. Mohd Aliasman bin Morshidi Malaysian Society for Occupational Safety and Health (MSOSH)
- Dr. Suriati binti Zainal Abidin Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
- Ts. Hj. Mohd Esa bin Hj. Baruji Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)



AJK DALAMAN TERAS STRATEGIK 3






PROGRAM	PENCAPAIAN KUMULATIF PROGRAM (2021-2025)					PENCAPAIAN TAHUN SEMASA (2025)	PENCAPAIAN KUMULATIF (2021-2025)
	2021	2022	2023	2024	2025		
P1	16%	18%	17%	20%	17%	86%	88%
P2	19%	20%	20%	20%	20%	100%	99%
P3	5%	20%	31%	23%	16%	100%	95%
KESELURUHAN	13%	19%	23%	21%	18%	95%	93%

Pendahuluan

Teras Strategik 3 (TS3) berperanan untuk menggalakkan pendidikan dan penyelidikan dalam bidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP). Fokus utama adalah memastikan agenda KKP negara terus berkembang selaras dengan tuntutan era Revolusi Industri 4.0 yang menekankan digitalisasi, automasi dan inovasi.



Objektif Utama TS3 adalah:

-  Meningkatkan bilangan program latihan dan sesi libat urus yang melibatkan bakal pekerja, pekerja, majikan, komuniti dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).
-  Menghasilkan tenaga kerja KKP yang kompeten, termasuk tenaga pengajar, penyedia latihan dan golongan profesional dalam bidang KKP.
-  Meningkatkan kualiti dan kuantiti penyelidikan KKP dengan memberi tumpuan kepada pendekatan menyeluruh, inovatif serta berasaskan kaedah yang sistematik dan produktif.

PELAKSANAAN / PENCAPAIAN

Pelaksanaan dan pencapaian program atau output program selama 5 tahun (2021-2025)

Secara keseluruhannya, TS3 telah menunjukkan prestasi cemerlang dengan pencapaian kumulatif 93% dalam tempoh lima (5) tahun pelaksanaan OSHMP25. Ketiga-tiga program di bawah TS3 juga berjaya mencapai tahap antara 88% hingga 99%, mencerminkan keberkesanan strategi yang dirangka.



Antara aktiviti yang berjaya dilaksanakan di bawah TS3 adalah:

- 📄 Modul videografi karier personnel KKP
- 📄 Modul Kelab KKP
- 📄 Projek rintis Kelab KKP di 17 sekolah rendah dan sekolah menengah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
- 📄 Panduan Minimum Modul Induksi KKP dan Keselamatan Bengkel/ Makmal di Institut Pengajian Tinggi (IPT)
- 📄 Panduan Standard: Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Malaysian Qualifications Agency (MQA) 2022
- 📄 Modul Generik Kesihatan Pekerjaan (e-Book)
- 📄 Senarai semak pemantauan Penyedia Latihan Berdaftar (PLB) dan Tenaga Pengajar




Konvensyen Pendidikan dan Penyelidikan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) 2024 dan Majlis Peluncuran Modul Induksi KKP dan Modul Keselamatan Makmal/ Bengkel Di Institusi Pendidikan Tinggi



Pengiktirafan Lima (5) Pusat Kecemerlangan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP)

- 📄 KKP telah disenaraikan dalam bidang keutamaan negara di bawah Kumpulan Human Resource Management, Division of Applied Social Science and Humanities, MASTIC, MOSTI
- 📄 Profil Penyelidikan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) Di Malaysia
- 📄 Garis Panduan Pengiktirafan Pusat Kecemerlangan KKP (COE KKP)
- 📄 Lima (5) pusat kecemerlangan / makmal berpusat berdasarkan bidang pengkhususan dalam bidang KKP
- 📄 Laporan kepakaran, prasarana dan kapasiti bagi lima (5) Pusat Kecemerlangan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP)
- 📄 Satu (1) Konvensyen Pendidikan dan Penyelidikan KKP
- 📄 Kerangka Malaysian Occupational Safety and Health Information Platform (MOSHIP)



KESIMPULAN

Pelaksanaan Teras Strategik 3 telah berjaya memenuhi objektif utamanya dengan meningkatkan bilangan program latihan dan sesi libat urus yang melibatkan pelbagai pihak termasuk pekerja, majikan, komuniti dan NGO, sekali gus memperkukuh kesedaran serta budaya kerja selamat; melahirkan tenaga kerja KKP yang kompeten merangkumi tenaga pengajar, penyedia latihan dan golongan profesional yang menyumbang kepada pembangunan kapasiti nasional; serta mempertingkatkan kualiti dan kuantiti penyelidikan KKP melalui pendekatan menyeluruh, inovatif dan sistematik. Keseluruhannya, pencapaian ini meletakkan asas kukuh bagi kesinambungan agenda KKP nasional di bawah OSHMP30 dan memperteguh kedudukan Malaysia ke arah tenaga kerja yang selamat, sihat, produktif serta berdaya saing di peringkat global.

TERAS STRATEGIK
3

PROGRAM 1

**MENINGKATKAN KESEDARAN, PENDIDIKAN
 DAN LIBATSAMA KOMUNITI DALAM KKP**

PROGRAM	AKTIVITI	PENCAPAIAN TAHUN SEMASA (2025)	PENCAPAIAN KUMULATIF PROGRAM (2021-2025)					PENCAPAIAN KUMULATIF (5 TAHUN)	
			2021	2022	2023	2024	2025		
PROGRAM 1: MENINGKATKAN KESEDARAN, PENDIDIKAN DAN LIBATSAMA KOMUNITI DALAM KKP	A1	Menerapkan latihan asas KKP di sekolah dan institusi pendidikan untuk bakal pekerja	100%	15%	19%	20%	20%	20%	94%
	A2	Mempertingkatkan pembelajaran berterusan KKP untuk pekerja	57%	13%	14%	11%	20%	11%	69%
	A4	Meningkatkan libatsama komuniti bagi keselamatan dan kesihatan kepada orang awam melalui media sosial atau apa-apa medium	100%	20%	20%	20%	20%	20%	100%
	KESELURUHAN		86%	16%	18%	17%	20%	17%	88%

Pendahuluan

Program 1 Teras Strategik 3 menumpukan kepada peningkatan kesedaran, pendidikan dan libatsama komuniti dalam KKP melalui pembangunan modul, sesi libat urus, penubuhan Kelab KKP dan penerbitan bahan rujukan. Pendekatan ini membina budaya KKP sejak awal pendidikan serta melahirkan tenaga kerja masa depan yang sihat, produktif dan berdaya tahan.

PELAKSANAAN / PENCAPAIAN


Pelaksanaan dan pencapaian program atau output program selama 5 tahun (2021-2025)

Secara keseluruhan, Program 1 mencatat pencapaian kumulatif 88% sepanjang lima (5) tahun OSHMP25.

Aktiviti 1

Aktiviti 1 telah berjaya menghasilkan Panduan Minimum Modul Induksi KKP dan Keselamatan Bengkel/Makmal dengan kerjasama IPT dan MBKKP. Sebanyak 220 ceramah atau program KKP termasuk induksi KKP telah dilaksanakan di IPT, selain 192 program OSH@TVET yang memasukkan elemen keselamatan makmal dan bengkel dalam pengajian. Program ini juga berjaya menghasilkan Modul Videografik Karier Personel KKP sebagai panduan bakal pekerja dalam bidang KKP. Modul Kelab KKP turut dibangunkan dan digunakan dalam

Projek Rintis Kelab KKP di 17 sekolah rendah dan menengah KPM, dengan kerjasama JKPP, MNKKP, KPM, MSOSH, TNB, MyFOSH, NIOSH dan NUTP sejak 2022. Selain itu, Standard Program KKP telah dibangunkan bersama MQA sebagai panduan melahirkan graduan berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang KKP.



Aktiviti 2

Aktiviti 2 menekankan pembelajaran berterusan KKP untuk pekerja dengan pencapaian kumulatif 69%. Sepanjang OSHMP25, lebih 3,000 program kesedaran telah dilaksanakan, manakala 2,223 penjawat awam menyertai program khas OSH-C melalui EPSA dan anjuran JKKP. Namun, pencapaian penuh belum diraih kerana kurang kesedaran OSH-C di kalangan penjawat awam untuk menggunakan platform EPSA, ketiadaan polisi pelantikan, serta penguatkuasaan Seksyen 29A Akta KKP 1994 yang hanya bermula pada 2024.



69%

Pencapaian Kumulatif



3,000

Program Kesedaran KKP



2,223

Penjawat Awam



100%

media sosial dan komunikasi
awam



189

program yang berjaya
dilaksanakan

Aktiviti 3

Aktiviti 3 memberi tumpuan kepada libatsama komuniti melalui media sosial dan komunikasi awam, dengan pencapaian 100%, merangkumi 189 program yang berjaya dilaksanakan. Kejayaan ini membuktikan keberkesanan strategi libatsama sebagai pemacu utama agenda OSHMP25.



Projek Rintis Kelab KKP di Sekolah Rendah



Projek Rintis Kelab KKP di Sekolah Menengah




Barangan promosi (merchandise) bagi Modul Kelab KKP yang digunakan sepanjang pelaksanaan projek rintis



Barangan promosi (merchandise) bagi Modul Kelab KKP yang digunakan sepanjang pelaksanaan projek rintis



Majlis Peluncuran "1st Safe Risk Education Centre in Malaysia and Southeast Asia" Yang Dirasmikan oleh Mantan Timbalan Sumber Manusia YB Datuk Haji Awang bin Hashim Pada 11 Ogos 2022 di Iskandar Puteri, Johor



Libat Urus bersama Universiti Teknologi Malaysia Bagi Pembangunan Modul Keselamatan Bengkel/ Makmal




Majlis Peluncuran Modul Induksi KKP dan Modul Keselamatan Makmal/ Bengkel Di Institut Pengajian Tinggi

Kesimpulan

Kesimpulannya, objektif Program 1 telah berjaya dicapai dan wajar diteruskan dalam OSHMP2030 melalui pelaksanaan serta pengurusan Kelab KKP di bawah pengendalian Custodian yang bersesuaian bagi memastikan kesinambungan budaya kerja selamat dan sihat yang dipupuk sejak di bangku persekolahan.




M1: Penerusan S2P4A1 (OSHMP2020): Program OSH4U - Program KKP Asas bagi pelajar IPT & IPG & ILA dan memasukkan elemen KKP di dalam Program induksi mahasiswa baru/ program orientasi pelajar atau sebelum tamat pengajian



JUMLAH 220

M4: Penerusan SP4A2 (OSHMP2020): Program OSH@TVET - Memasukkan KKP (Keselamatan Makmal/ Keselamatan Bengkel) di dalam program pengajian



JUMLAH 192

A1: Menerapkan latihan asas KKP di sekolah dan institusi pendidikan untuk bakal pekerja



A2: Mempertingkatkan pembelajaran berterusan KKP untuk pekerja



SWASTA

M1: Program peningkatan kesedaran dan pembelajaran untuk pekerja (cth: program " Train the Trainer" dan lain-lain program)

3000

Program telah di jalankan



AWAM

M2: Memperkenalkan program khas OSH-C kepada pekerja di sektor awam.

2223

pekerja awam hadir



A4: Meningkatkan libatsama komuniti bagi keselamatan dan kesihatan kepada orang awam melalui media sosial atau apa-apa medium

189

Program berkaitan KKP telah di anjurkan oleh NGO

M1: NGO menganjurkan program berkaitan KKP di komuniti setempat melalui media sosial atau apa-apa medium.

TERAS STRATEGIK
3

PROGRAM 2

KOMPETENSI DAN KEUPAYAAN KKP DI TEMPAT KERJA

PROGRAM	AKTIVITI	PENCAPAIAN TAHUN SEMASA (2025)	PENCAPAIAN KUMULATIF PROGRAM (2021-2025)					PENCAPAIAN KUMULATIF (2021-2025)
			2021	2022	2023	2024	2025	
PROGRAM 2: KOMPETENSI DAN KEUPAYAAN DI TEMPAT KERJA	A1 Meningkatkan bilangan, kompetensi, keupayaan dan keberkesanan OYK dan golongan profesional KKP	100%	19%	20%	20%	20%	20%	99%
KESELURUHAN		100%	19%	20%	20%	20%	20%	99%

Pendahuluan




Program 2 Teras Strategik 3 menekankan pengukuhan kompetensi dan keupayaan KKP di tempat kerja melalui pembangunan modul latihan, kursus berstruktur, pengiktirafan profesional serta pemantapan peranan penyedia latihan. Usaha ini menyokong pembudayaan kerja selamat, memperkukuh kapasiti modal insan, meningkatkan daya saing organisasi dan menjamin kelestarian sektor pekerjaan.

Pelaksanaan / Pencapaian

Pelaksanaan dan pencapaian program atau output program selama 5 tahun (2021-2025)

Mekanisme di bawah Program 2 ini adalah:



-  memberi tumpuan kepada pertambahan kuantiti penyedia latihan serta Orang Kompeten dan Orang Terlatih yang dihasilkan;
-  menekankan aspek pemantauan berterusan terhadap penyedia latihan dan tenaga pengajar; dan
-  memberi fokus kepada usaha memperkukuh silibus dan modul latihan KKP bagi orang kompeten dan orang terlatih.

Secara keseluruhannya, pencapaian kumulatif bagi tempoh lima (5) tahun adalah sebanyak 94%.

Sehingga September 2025, penyedia latihan yang berdaftar dengan JKKP telah meningkat sebanyak 73% berdasarkan pendaftaran pada tahun 2020 sebagai penanda aras. Selain itu, kuantiti orang kompeten dan orang terlatih dari tahun 2021 sehingga September 2025 telah meningkat sebanyak 117% berdasarkan bilangan orang kompeten pada tahun 2020 dan bilangan orang terlatih pada tahun 2021 sebagai penanda aras.



Libat Urus bersama Pengamal KKP dan Penyedia Latihan Berdaftar bagi Bengkel OSHMP25 Teras Strategik 3, Program 2: Kompetensi & Keupayaan KKP Di Tempat Kerja

Peningkatan sebanyak 94% dari tahun 2021 sehingga 2025 telah berjaya dicapai bagi pemantauan ke atas penyedia latihan berdaftar dan tenaga pengajar. Selain itu, dua (2) produk penting yang telah dihasilkan oleh Program 2 dengan kerjasama pemegang taruh telah menyumbang kepada pencapaian Program 2 iaitu Modul Generik Kesihatan Pekerjaan serta Senarai Semak Pemantauan Penyedia Latihan Berdaftar (PLB) dan Tenaga Pengajar. Pembangunan senarai semak ini telah melibatkan kerjasama penyedia latihan berdaftar dengan JKKP, persatuan pengamal KKP, serta NGO berkaitan KKP, sekali gus memastikan kualiti dan keberkesanan penyampaian latihan terus diperkukuh.




Libat Urus Bersama Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)



Libat Urus bersama Pengamal KKP dan Penyedia Latihan Berdaftar bagi Bengkel "International Benchmarking on OSH Competency"



Libat Urus Bersama Penyedia Latihan Berdaftar Bagi Bengkel Pemurnian Pemantauan dan Penilaian Tenaga Pengajar dan Penyedia Latihan dan Bengkel Memperkukuhkan Silibus/ Modul Latihan KKP Orang Kompeten dan Orang Terlatih



E-book panduan modul generik kesihatan pekerjaan

Kesimpulan

Kesimpulannya, objektif Program 2 iaitu menghasilkan tenaga kerja KKP yang kompeten merangkumi tenaga pengajar, penyedia latihan dan golongan profesional dalam bidang KKP telah berjaya dicapai. Pencapaian ini membuktikan keberkesanan strategi yang dilaksanakan dan wajar diteruskan dalam OSHMP30 bagi memperkukuh pembangunan kapasiti serta memastikan kesinambungan budaya kerja selamat dan sihat di Malaysia.

TERAS STRATEGIK
3

PROGRAM 3

**MEMBUDAYAKAN PENYELIDIKAN DAN
 PEMBANGUNAN KKP**

PROGRAM	AKTIVITI	PENCAPAIAN TAHUN SEMASA (2025)	PENCAPAIAN KUMULATIF PROGRAM (2021-2025)					PENCAPAIAN KUMULATIF (5 TAHUN)
			2021	2022	2023	2024	2025	
PROGRAM 3: MEMBUDAYAKAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN KKP	A1	100%	0%	25%	25%	25%	25%	100%
	A2	100%	11%	16%	37%	20%	7%	90%
KESELURUHAN		100%	5%	20%	31%	23%	16%	95%

Pendahuluan



Program 3 Teras Strategik 3 menumpukan kepada pembudayaan penyelidikan dan pembangunan (R&D) KKP bagi meningkatkan kualiti, inovasi dan keberkesanan amalan kerja. Ia menggalakkan kajian berimpak tinggi serta kerjasama universiti, industri dan agensi kerajaan, dengan hasil penyelidikan diterjemahkan kepada amalan terbaik yang menyokong kelestarian pembangunan negara.

Pelaksanaan / Pencapaian

Pelaksanaan dan pencapaian program atau output program selama 5 tahun (2021-2025)

Dua (2) aktiviti di bawah Program 3 adalah seperti berikut:



-  Memasukkan KKP sebagai satu bidang keutamaan dalam kerangka penyelidikan dan pembangunan negara; dan
-  Menyelaraskan aktiviti penyelidikan KKP untuk semua universiti/ pusat penyelidikan

Secara keseluruhannya, pencapaian kumulatif bagi tempoh lima (5) tahun adalah sebanyak 95%.

Program 3 telah berjaya menghasilkan satu (1) Profil Penyelidikan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di Malaysia yang menjadi rujukan utama kepada pembangunan dasar dan penyelidikan berkaitan KKP di peringkat kebangsaan. Selain itu, bidang KKP juga telah diiktiraf sebagai salah satu bidang keutamaan negara di bawah Kumpulan *Human Resource Management, Division of Applied Social Science and Humanities* oleh MASTIC, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).



Panduan Komprehensif Lima (5) Pusat Kecemerlangan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) yang Diiktiraf, Merangkumi Perincian Bidang Kepakaran Setiap COE KKP



Selaras dengan usaha memperkukuh ekosistem penyelidikan KKP negara, Program 3 turut berjaya membangunkan Garis Panduan Pengiktirafan Pusat Kecemerlangan KKP (COE KKP). Berdasarkan garis panduan tersebut, sebanyak lima (5) buah Pusat Kecemerlangan KKP (COE KKP) telah diiktiraf, merangkumi empat (4) institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta satu (1) pusat penyelidikan.

Bagi mengiktiraf COE KKP berkenaan, satu (1) Konvensyen Pendidikan dan Penyelidikan KKP telah dianjurkan bagi memberi pengiktirafan rasmi kepada kelima-lima COE KKP tersebut. Selain itu, satu (1) laporan komprehensif berkaitan kepakaran, prasarana dan kapasiti bagi setiap COE KKP juga telah berjaya dihasilkan sebagai panduan komprehensif yang mempericikan bidang kepakaran KKP masing-masing.



Pameran reruai oleh Universiti Teknologi Malaysia (UTM), selaku Pusat Kecemerlangan KKP dalam Bidang Kepakaran Keselamatan Pekerjaan bagi Bidang Binaan Bangunan dan Kerja-Kerja Kejuruteraan, semasa Konvensyen Pendidikan dan Penyelidikan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) 2024



Pameran reruai oleh Universiti Teknologi PETRONAS (UTP), selaku Pusat Kecemerlangan KKP dalam Bidang Kepakaran Kesihatan Pekerjaan bagi Kesihatan Mental, semasa Konvensyen Pendidikan dan Penyelidikan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) 2024

Program 3 ini juga telah berjaya membangunkan Kerangka Malaysian Occupational Safety and Health Information Platform (MOSHIP). MOSHIP merupakan satu (1) pangkalan data jaringan kepakaran KKP (OSH Bank Data) melibatkan kesemua pusat penyelidikan dan universiti di Malaysia.




Pameran reruai oleh Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), selaku Pusat Kecemerlangan KKP dalam Bidang Kepakaran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, semasa Konvensyen Pendidikan dan Penyelidikan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) 2024




Pameran reruai oleh Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), selaku Pusat Kecemerlangan KKP dalam Bidang Kepakaran Keselamatan Elektrik dan Tenaga, semasa Konvensyen Pendidikan dan Penyelidikan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) 2024



Libat Urus Bersama Universiti Teknologi PETRONAS (UTP) bagi Kajian Profil Penyelidikan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Di Malaysia serta Kerangka dan Arkitektur Sistem "Malaysian Occupational Safety and Health Information Platform (MOSHIP)"



Infografik Kerangka dan Arkitektur Sistem "Malaysian Occupational Safety and Health Information Platform (MOSHIP)"



Infografik Profil Penyelidikan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Malaysia

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

PENGIKTIRAFAN COE KKP

- Pusat kecemerlangan KKP dalam bidang tumpuan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
- Pusat Kecemerlangan KKP dalam bidang tumpuan Keselamatan Pekerjaan bagi Bidang Binaan Bangunan Dan Kerja-Kerja Kejuruteraan
- Pusat Kecemerlangan KKP dalam bidang tumpuan Keselamatan Pekerjaan bagi Keselamatan Elektrik dan Tenaga
- Pusat Kecemerlangan KKP dalam bidang tumpuan Kesihatan Pekerjaan bagi Kesihatan Mental
- Pusat Kecemerlangan KKP dalam bidang tumpuan Kesihatan Pekerjaan bagi Higien Industri dan Ergonomik

Konvensyen Pendidikan dan Penyelidikan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) 2024
3 September 2024
Bangi Avenue Convention Center (BACC)

Lima (5) Institusi Yang Diiktiraf Sebagai Pusat Kecemerlangan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP)

Kesimpulan

Kesimpulannya, Program 3 TS3 berjaya meningkatkan kualiti dan kuantiti penyelidikan KKP secara menyeluruh dan inovatif, serta wajar diteruskan dalam OSHMP30 melalui pengukuhan ekosistem penyelidikan berimpak tinggi berteraskan teknologi baharu.

TERAS STRATEGIK 4

PEMERKASAAN KESIHATAN PEKERJAAN



Penghargaan Jawatankuasa Teras Strategik 4

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita berjaya melaksanakan pelbagai inisiatif di bawah Teras Strategik 4: Pemerksaan Kesihatan Pekerjaan sepanjang tempoh pelaksanaan OSHMP25 (2021-2025).

Teras ini telah memberi fokus kepada aspek kesihatan pekerjaan yang sering dianggap cabaran senyap tetapi mempunyai impak besar terhadap kesejahteraan pekerja dan produktiviti negara. Melalui program yang dirangka – termasuk pembangunan pengamal kesihatan pekerjaan yang kompeten, pengurusan risiko kesihatan pekerjaan secara menyeluruh, peningkatan kesedaran serta pelaporan penyakit pekerjaan, pemerksaan higien industri, dan integrasi penilaian risiko kesihatan – kita telah berjaya memperkukuh sistem perlindungan kesihatan pekerjaan di negara ini.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua



pihak – Kementerian Sumber Manusia, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MNKKP), rakan industri, kesatuan pekerja, institusi kesihatan serta pengamal KKP – yang telah memberi sokongan, tenaga, kepakaran dan komitmen padu sepanjang tempoh pelaksanaan ini. Kejayaan kita meningkatkan kesedaran, memperkukuh mekanisme pelaporan penyakit pekerjaan, serta memperluas akses kepada perkhidmatan kesihatan pekerjaan adalah hasil kerjasama erat semua pihak.

Marilah kita terus menggembeng usaha bagi memastikan legasi OSHMP25 ini diteruskan dalam agenda nasional. Semoga pemerksaan kesihatan pekerjaan akan menjadi teras penting dalam membentuk budaya kerja selamat, sihat, kondusif dan mampan untuk generasi akan datang.

Ahli Jawatankuasa Dalaman

PENGERUSI

Mohd Yunos Bin Talib @ Khalid

TIMB. PENERUSI

Haji Afanizam Bin Ali

KETUA PROGRAM 1

Dr. Ahmad Fitri Bin Abdullah Hair

AHLI JAWATANKUASA PROGRAM 1

Dr. Ahmad Faiz Bin Azhari Noor

Dr. Santhanamohan A/L Nagesperam

Dr. Mohd Ridzuan Bin Anuar

Ir. Amirrudin Bin Ali

Mazlina Binti Yusof

Nadia Farhana Binti Radzi

Mohamad Firdaus Bin Mohamad Nazri

Nor Roslinda Binti Mat Zan

Maryanti Binti Mohamad

KETUA PROGRAM 2

Hajah Noor Azurah Binti Haji Abd Rahman

AHLI JAWATANKUASA PROGRAM 2

Dr. Sutha A/P Balakrishnan

Ir. Rizal Azizi Bin Ghazali

Mohd Fadhil Bin Haji Abu Yazid

Syarikin Binti Mat Nayah

Eza Marny Binti Marzuki

Mohd Nasrisyam Bin Asri

Musna binti Rappe

Mohd Uzair bin Thazali

Tc. Erawan Bin Abd Razak

Nurfarhana Binti Mashuri

Nur Hidayah Binti Yahaya

Nazurah Binti Hamid

KETUA PROGRAM 4

Ts. Fauziah Binti Kamaruddin

AHLI JAWATANKUASA PROGRAM 4

Ts. Elaini Binti Wahab

Rohaizad Bin Mohd Daud

Mohd Norhafiz bin Ibrahim

Ts. Rodzilla Binti Yahya Sharafuddin

Rizwana Binti Rusle

PPKP. Ts. Mohd Zulhafiz Bin Mohd Yajid

Mohd D'Azmir Bin Kamarudin

Dr Ishkandar bin Md Yusoff

KETUA PROGRAM 3

Mazlyne Binti Mat Akat

AHLI JAWATANKUASA PROGRAM 3

Dr. Mohd Shamirul Bin Ahmad

KETUA PROGRAM 5

Noor Azurah binti Haji Abd Rahman

AHLI JAWATANKUASA PROGRAM 5

Dr. Mohd Fizal Izwan Bin Abd. Kadir

Ir. Ts. Saifuladili Bin Jaafar

Azreen Shazwani Binti Omar

Nur Shariza Binti Shari

Siti Kamariah Binti Rahim

Ahli Jawatankuasa Luar

Dr Anza binti Elias

Dr Muhammad Arif bin Muhammad Noordin

Dr Nik Khairul Reza bin Md Yazin

Prof Madya Dr Irniza binti Rasdi

Dr. Edrin Nazri bin Abdul Rasib

Ir. Ts. Roslenda bt Hasan

Shabanon bt Mohd Sharif

Rusnah bt Nanyan

Marina binti Zainal

Raemy bin Md Zin

Hjh. Noormahani binti Harun

Dr. Ng Yee Guan

Agensi yang Terlibat





AJK DALAMAN TERAS STRATEGIK 4



PROGRAM	PENCAPAIAN KUMULATIF PROGRAM (2021-2025)					PENCAPAIAN TAHUN SEMASA (2025)	PENCAPAIAN KUMULATIF (2021-2025)
	2021	2022	2023	2024	2025		
P1	1%	18%	25%	28%	27%	100%	100%
P2	20%	20%	20%	20%	20%	100%	100%
P3	16%	20%	20%	24%	20%	100%	100%
P4	11%	22%	28%	22%	17%	100%	100%
P5	10%	40%	20%	20%	10%	100%	100%
KESELURUHAN	12%	24%	23%	23%	19%	100%	100%

Pendahuluan

Teras Strategik 4 memberi tumpuan kepada pemerkasaan aspek kesihatan pekerjaan, yang melibatkan usaha meningkatkan kapasiti pengamal kompeten, memperkukuh pengurusan risiko kesihatan, serta mengarusperdanakan isu penyakit pekerjaan di tempat kerja.

Pelaksanaan

Terdapat lima (5) program utama telah dilaksanakan, iaitu: (i) penyediaan pengamal kesihatan pekerjaan kompeten, (ii) pengurusan risiko kesihatan secara komprehensif, (iii) kesedaran dan perkongsian maklumat penyakit pekerjaan, (iv) pemerkasaan higien industri, dan (v) integrasi penilaian risiko kesihatan pekerjaan. Program dilaksanakan melalui kajian, pembangunan garis panduan, saringan kesihatan, bengkel teknikal, promosi kesedaran, serta intervensi industri, penyediaan video dan infografik berkaitan kesihatan pekerjaan.



Antara program berimpak tinggi termasuk **Program Saringan Penyakit Pekerjaan di sektor kritikal** yang melibatkan lebih 100,000 pekerja, **SoHELP DIY** melalui MyKKP, dan **Jerayawara Garis Panduan Hazad Psikososial** di lima zon utama.






Penglibatan Agensi dan Pihak Berkepentingan

Pelaksanaan melibatkan kerjasama erat antara JKPP, Kementerian Sumber Manusia, MNKKP, industri berisiko tinggi, NGO, universiti, dan pengamal kesihatan pekerjaan. Penglibatan sektor swasta serta kesatuan pekerja turut memperkukuh keberkesanan program.



Pencapaian Program (2021–2025)

Secara kumulatif, Teras Strategik 4 telah mencapai 98% pencapaian keseluruhan sehingga September 2025.

-  Program 1 (Pengamal Kesihatan Pekerjaan): 100%
-  Program 2 (Pengurusan Risiko Kesihatan): 94%
-  Program 3 (Kesedaran & Perkongsian Maklumat): 93%
-  Program 4 (Higien Industri): 99%
-  Program 5 (Integrasi Penilaian Risiko): 100%



Infografik

Infografik utama merangkumi pencapaian KPI tahunan, jumlah saringan penyakit pekerjaan, capaian 194,857 tontonan promosi kesihatan pekerjaan di media sosial, serta 40 bahan promosi berimpak tinggi.



Kesimpulan

Teras Strategik 4 berjaya melonjakkan agenda kesihatan pekerjaan di Malaysia dengan pencapaian hampir menyeluruh. Selain menambah baik kapasiti teknikal dan dasar, TS4 turut melaksanakan kajian untuk menyediakan Occupational Disease Rate sebagai ukuran nasional. Dengan intervensi berkesan dan pelaksanaan penilaian kesihatan pekerjaan yang sistematik, diunjurkan kadar penyakit pekerjaan dapat diturunkan kepada 59.8 kes bagi setiap 100,000 pekerja menjelang 2030.

TERAS STRATEGIK
4

PROGRAM 1

MENYEDIAKAN PENGAMAL KESIHATAN PEKERJAAN YANG KOMPETEN DI TEMPAT KERJA

PROGRAM	AKTIVITI	PENCAPAIAN TAHUN SEMASA (2025)	PENCAPAIAN KUMULATIF PROGRAM (2021-2025)					PENCAPAIAN KUMULATIF (5 TAHUN)	
			2021	2022	2023	2024	2025		
PROGRAM 1: MENYEDIAKAN PENGAMAL KESIHATAN PEKERJAAN YANG KOMPETEN DI TEMPAT KERJA	A1	Untuk menyediakan perundangan berkaitan Perkhidmatan Kesihatan Pekerjaan (Occupational Health Services) di tempat kerja	100%	3%	3%	33%	33%	27%	100%
	A2	Program Saringan Penyakit Pekerjaan di sektor kritikal	100%	0%	9%	30%	30%	30%	99%
	A3	Mengenalpasti keperluan pendaftaran Pengamal Kesihatan Pekerjaan sebagai OYK di bawah JKPP. Cadangan :Perlu mengenal pasti terlebih dahulu (ST4P1A1M1). Pendaftaran hanya dibuat selepas terdapat keperluan untuk mendaftar.	100%	0%	0%	0%	50%	50%	100%
	A4	Untuk menyediakan garis panduan berkaitan Perkhidmatan Kesihatan Pekerjaan (Occupational Health Services)	0%	0%	63%	38%	0%	0%	100%
KESELURUHAN		100%	1%	18%	25%	28%	27%	100%	

Pendahuluan

Objektif utama Program 1 Teras Strategik 4 OSHMP25 adalah untuk menyediakan pengamal kesihatan pekerjaan yang kompeten di tempat kerja. Bagi tujuan tersebut, beberapa inisiatif telah dilaksanakan seperti berikut:

1. Penggubalan Perundangan Berkaitan Perkhidmatan Kesihatan Pekerjaan (Occupational Health Services) di Malaysia
2. Saringan Penyakit Pekerjaan ke atas 100,000 Pekerja di Sektor Kritikal
3. Penyediaan Garis Panduan Menyokong Pelaksanaan Perkhidmatan Kesihatan Pekerjaan Di Malaysia

Pelaksanaan Program

1. Penggubalan Perundangan Berkaitan Perkhidmatan Kesihatan Pekerjaan (*Occupational Health Services*) di Malaysia

Satu kajian telah dijalankan oleh UKM Pakarunding Sdn. Bhd. dari Januari 2024 hingga Mac 2025 bagi menyokong penggubalan perundangan berkaitan perkhidmatan kesihatan pekerjaan di Malaysia. Kajian ini menghasilkan cadangan peraturan, tatamalan industri serta penyenaian beberapa Orang Kompeten (OK) Kesihatan Pekerjaan baharu untuk didaftarkan oleh JKKP.



Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Kajian Pembangunan Perundangan Berkaitan Perkhidmatan Kesihatan Pekerjaan di Malaysia yang melibatkan wakil industri, wakil university, PERKESO,

Bagi meneliti cadangan tersebut, sebuah jawatankuasa penggubalan perundangan telah ditubuhkan untuk membangunkan dan memuktamadkan peraturan, tatamalan serta mekanisme pendaftaran OK yang dicadangkan. Jawatankuasa ini berfungsi sebagai platform perbincangan antara pihak berkepentingan.

Mesyuarat jawatankuasa pada September 2025 mendapati beberapa perkara masih perlu diperhalusi secara terperinci oleh JKKP. Sehubungan itu, jawatankuasa bersetuju bahawa pemuktamadan peraturan, tatamalan, dan cadangan pendaftaran OK akan dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13).



Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Kajian Pembangunan Perundangan Berkaitan Perkhidmatan Kesihatan Pekerjaan di Malaysia



Mesyuarat Jawatankuasa Penggubalan Peraturan dan Tataamalan Industri Berkaitan Perkhidmatan Kesihatan Pekerjaan

2. Saringan Penyakit Pekerjaan ke atas 100,000 Pekerja di Sektor Kritikal

UiTM Technoventures Sdn. Bhd. telah melaksanakan saringan penyakit pekerjaan terhadap pekerja sektor kritikal dari Oktober 2022 hingga September 2025, melibatkan seramai 116,939 orang pekerja.

Hasil saringan mendapati Gangguan Psikososial Pekerjaan mencatatkan prevalens tertinggi iaitu 16.91%, diikuti Gangguan Pendengaran Bising Pekerjaan (8.25%), Gangguan Muskulo-skeletal Pekerjaan (7.54%), Gangguan Neurotoksik Pekerjaan (7.11%), Penyakit Paru-paru Pekerjaan

(6.29%), dan Penyakit Kulit Pekerjaan (2.8%).

Selain itu, perunding turut mencadangkan pindaan terhadap Garis Panduan Perkhidmatan Kesihatan Pekerjaan Asas di tempat kerja. Dapatan ini akan menjadi asas bagi pembangunan strategi serta penentuan keutamaan isu kesihatan pekerjaan dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13).

3. Penyediaan Garis Panduan Menyokong Pelaksanaan Perkhidmatan Kesihatan Pekerjaan Di Malaysia



Aktiviti pelaksanaan kajian berkaitan saringan penyakit pekerjaan di tempat kerja



Taklimat pelaksanaan kajian berkaitan saringan penyakit pekerjaan bersama wakil industri

Sebanyak empat garis panduan telah diterbitkan oleh JKKP bagi menyokong pelaksanaan perkhidmatan kesihatan pekerja di Malaysia.

Garis panduan tersebut ialah: (a) Garis Panduan Pengurusan Gangguan Pendengaran Disebabkan Bising Pekerjaan 2021; (b) Garis Panduan Program Pengawasan Perubatan di Tempat Kerja 2023; (c) Garis Panduan Pentaksiran dan Pengurusan Risiko Psikososial di Tempat Kerja 2024; dan (d) Garis Panduan Pencegahan dan Pengurusan HIV/AIDS di Tempat Kerja 2025.

Kesemua garis panduan ini akan terus disebarluas melalui seminar, jerayawara dan aktiviti promosi lain oleh JKKP serta agensi berkaitan, supaya industri dapat memahami serta melaksanakannya di tempat kerja masing-masing.

Output program

- 1.1 Kajian Berkaitan Perundangan Perkhidmatan Kesihatan Pekerja di Malaysia telah dijalankan.



Garis Panduan Pengurusan Gangguan Pendengaran Disebabkan Bising Pekerjaan 2021



Garis Panduan Program Pengawasan Perubatan di Tempat Kerja 2023



Garis Panduan Pentaksiran dan Pengurusan Risiko Psikososial di Tempat Kerja 2024







Garis Panduan Pencegahan dan Pengurusan HIV/AIDS di Tempat Kerja 2025



Gambar Majlis Pelancaran Garis Panduan Pengurusan Gangguan Pendengaran Disebabkan Bising Pekerjaan 2021



Gambar Majlis Pelancaran Garis Panduan Program Pengawasan Perubatan di Tempat Kerja 2023

2. 1 Cadangan draf peraturan dan tatamalan berkaitan perkhidmatan kesihatan pekerjaan telah disediakan dan sedang diperhalusi oleh Jawatankuasa Penggubalan
3. Cadangan pendaftaran Orang Kompeten Kesihatan Pekerjaan telah disediakan dan sedang diteliti oleh Jawatankuasa Penggubalan
4. Saringan penyakit pekerjaan telah dijalankan ke atas 116,939 pekerja di sektor kritikal.
5. 6 alat saringan penyakit pekerjaan telah dibangunkan bagi program saringan penyakit pekerjaan di Malaysia
6. 4 garis panduan berkaitan kesihatan pekerjaan telah dibangunkan
 -  Garis Panduan Pengurusan Gangguan Pendengaran Disebabkan Bising Pekerjaan 2021
 -  Garis Panduan Program Pengawasan Perubatan di Tempat Kerja 2023
 -  Garis Panduan Pentaksiran dan Pengurusan Risiko Psikososial di Tempat Kerja 2024
 -  Garis Panduan Pencegahan dan Pengurusan HIV/AIDS di Tempat Kerja 2025

Kesimpulan

Kesimpulannya, pelaksanaan Program 1 Teras Strategik 4 OSHMP25 telah berjaya menghasilkan beberapa pencapaian penting dalam memperkukuh perkhidmatan kesihatan pekerjaan di Malaysia. Antara kejayaan utama ialah penghasilan kajian pembangunan perundangan yang menjadi asas kepada penggubalan peraturan baharu, pelaksanaan saringan penyakit pekerjaan yang melibatkan lebih 100,000 pekerja sektor kritikal, serta penerbitan empat garis panduan utama yang menyokong usaha meningkatkan perlindungan kesihatan pekerja. Dapatan kajian dan aktiviti ini bukan sahaja memberi gambaran jelas mengenai beban penyakit

pekerjaan di negara ini, tetapi juga menyediakan kerangka dasar, strategi dan amalan terbaik bagi memperkukuh kesiapsiagaan industri dalam menghadapi isu kesihatan pekerjaan.

Secara keseluruhannya, inisiatif yang dilaksanakan di bawah program ini mencerminkan komitmen berterusan kerajaan bersama pihak berkepentingan dalam memastikan pengamal kesihatan pekerjaan yang kompeten dapat disediakan dan perkhidmatan kesihatan pekerjaan dilaksanakan dengan lebih sistematik. Hasil-hasil program ini juga akan menjadi asas penting dalam penyediaan strategi baharu serta pelaksanaan intervensi bersasar semasa RMK-13, sekaligus menyumbang kepada peningkatan tahap keselamatan, kesihatan, dan kesejahteraan pekerja di Malaysia secara mampan

PENGURUSAN RISIKO KESIHATAN PEKERJAAN SECARA KOMPREHENSIF

PROGRAM	AKTIVITI	PENCAPAIAN TAHUN SEMASA (2025)	PENCAPAIAN KUMULATIF PROGRAM (2021-2025)					PENCAPAIAN KUMULATIF (2021-2025)
			2021	2022	2023	2024	2025	
PROGRAM 2: PENGURUSAN RISIKO KESIHATAN PEKERJAAN SECARA KOMPREHENSIF	A1 Meningkatkan kesejahteraan pekerja di dalam aspek kesihatan pekerjaan. Cadangan : Indeks elemen kesejahteraan di tempat kerja perlu dikenalpasti dan dibangunkan (sekiranya tiada)	100%	20%	20%	20%	20%	20%	100%
	A2 Menguruskan risiko kesihatan pekerjaan berkonsepkan pencegahan melalui rekabentuk (PtD)	100%	20%	20%	20%	20%	20%	100%
KESELURUHAN		100%	20%	20%	20%	20%	20%	100%

Pendahuluan

Objektif Program 2 Teras Strategik 4 OSHMP25 adalah untuk meningkatkan kesejahteraan pekerja dari aspek kesihatan pekerjaan serta menguruskan risiko kesihatan pekerjaan melalui pendekatan prevention through design (PtD). Bagi mencapai objektif ini, dua inisiatif telah dilaksanakan, iaitu pembangunan elemen kesejahteraan pekerjaan (EKP) untuk diaplikasikan oleh majikan serta pelaksanaan program kesedaran dan promosi berkaitan pengurusan risiko kesihatan pekerjaan berkonsepkan PtD.

Pelaksanaan Program

Bagi inisiatif pembangunan EKP, pelaksanaan bermula pada tahun 2021 dengan penyediaan kriteria asas sebelum dibangunkan sebagai senarai semak dan panduan pada tahun 2022. Ujian rintis dijalankan di lima tempat kerja dan diperluas pada tahun 2023 melalui



Gambar 1 : Sesi Taklimat Program Survei Elemen Kesejahteraan Pekerjaan di Tempat Kerja Kepada Pegawai JKKP Negeri pada 14 Mac 2023



Gambar 2 : Program Survei Elemen Kesejahteraan Pekerja di Tempat Kerja oleh Pegawai JKKP Negeri di Seluruh Negara dari Mei hingga Ogos 2023

Program Survei EKP melibatkan 140 tempat kerja di seluruh Malaysia. Pada tahun 2024, cadangan penggunaan senarai semak EKP sebagai kriteria tambahan Audit Anugerah Cemerlang KKP telah diterima, seterusnya dijadikan sebagai salah satu kriteria audit pada tahun 2025. Selain itu, Bengkel Amalan Terbaik EKP turut dianjurkan dengan penyertaan 31 peserta daripada industri.

Bagi inisiatif kedua, beberapa bengkel PtD telah dilaksanakan dari tahun 2022 hingga 2025 melibatkan kawalan bising, risiko ergonomik dan bahan kimia berbahaya, dengan jumlah penyertaan 144 peserta. Ceramah berkaitan PtD juga telah disampaikan dalam seminar dan bengkel lain, dengan penyertaan seramai 179 peserta.



Gambar 3: Bengkel Amalan Terbaik Bagi Pelaksanaan Program Kesejahteraan Pekerja (Well Being/ Wellness) Di Tempat Kerja sempena Karnival Kesihatan Pekerjaan KESUMA Madani Peringkat Kebangsaan 2024



Gambar 4: Bengkel Kawalan Bising di Tempat Kerja Menerusi Kaedah Pencegahan Melalui Rekabentuk pada 16 Jun 2022 di Casuarina Hotel, Ipoh, Perak

Pencapaian Program (2021-2025)

Hasil daripada pelaksanaan ini, senarai semak EKP telah berjaya dibangunkan dan digunapakai dalam audit Anugerah Cemerlang KKP. Selain itu, penganjuran bengkel dan seminar berkaitan PtD telah memperluas kefahaman serta amalan pencegahan dalam kalangan industri.

Kesimpulan

Pelaksanaan Program 2 Teras Strategik 4 OSHMP25 sepanjang 2021 hingga 2025 telah berjaya mencapai objektif yang ditetapkan. Pembangunan Elemen Kesejahteraan Pekerja (EKP) sebagai kriteria audit telah memperkukuhkan usaha meningkatkan kesejahteraan pekerja di tempat kerja. Sementara itu, program kesedaran dan promosi PtD telah memberi pendedahan dan meningkatkan kefahaman industri terhadap pengurusan risiko berkonsepkan pencegahan melalui rekabentuk. Kejayaan kedua-dua inisiatif ini menunjukkan peningkatan tahap kesedaran, komitmen serta amalan pencegahan risiko kesihatan pekerjaan di kalangan industri. Secara keseluruhannya, program ini telah menyumbang secara langsung kepada pengukuhan budaya pencegahan dan peningkatan kesejahteraan pekerja, selaras dengan aspirasi OSHMP25.



Gambar 5: Bengkel Kawalan Risiko Ergonomik di Tempat Kerja Menerusi Kaedah Pencegahan Melalui Rekabentuk pada 22 Jun 2023, Ixora Hotel, Pulau Pinang



Gambar 6: Bengkel Pengurusan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan Menerusi Kaedah Pencegahan Melalui Rekabentuk pada 11 Jun 2024 di Hotel Geno, Subang Jaya, Selangor



Gambar 7: Bengkel Kawalan Pendedahan Bising Menerusi Kaedah Pencegahan Melalui Rekabentuk di Kilang Kelapa Sawit Negeri Pahang dan Terengganu pada 3 Julai 2025 di Swiss Belhotel Kuantan, Pahang

TERAS STRATEGIK
4

PROGRAM 3

KESEDARAN DAN PERKONGSIAN MAKLUMAT BERKAITAN KESIHATAN PEKERJAAN DAN PENYAKIT PEKERJAAN

PROGRAM	AKTIVITI	PENCAPAIAN TAHUN SEMASA (2025)	PENCAPAIAN KUMULATIF PROGRAM (2021-2025)					PENCAPAIAN KUMULATIF (5 TAHUN)	
			2021	2022	2023	2024	2025		
PROGRAM 3: PROGRAM KESEDARAN DAN PERKONGSIAN MAKLUMAT BERKAITAN KESIHATAN PEKERJAAN DAN PENYAKIT PEKERJAAN	A1	Menjalankan promosi berkaitan isu-isu kesihatan dan penyakit pekerjaan	100%	16%	20%	20%	24%	20%	100%
KESELURUHAN		100%	16%	20%	20%	24%	20%	100%	

Pendahuluan

Aktiviti promosi merupakan salah satu elemen terpenting di dalam usaha menerapkan pengetahuan dan kesedaran pihak pemegang taruh, majikan dan pekerja dari aspek kesihatan pekerjaan di tempat kerja yang khususnya bertujuan untuk mencegah penyakit pekerjaan dan keracunan pekerjaan yang berpunca dari tempat kerja. Pelan Induk KKP 2025 telah menggariskan objektif program adalah seperti berikut :-



- 1) Mendapatkan 100,000 tontotan (views) bahan promosi berkaitan isu kesihatan pekerjaan di media sosial Jabatan;
- 2) Membangunkan bahan promosi bagi meningkatkan kesedaran berkaitan kesihatan pekerjaan mengikut keperluan industri;
- 3) Membuat perkongsian kes penyakit pekerjaan dan amalan terbaik industri dalam pelaksanaan dan pengenalpastian hazard kesihatan dan penyakit pekerjaan di tempat kerja.

Pelaksanaan Program

1. Penggubalan Perundangan Berkaitan Perkhidmatan Kesihatan Pekerja (Occupational Health Services) di Malaysia

Setiap bahan promosi berbentuk video dan video grafik yang dihasilkan akan dimuatnaik di saluran Youtube rasmi Doshmalaysia serta dipromosikan melalui laman FaceBook , X dan TikTok rasmi Jabatan. Aktiviti boosting juga dilaksanakan dari semasa ke semasa untuk meningkatkan view di mana telah berjaya meningkatkan tontonan sehingga 197,000 melebihi sasaran yang ditetapkan.



2) Membangunkan bahan promosi bagi meningkatkan kesedaran berkaitan kesihatan pekerjaan mengikut keperluan industri



Sebanyak 47 bahan promosi berbentuk video , video grafik serta poster berkaitan isu kesihatan pekerjaan telah dihasilkan Jabatan sepanjang pelaksanaan pelan induk ini yang turut disebarluaskan melalui peningkatan tontonan di media sosial Jabatan.

3) Membuat perkongsian kes penyakit pekerjaan dan amalan terbaik industri dalam pelaksanaan dan pengenalpastian hazard kesihatan dan penyakit pekerjaan di tempat kerja.

Perkongsian melalui seminar dan webinar telah berjaya dilaksanakan sebanyak 44 sesi di seluruh negara bermula dari tahun 2021 hingga 2025. Di sepanjang seminar dan webinar ini beberapa syarikat industri telah dijemput untuk memberikan perkongsian mengenai pelaksanaan dan pengurusan isu-isu berkaitan kesihatan pekerjaan di



Gambar : Penceramah dari industri serta sebahagian peserta webinar pada sesi perkongsian tahun 2021.

tempat kerja masing-masing. Kesempatan ini juga digunakan oleh Jabatan untuk memberikan penerangan dan hebahan mengenai Garis Panduan baru yang dibangunkan pada tahun-tahun tersebut.



Gambar : Perasmian seminar perkongsian yang telah dijalankan pada tahun 2022

Pencapaian program atau output program selama 5 tahun (2021-2025)

Mekanisma 1

Capaian 100K views di platform media sosial rasmi Jabatan (spt website, youtube, Twitter dan Facebook rasmi Jabatan)

TSP4P3:

Kesedaran Perkongsian Maklumat Berkaitan kesihatan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan



Peratus Pencapaian Semasa
100%

Mekanisma 2

Membangunkan bahan promosi dan meningkatkan kesedaran berkaitan kesihatan pekerjaan mengikut keperluan industri seperti isu kebisingan, ergonomik, kimia kesihatan mental dan lain-lain

TSP4P3:

Kesedaran Perkongsian Maklumat Berkaitan kesihatan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan



Peratus Pencapaian Semasa
100%

Mekanisma 3

Perkongsian kes penyakit pekerjaan dan amalan terbaik industri dalam pelaksanaan dan pengenalpastian hazard kesihatan dan penyakit pekerjaan di tempat kerja.

TSP4P3:

Kesedaran Perkongsian Maklumat Berkaitan kesihatan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan



Peratus Pencapaian Semasa
100%

Peratus Pencapaian Semasa

TSP4P3:
Kesedaran
Perkongsian
Maklumat
Berkaitan
kesihatan
Pekerjaan dan
Penyakit
Perkerjaan



Kesimpulan

Keseluruhan pencapaian aktiviti program adalah baik dan memenuhi sasaran yang ditetapkan Jabatan. Bahan-bahan promosi yang telah dihasilkan dapat dijadikan panduan bukan sahaja untuk memberikan kesedaran malah boleh juga dijadikan bahan pembelajaran di pelbagai peringkat samada kepada majikan, pekerja dan bakal pekerja. Ianya wajar dijadikan aktiviti berterusan Jabatan untuk memastikan rujukan yang tepat dapat disediakan bagi kegunaan industri sesuai dengan keperluan dan isu-isu semasa yang berkaitan. Kajian lanjut perlu dijalankan oleh Jabatan bagi mengenalpasti keperluan dan kehendak arus semasa berkaitan bahan dan cara promosi yang lebih berkesan.

Walaupun bagaimanapun aktiviti perkongsian melalui seminar dan webinar bersifat ilmiah dan memerlukan perbincangan serta penerangan lebih terperinci bagi memastikan golongan majikan dan pekerja memahami dan dapat menerapkan pengetahuan serta kesedaran dalam kalangan warga kerja di tempat kerja masing-masing.

TERAS STRATEGIK
4

PROGRAM 4


**MEMPERKASAKAN HIGIEN INDUSTRI KE ARAH
PENINGKATAN KUALITI PEKERJAAN**

PROGRAM	AKTIVITI	PENCAPAIAN TAHUN SEMASA (2025)	PENCAPAIAN KUMULATIF PROGRAM (2021-2025)					PENCAPAIAN KUMULATIF (5 TAHUN)	
			2021	2022	2023	2024	2025		
PROGRAM 4: MEMPERKASAKAN HIGIEN INDUSTRI KE ARAH PENINGKATAN KUALITI PEKERJAAN	A1	Menyediakan dan melaksanakan sistem intervensi yang komprehensif dan efektif di tempat kerja	100%	6%	24%	24%	28%	19%	100%
	A2	Meluaskan pelaksanaan SoHELP DIY dan kaedah penaksiran lain	100%	7%	21%	41%	19%	12%	100%
	A3	Menyemarakkan Pengurusan Higien Industri (e.g Ergonomik, Kebisingan, Ruang Terkurung dan Bahan Kimia) di Tempat Kerja	100%	20%	20%	20%	20%	20%	100%
KESELURUHAN		100%	11%	22%	28%	22%	17%	100%	


Pendahuluan

Program 4 Teras Strategik 4 telah dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun sebagai inisiatif strategik untuk memperkasa pengurusan higien industri ke arah peningkatan kualiti pekerjaan. Program ini didokong oleh tiga (3) aktiviti utama iaitu program intervensi kawalan hazard kesihatan

dalam industri, peluasan pelaksanaan Systematic Occupational Health Enhancement Level Programme (SOHELP), serta menyemarakkan pengurusan higien industri khususnya berkaitan ergonomik, kebisingan, ruang terkurung dan pendedahan bahan kimia di tempat kerja.



Gambar 1: Bengkel Kawalan Hazard Kesihatan Dalam Industri di Sektor Pembuatan Besi pada 12-13 Oktober 2021 secara webinar



Gambar 2: Bengkel Kawalan Hazard Kesihatan Dalam Industri di Sektor Perladangan Kelapa Sawit pada 20-21 Oktober 2021 secara webinar

Pelaksanaan dan Pencapaian

Aktiviti Pertama menumpukan kepada pembangunan dan pelaksanaan Intervensi Kawalan Hazard Kesihatan Dalam Industri. Sebanyak sepuluh (10) modul intervensi telah dibangunkan merangkumi subsektor berisiko tinggi bagi memberi panduan sistematik kepada majikan dalam mengenalpasti risiko, menilai risiko dan mengambil langkah kawalan yang sesuai. Sebanyak lima (5) Bengkel Kawalan Hazard Kesihatan Dalam Industri telah dijalankan melibatkan subsektor perladangan sawit, industri besi, elektronik, plastik dan pengutipan sisa pepejal. Pemantauan menunjukkan 84% tempat kerja yang mengikuti bengkel telah melaksanakan intervensi kawalan kesihatan dan mencapai gred pematuhan C ke atas. Selain itu, sebanyak 40 amalan terbaik intervensi kawalan hazard



Gambar 3 :Bengkel Kawalan Hazard Kesihatan Dalam Industri di Sektor Pembuatan Elektronik pada 6-7 Jun 2022.



Gambar 5 :Bengkel Kawalan Hazard Kesihatan Dalam Industri di Sektor Pengutipan Sisa Pepejal pada 16-17 Julai 2024



Gambar 4 :Bengkel Kawalan Hazard Kesihatan Dalam Industri di Sektor Pembuatan Plastik pada 10-12 Oktober 2023.



Gambar 6 : Bengkel Kawalan Hazard Kesihatan Dalam Industri di Sektor Perkhidmatan, Borong dan Runcit Kepada Pegawai JKKP pada 13-15 Mei 2025

kesihatan dalam industri telah dikumpulkan untuk tujuan perkongsian dengan industri lain.

Bagi Aktiviti Kedua iaitu pelaksanaan SOHELP, telah berjaya menarik penyertaan sebanyak 1411 tempat kerja yang bertujuan meningkatkan pematuhan kepada aspek pengurusan pendedahan bising, bahan kimia dan risiko ergonomik. Sebanyak 32 Sesi Libat Urus Pelaksanaan SOHELP telah diadakan bagi memberi pendedahan dan hebahan kepada tempat kerja. Pada peringkat awal ia dilaksanakan secara konvensional, namun mulai tahun 2023, SOHELP telah ditransformasikan melalui Sistem MyKKP dan diperluaskan ke tempat kerja berisiko tinggi. Hasil pelaksanaan mendapati 34% tempat kerja mencapai Aras 3 ke atas iaitu pematuhan memuaskan bagi aspek pengurusan pendedahan bising, bahan kimia dan risiko ergonomik.



Gambar 7 : Sesi Libat Urus SOHELP Bersama Syarikat Konglomerat pada 8 Februari 2024



Gambar 8 : Sesi Libat Urus SOHELP Bersama Syarikat Konglomerat pada 20 April 2025



Gambar 11 : Konvensyen SOHELP Kebangsaan Ke 6 pada 17 Ogos 2023 (IDCC)



Gambar 9 : Konvensyen SOHELP Kebangsaan Ke 3 pada 23 September 2020 secara webinar



Gambar 12: Konvensyen SOHELP Kebangsaan Ke 7 pada 26 September 2024



Gambar 10 : Konvensyen SOHELP Kebangsaan Ke 5 pada 21 Julai 2022



Gambar 13 : Konvensyen SOHELP Kebangsaan Ke 8 pada 29 Ogos 2025



Gambar 14 : E-Book Kompilasi Amalan Terbaik SOHELP



Gambar 15 : Kolaborasi Bersama Pengamal Ergonomik bagi Pembangunan Garis Panduan Berkaitan Ergonomik pada 20 September 2023



Gambar 16 : Kolaborasi Bersama Pengamal Akustik Kebisingan bagi Pembangunan Guidance on Noise Control pada 23 April 2024

Sebanyak 255 amalan terbaik SOHELP telah dikumpulkan dan dibuat hebahan di laman web Jabatan sebagai panduan dan perkongsian kepada tempat kerja lain. Selain daripada itu, lima (5) Konvensyen SOHELP Kebangsaan telah dianjurkan sebagai platform tahunan untuk perkongsian amalan terbaik SOHELP disamping memberi pengiktirafan kepada tempat kerja yang menunjukkan pencapaian cemerlang dalam melaksanakan SOHELP.

Sementara itu, melalui Aktiviti Ketiga iaitu menyemarakkan pengurusan higien industri, sebanyak 27 sesi kolaborasi telah dilaksanakan bersama pemegang taruh, pihak industri, persatuan dan pengamal KKP. Kolaborasi ini memberi fokus kepada pengurusan isu kebisingan, ergonomik, bahan kimia serta aktiviti ruang terkurung. Hasil penguatkuasaan mendapati 22.5% tempat kerja yang diperiksa menunjukkan peningkatan gred pematuhan, seterusnya mencerminkan keberkesanan usaha pengurusan higien industri di tempat kerja

Kesimpulan

Pelaksanaan Program 4 Teras Strategik 4 OSHMP25 sepanjang 2021 hingga 2025 telah berjaya mencapai objektif yang ditetapkan dan menunjukkan hasil yang signifikan dalam memperkukuh sistem pengurusan higien industri di tempat kerja. Pelaksanaan intervensi kawalan hazard kesihatan industri, perluasan SOHELP, serta kolaborasi bersama pelbagai pihak berkepentingan telah memberikan impak positif terhadap tahap pematuhan kesihatan pekerjaan dan kualiti persekitaran tempat kerja. Kejayaan ini bukan sahaja meningkatkan kesedaran dan amalan kawalan risiko di tempat kerja, malah turut menyumbang kepada penambahbaikan berterusan dalam aspek kesihatan pekerjaan dan kesejahteraan pekerja secara holistik.

TERAS STRATEGIK
4

PROGRAM 5

**MENGINTEGRASIKAN PENILAIAN RISIKO
KESIHATAN PEKERJAAN**

PROGRAM	AKTIVITI	PENCAPAIAN TAHUN SEMASA (2025)	PENCAPAIAN KUMULATIF PROGRAM (2021-2025)					PENCAPAIAN KUMULATIF (5 TAHUN)
			2021	2022	2023	2024	2025	
PROGRAM 5: MENGINTEGRASIKAN PENILAIAN RISIKO KESIHATAN PEKERJAAN	A1 Menyemak dan menambahbaik Penilaian risiko kesihatan pekerja yang merangkumi kesemua hazard kesihatan di tempat kerja (fizikal, biologikal oleh semua insdustri dengan melibatkan pengamalam OH sebagai ahli pasukan pengapit HRA	100%	10%	40%	20%	20%	10%	100%
KESELURUHAN		100%	10%	40%	20%	20%	10%	100%

Sepanjang lima tahun, Jawatankuasa OSHMP TS4P5 telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi membangunkan Panduan Integrasi Penaksiran Risiko Kesihatan Pekerja (HRA). Usaha ini bermula pada 2021 dengan pelantikan ahli jawatankuasa serta penyediaan Terma



Focus Group Discussion – Health Risk Assessment Gap Analysis telah diadakan pada 22 – 23 Mac 2022 di NIOSH

Rujukan (TOR) dan carta perbatuan yang menjadi asas hala tuju program.

Pada 2022, tumpuan diberikan kepada pengumpulan input daripada pengamal kesihatan pekerja dan pihak industri melalui perbincangan kumpulan berfokus (FGD) dan bengkel. Analisis jurang yang dijalankan telah mengenal pasti keperluan membangunkan model integrasi HRA yang merangkumi hazard fizikal, kimia, ergonomik, biologikal dan psikososial. Pada 2023, empat mesyuarat dan dua bengkel diadakan bagi membangunkan kriteria penilaian magnitud keterukan dan kebarangkalian hazard. Aktiviti ini melibatkan pakar pelbagai bidang dan menghasilkan kerangka awal Panduan Integrasi HRA.

Tahun 2024 menyaksikan pembangunan panduan lengkap melalui siri bengkel, sesi uji coba di lapangan, serta seminar bersama industri. Aktiviti ini bukan sahaja menambah baik model HRA, malah menguji keberkesanannya dalam situasi sebenar di tempat kerja. Maklum balas yang diterima memastikan panduan lebih praktikal dan relevan untuk pelaksanaan.

Akhirnya, pada 2025, Panduan HRA berjaya disiapkan dan dibentangkan di Mesyuarat Semakan Dasar Jabatan Bil. 1/2025. Mesyuarat memutuskan agar elemen panduan ini digabungkan dengan ICOP Risk Management 202x yang sedang digubal. Pencapaian ini menandakan kejayaan lima tahun usaha jawatankuasa, yang bukan sahaja menghasilkan panduan komprehensif tetapi juga memastikan pengintegrasian dalam dokumen perundangan, sekali gus memperkukuh pengurusan risiko kesihatan di tempat kerja.



Focus Group Discussion – Health Risk Assessment Gap Analysis telah diadakan pada 22 – 23 Mac 2022 di NIOSH



Bengkel Integrasi Penaksiran Risiko Kesihatan Pekerjaan pada 16-17 Ogos 2022 di RHR Kajang, Selangor



Bengkel 1: Pembangunan Model Integrasi HRA Hazard Biologiikal dan Psikososial pada 11 - 12 September 2023 di Palm Seremban



Bengkel 1: Pembangunan Model Integrasi HRA Hazard Biologiikal dan Psikososial pada 11 - 12 September 2023 di Palm Seremban



Bengkel 2: Pembangunan Model Integrasi HRA Hazard Fizikal pada 13 - 14 September 2023 di Palm Seremban



Bengkel 2: Pembangunan Model Integrasi HRA Hazard Fizikal pada 13 - 14 September 2023 di Palm Seremban



Bengkel Pembangunan Panduan Pelaksanaan Integrasi Pentaksiran Risiko Kesihatan Pekerjaan (HRA) 6-7 Mei 2024 di Lexis Port Dickson



Bengkel Uji Coba Panduan Pelaksanaan Integrasi Pentaksiran Risiko Kesihatan Pekerjaan (HRA) 24 - 26 Jun 2025 di Palm Seremban Hotel



Seminar Rintis Pelaksanaan Integrasi Pentaksiran Risiko Kesihatan Pekerjaan (HRA) Siri 1 22 Ogos 2024 di De Palma Hotel Shah Alam



Seminar Rintis Pelaksanaan Integrasi Pentaksiran Risiko Kesihatan Pekerjaan (HRA) Siri 2 29 Oktober 2024 di Dorsett Hartamas



Mesyuarat Pengharmonian Elemen Health Risk Assessment (HRA) Dan Tataamalan Industri Bagi Pengurusan Risiko Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (ICOP RM) 2 - 4 Julai 2025 di Klana Beach Resort, Port Dickson



Mesyuarat Pengharmonian Elemen Health Risk Assessment (HRA) Dan Tataamalan Industri Bagi Pengurusan Risiko Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (ICOP RM) 2 - 4 Julai 2025 di Klana Beach Resort, Port Dickson



Mesyuarat Pengharmonian Elemen Health Risk Assessment (HRA) Dan Tataamalan Industri Bagi Pengurusan Risiko Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (ICOP RM) 11 - 13 Ogos 2025 di Universiti Putra Malaysia

TERAS STRATEGIK 5

PENINGKATAN PEMATUHAN KKP DI SEKTOR PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS)



PENGHARGAAN JAWATANKUASA TERAS STRATEGIK 5

Alhamdulillah dipanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinnya semua program di bawah Teras Strategik 5 sepanjang tahun 2021 - 2025 dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

Pada kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pengerusi Bersama (KUSKOP), Ketua-ketua Program, AJK Program 1-4, Ahli Agensi Luaran, Urusetia Nasional dan Urusetia Teras Strategik 5 kerana bersama-sama berganding tenaga dan idea untuk melaksanakan program dan aktiviti di bawah TS5 ini. Syabas diucapkan kepada anda sekalian!



Laporan yang telah disediakan ini, merangkumi pelaporan keseluruhan aktiviti yang telah berjaya dilaksanakan dengan hasil outcome yang memberansangkan. Diharap dengan laporan Teras Strategik 5 ini, ia boleh menjadi satu platform rujukan dan panduan bagi pelaksanaan program lain pada masa akan datang.

Pelaksana dan AJK Kecil/Dalaman





AJK DALAMAN TERAS STRATEGIK 5



PENGERUSI

Bahrudin bin Mamat
Hj Supian bin Alias

TIMB. PENERUSI

Rosnizawati binti Baharom

PENGERUSI BERSAMA

Shahrnizam bin Shahwan
(KUSKOP)

URUSETIA

Nur Faizah binti Ali

KETUA PROGRAM 1

En. Syahrul Nizam bin Shahrudin

AHLI JAWATANKUASA PROGRAM 1

Shahnisanizam bin Yaacof
Muhammad Faizal bin Zainal Abidin
Mohamad Khir bin Mohd Som

KETUA PROGRAM 2

Rosnizawati binti Baharom

AHLI JAWATANKUASA PROGRAM 2

Sohela binti Abdul Aziz
Siti Rahimah binti Ramli
Yusreena binti Yusuf
Mohd Azlan Fahmi bin Mohd Azmi
Syed Mohamad Firdaus bin Syed Zainuddin
Ismahisyam bin Ismayuddin

KETUA PROGRAM 3

Salwa binti Mohd Sayutti
Ir. Azman bin Ahmad (Mantan Ketua)

AHLI JAWATANKUASA PROGRAM 3

Noor Azwani binti Mohd Nawawi
Mohd Arif bin Mohd Nor
Muhammad Tasyrif bin Ahmad Anuar
Noor Aini binti Jumiran
Zainab binti Abu Rairah

KETUA PROGRAM 4

Nurul Aizat Akmal binti Abd Aziz
Ts. Dr. Mohammad Lui bin Juhari
(Mantan Ketua)

AHLI JAWATANKUASA PROGRAM 4

Nor Faezah binti Jalal
Ahmad Farih Mustamir bin Neguib
Siti Rahmah binti Tukiran
Kairul Amilin bin Hj Ibrahim

Ahli Jawatankuasa Luar

Zanuddin Kisman

MSOSH

Alan Tan Fui Soon

SME Association

Prof Ts. Dr. Kadir bin Ariffin

UKM

Mohamad Azri b. Abdul Aziz

HRDF

Ismail bin Harun

PERKESO

Norazman Abdul Ghani

PERKESO

PROGRAM	PENCAPAIAN KUMULATIF PROGRAM (2021-2025)					PENCAPAIAN TAHUN SEMASA (2025)	PENCAPAIAN KUMULATIF (2021-2025)
	2021	2022	2023	2024	2025		
P1	14%	22%	19%	19%	15%	100%	89%
P2	15%	21%	21%	21%	21%	100%	98%
P3	3%	32%	32%	17%	17%	100%	100%
P4	15%	25%	18%	18%	20%	100%	95%
KESELURUHAN	12%	25%	22%	19%	18%	100%	95%

Pendahuluan

Teras Strategik 5 merupakan satu teras yang dirangka untuk membantu meningkatkan tahap KKP di sektor PKS. Ia merangkumi semua aspek bermula dengan penyediaan dana, sistem pengurusan KKP, sokongan kerjasama agensi, peningkatan pengetahuan, kemahiran dan komitmen KKP. Sepanjang tempoh 2021 - 2025, sebanyak 24 program telah berjaya dilaksanakan selaras dengan KPI dan peruntukan kewangan RMK-12 tahun semasa yang diagihkan.

Kolaborasi telah dibuat bersama agensi-agensi di bawah KUSKOP seperti **TEKUN**, **SME BANK**, **INSKEN**, dan **SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**. Selain itu, pendekatan juga dibuat bersama agensi berkaitan PKS yang lain antaranya: **SME CORP**, **SME ASSOCIATION**, **PERNAS**, **PUNB**, **PERKESO**, **MARA**, **SUK SELANGOR**, dan **KDEB Waste Management Sdn Bhd**. Bagi memfokuskan pencapaian dari sudut kemahiran pula, kolaborasi bersama **MSOSH**, **NIOSH**, **MISHA** dan **XP-TECHNIC** ada dijalankan sebagai usaha yang menyeluruh untuk memastikan KKP di sektor PKS dapat dipertingkatkan dari setiap aspek. Sekaligus memastikan aktiviti-aktiviti di bawah Teras Strategik 5 mencapai objektif pelaksanaannya.



Pelaksanaan

Pelaksanaan TS5 merangkumi penglibatan melalui sesi mesyuarat, perbincangan, dialog, seminar, dan bengkel yang penglibatannya adalah Agensi yang berkait secara langsung atau tidak langsung dengan PKS. Antara hasil produk yang boleh dibanggakan oleh Teras Strategik 5 ialah :

1. Modul Program SOLVE 4 SME,
2. E-pembelajaran panduan asas pengurusan KKP di tempat kerja (Laman web: PANDUAN ASAS PENGURUSAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DI TEMPAT KERJA)
3. Pembangunan Generik RA (Logam, Kayu, Plastik dan Bahan Kimia)
4. Pembangunan Modul WISE.

Bagi modul **SOLVE 4 SME**, pelaksanaannya telah disebarluas melalui Sasaran Kerja Tahunan (SKT) JKPP Negeri. Dengan pendekatan ini, sasaran berjaya dicapai secara maksimum. Sebaran model **SOLVE 4 SME** juga telah ditingkatkan dengan pelaksanaan ke atas aktiviti-aktiviti lain seperti Program Bersama Pengamal (P3A1) dan Program Mento Mentee dan CSR (P1A3).

Pembangunan **Modul E-Pembelajaran KKP** juga disediakan untuk agensi-agensi penyedia bantuan kewangan seperti **MARA, PUNB, SME Bank, TEKUN** dan **INSKEN**

kepada penerima manfaat PKS. Ia adalah sebagai pendedahan awal KKP kepada penerima manfaat tersebut yang terdiri dari sektor PMKS dan PKS.

Bagi pembangunan **Generik RA** (Logam, Kayu, Plastik dan Bahan Kimia), ia boleh digunakan sebagai sumber rujukan pentaksiran risiko kepada industri PKS yang terlibat. Ia dilihat sebagai pemudah cara untuk industri PKS ini memahami risiko yang terdapat di permis mereka.

Manakala pembangunan **Modul WISE** adalah sebagai persediaan kepada Penyedia Latihan dan OSH-Coordinator untuk mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam KKP dari semasa ke semasa.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, TS5 adalah satu teras yang dibangunkan untuk meningkatkan tahap pematuhan KKP di sektor PKS dari pelbagai sudut pendedahan. Usaha dan kerahan idea dan tenaga ahli jawatankuasa yang terlibat telah menghasilkan satu pencapaian akhir sebanyak 95%. Ini adalah satu indicator yang cemerlang menunjukkan kesemua program berjaya mencapai objektif dengan pelaksanaan aktiviti-aktiviti secara menyeluruh.



TERAS STRATEGIK
5

PROGRAM 1

DANA KHAS UNTUK AKTIVITI KKP DI PKS

PROGRAM	AKTIVITI	PENCAPAIAN TAHUN SEMASA (2025)	PENCAPAIAN KUMULATIF PROGRAM (2021-2025)					PENCAPAIAN KUMULATIF (2021-2025)
			2021	2022	2023	2024	2025	
PROGRAM 1: DANA KHAS UNTUK AKTIVITI KKP DI PKS	A1 Menyediakan dana dan insentif khusus kerajaan dan swasta bagi sektor PKS.	100%	7%	46.7%	18%	20%	6.7%	98%
	A2 Mempromosikan pemberian pelepasan cukai oleh kerajaan kepada PKS bagi pembelian peralatan asas dan PPE.	80%	25%	5%	13%	13%	13%	68%
	A3 Menggalakkan penyediaan insentif oleh pihak swasta untuk memperkasakan KKP di PKS.	67%		25%	25%	25%	25%	100%
KESELURUHAN		82%	14%	22%	19%	19%	15%	89%

Pendahuluan

Program 1 di bawah Teras Strategik 5 merangkumi tiga aktiviti utama, iaitu menyediakan dana dan insentif daripada pihak kerajaan dan swasta, mempromosikan pemberian pelepasan cukai bagi pembelian PPE serta menggalakkan penyediaan insentif oleh pihak swasta dalam usaha memperkasakan aspek KKP bagi sektor PKS.

Pelaksanaan

Bagi tempoh 5 tahun ini, sejumlah tujuh (7) kertas kerja telah dibangunkan, dikemukakan dan diluluskan oleh pihak **EPU** dan **PERKESO** bagi membolehkan Jabatan meneruskan pelaksanaan program KKP Bersama pengusaha PKS.

Satu (1) modul e-pembelajaran panduan asas pengurusan KKP telah dibangunkan pada 2024 bertujuan untuk dikongsikan oleh agensi-agensi penyedia bantuan kewangan termasuk **MARA, PUNB, SME Bank, TEKUN** dan **INSKEN** kepada PKS penerima manfaat tersebut.

Selain itu, inisiatif pengukuhan aspek KKP telah diterjemahkan melalui pengemukakan kertas kerja kepada SME CORP pada tahun 2022 bagi mengintegrasikan elemen KKP dalam penilaian SCORE untuk penarafan PKS yang memohon pembiayaan kewangan.

Bagi mendorong penglibatan aktif pihak swasta dalam memperkasakan KKP di PKS, tiga (3) sesi libat urus bersama 100 syarikat GLC dan swasta terpilih telah dijalankan, berfokus kepada perkongsian pelaksanaan Program Mentor Mentee SOLVE 4 SME. Hasil dari program ini, sebanyak **lapan (8)** syarikat sebagai mentor, berjaya membimbing serta memperkasakan **sepuluh (10)** syarikat mentee di bawah seliaan mereka.

Program Mentor Mentee ini secara tidak langsung menjadi wadah tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat besar kepada vendor PKS mereka, melalui pemberian latihan dan bimbingan yang memperkukuh daya saing serta keupayaan perniagaan.

Selain itu, sokongan padu daripada **enam belas (16)** pusat pengajar telah memberi impak besar melalui pemberian insentif kepada PKS, termasuk potongan yuran kursus Penyelaras KKP dan penyediaan kursus kesedaran KKP secara percuma.



Program Mentor Mentee bersama syarikat GLC di sekitar Lembah Klang



Program permohonan
dana dan insentif khusus
kerajaan dan swasta
kepada sektor PKS



TERAS STRATEGIK
5

PROGRAM 2

Program 2

MEMANTAPKAN SISTEM PENGURUSAN KKP PKS (OSHMS)

PROGRAM	AKTIVITI	PENCAPAIAN TAHUN SEMASA (2025)	PENCAPAIAN KUMULATIF PROGRAM (2021-2025)					PENCAPAIAN KUMULATIF (2021-2025)	
			2021	2022	2023	2024	2025		
PROGRAM 2: MEMANTAPKAN SISTEM PENGURUSAN KKP PKS (OSHMS)	A1	Memantapkan kaedah Pengurusan KKP melalui program SOLVE 4 SME (Stepwise OSH Level Verification Enhancement for SME)	100%	20%	20%	20%	20%	20%	100%
	A2	Meningkatkan pematuhan KKP di tempat kerja di sektor PKS.	100%	7%	23%	23%	23%	23%	100%
	A3	Menggalakan pembangunan amalan terbaik di kalangan PKS		10%	20%	20%	20%	20%	90%
	A4	Meningkatkan jangkauan KKP di kalangan PKS.	100%	20%	20%	20%	20%	20%	100%
KESELURUHAN			100%	15%	21%	21%	21%	21%	98%

Pendahuluan

Pelan Induk Keselamatan & Kesihatan Pekerja (OSHMP25) kini berada di fasa akhir pelaksanaannya. Sehingga tahun 2025, Teras Strategik 5 di bawah Program 2, yang bertujuan memantapkan sistem pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (KKP) dalam sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), telah mencapai pencapaian kumulatif sebanyak 98%. Di bawah program ini, empat aktiviti utama telah dilaksanakan bagi memastikan objektif tercapai, iaitu pemantapan program SOLVE 4 SME, peningkatan pematuhan KKP, pembangunan amalan terbaik (Best Practice), serta perluasan jangkauan KKP dalam kalangan PKS.

Pelaksanaan

Pelaksanaan keempat-empat aktiviti ini melibatkan kerjasama erat antara pelbagai agensi kerajaan, persatuan, majikan, industri PKS, serta pengamal Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) dengan tujuan utama mencapai objektif Teras Strategik 5, iaitu meningkatkan tahap pematuhan KKP dalam sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Impak daripada pelaksanaan aktiviti-aktiviti tersebut telah membuka ruang bagi kesinambungan kerjasama yang kukuh antara agensi, majikan, dan industri


pada masa hadapan. Keberkesanan aktiviti ini disokong melalui penggunaan modul-modul SOLVE 4 SME serta panduan yang telah dibangunkan, yang secara signifikan membantu dan memudahkan industri PKS dalam melaksanakan sistem KKP di tempat kerja mereka dengan lebih teratur dan efisien. Secara keseluruhan, pencapaian Program 2 adalah seperti berikut:

P1 : PEMANTAPAN SOLVE 4 SME

- Modul lengkap SOLVe 4 SME
- 10 tempat kerja pilot projek SOLVE 4 SME
- 1 Panduan pengurusan KKP ISO 45001 for SME



Module lengkap SOLVe 4 SME



P2 : MENINGKATKAN PEMATUHAN KKP

- 1558 PKS telah menyertai program SOLVE 4 SME dari tahun 2022 hingga 2025 daripada sasaran asal 1000 penyertaan.
- 81 PKS mendapat Aras 5 atau mengamalkan SPKKP di tempat kerja.
- 1081 PKS yang menyertai SOLVE 4 SME perolehi gred C ke atas.

P3 : AMALAN TERBAIK

- 150 Program amalan terbaik
- Membuat 150 sebaran
- 6 Kategori amalan terbaik (5S, Jentera, Perundangan, Inovasi, Higien Industri & Dokumentasi KKP)



P4 : JANGKAUAN KKP

113 Program Jangkauan

1. Seminar / Webinar
2. Bengkel
3. Libat urus
4. Jerayawara
5. Dialog



Kesimpulan

Secara kesimpulannya, pelaksanaan Program 2 di bawah Teras Strategik 5 OSHMP25 menunjukkan pencapaian yang amat memberangsangkan, dengan kejayaan mencapai 98% pelaksanaan secara kumulatif sehingga tahun 2025. Kejayaan ini didorong oleh pelaksanaan empat aktiviti utama yang bukan sahaja memperkukuh sistem pengurusan KKP dalam sektor PKS, malah turut memperluas jangkauan serta meningkatkan tahap kesedaran dan pematuhan industri terhadap keperluan KKP. Melalui kerjasama strategik antara

agensi kerajaan, pihak industri, persatuan dan pengamal KKP, serta penggunaan modul SOLVE 4 SME dan panduan yang telah dibangunkan, program ini telah meletakkan asas yang kukuh ke arah budaya kerja selamat dan sihat dalam kalangan PKS. Pencapaian ini juga membuktikan bahawa pendekatan bersepadu dan sokongan berterusan daripada semua pihak berkepentingan amat penting dalam memastikan kelestarian pengurusan KKP secara menyeluruh pada masa hadapan.

PEMANTAPAN SOKONGAN DAN KERJASAMA ANTARA AGENSI SERTA INISIATIF PROGRAM KHAS

PROGRAM	AKTIVITI	PENCAPAIAN TAHUN SEMASA (2025)	PENCAPAIAN KUMULATIF PROGRAM (2021-2025)					PENCAPAIAN KUMULATIF (2021-2025)	
			2021	2022	2023	2024	2025		
PROGRAM 3: PEMANTAPAN SOKONGAN DAN KERJASAMA ANTARA AGENSI SERTA INISIATIF PROGRAM KHAS	A1	Menggalakkan program sokongan KKP di kalangan industri PKS melalui bimbingan dan sokongan di kalangan pengamal KKP.	100%	10%	20%	20%	25%	13%	100%
	A2	Mengadakan kerjasama di antara pihak yang berkaitan bagi menguatkuasa peraturan KKP di kalangan PKS.	100%	0%	25%	25%	25%	25%	100%
	A3	Membangunkan program khas di peringkat sektoral bagi pengurusan hazard yang dominan.			50%	50%			100%
KESELURUHAN		100%	3%	32%	32%	17%	17%	100%	

Pendahuluan

Program 3 TS5 OSHMP2025 - Pemantapan Sokongan dan Kerjasama Antara Agensi Serta Inisiatif Program bertanggungjawab untuk memperkukuhkan KKP di kalangan agensi berkaitan dengan memberi sokongan dan kerjasama yang mampan dan berstrategik.

TS5P3A1:

- Sokongan KKP dalam kalangan pengamal telah diuar-uarkan melalui program taklimat kepada pegawai keselamatan dan kesihatan pekerjaan (SHO).
- Seksyen industri kecil sederhana di setiap JKKP negeri perlu mengenalpasti pengamal KKP yang layak dan sukarela

untuk membimbing dan membantu meningkatkan pematuhan KKP mana-mana kilang IKS melalui program SOLVE4SME.

- Penglibatan dari pengamal KKP amatlah menggalakkan serta melayakkan pengamal KKP untuk memperolehi mata CEP yang ditetapkan.

TS5P3A2:

Pelaksanaan aktiviti 2 yang dijalankan adalah dengan mengadakan program KKP yang melibatkan Kumpulan Darul Ehsan Waste Management (KDEBWM) dan keseluruhan kontraktor sektor pembersihan dan landskap dibawah seliannya. Peserta dijelaskan berkenaan hal-hal KKP yang terdapat di dalam OSHMP 2025 merangkumi perkara-perkara berikut :

- Menjelaskan tanggungjawab kontraktor dalam Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (KKP)
- Menjelaskan tanggungjawab majikan dan pekerja di tempat kerja berkaitan KKP
- Menerangkan konsep Penaksiran Risiko yang boleh dipatuhi di tempat kerja.

Satu “Aku Janji KKP” turut dimeterai antara JKKP, KDEBWM dan subkontraktor yang berfokus kepada pemerkasaan KKP serta komitmen dalam meningkatkan kefahaman perundangan dan pentaksiran risiko di tempat kerja.

Aktiviti bersama industri terpilih untuk pembangunan generik pentaksiran risiko (RA)



TS5P3A3

- Output bagi program 3 aktiviti 3 adalah membangunkan generik pentaksiran risiko bagi 4 sektor utama iaitu logam, plastik, bahan kimia dan perikanan.
- Kesemua pentaksiran risiko tersebut telah selesai dibangunkan dan diharmonikan bersama-sama dengan pihak industri yang berkaitan dan juga jawatankuasa peraturan pentaksiran risiko.
- Generik pentaksiran risiko tersebut akan dimuatnaik ke dalam portal rasmi JKKP agar boleh dijadikan sebagai rujukan dan manfaat bagi semua pihak yang berkaitan bagi pematuhan mengadakan pentaksiran risiko bagi setiap aktiviti kerja bagi sektor yang berkaitan.





SUK Selangor, PBT Negeri Selangor dan KDEB Waste Management (KDEBWM)
pada tahun 2024 dan 2025

Kesimpulan

Program TS5P3 berjaya memperkukuh KKP melalui penglibatan pengamal KKP membimbing IKS dalam **SOLVE4SME**, kerjasama strategik **JKKP-KDEBWM-kontraktor** dengan termeterainya **Aku Janji KKP**, serta pembangunan **Generik Pentaksiran Risiko** bagi sektor logam, plastik, kimia dan kayu. Inisiatif ini meningkatkan kefahaman perundangan, memperkukuh tanggungjawab PBT, majikan dan pekerja, serta menyediakan panduan teknikal menyeluruh. Secara keseluruhan, program ini membina ekosistem kerja yang lebih selamat, sihat dan mampan di pelbagai sektor industri.

TERAS STRATEGIK
5

PROGRAM 4

PENINGKATAN PENGETAHUAN, KEMAHIRAN DAN KOMITMEN KKP

PROGRAM	AKTIVITI	PENCAPAIAN TAHUN SEMASA (2025)	PENCAPAIAN KUMULATIF PROGRAM (2021-2025)					PENCAPAIAN KUMULATIF (2021-2025)	
			2021	2022	2023	2024	2025		
PROGRAM 4 : PENINGKATAN PENGETAHUAN, KEMAHIRAN DAN KOMITMEN KKP	A1	Meningkatkan akses pusat-pusat latihan dan pusat pengajar bagi tujuan peningkatan pengetahuan, kemahiran dan komitmen KKP di kalangan PKS.	100%		20%	10%	10%	40%	80%
	A2	Meningkatkan bilangan OSH-C di kalangan PKS.	100%	20%	20%	20%	20%	20%	100%
	A3	Memantapkan kesedaran dan pelaksanaan KKP setara dengan aspek kualiti dan produktiviti.	0%	20%	40%	20%	20%	0%	100%
	A4	Mengadakan Coffee Talk kepada pengusaha PKS	100%	20%	20%	20%	20%	20%	100%
KESELURUHAN		100%	15%	20%	18%	18%	20%	95%	

Sebanyak 4 aktiviti utama telah dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2021 - 2025 di bawah Teras Strategi 5, Program 4 dalam meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan komitmen KKP khususnya di kalangan PKS. Berikut adalah senarai aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh Program 4.

Bagi Aktiviti 1, pada tahun 2022 kerjasama telah dijalankan bersama syarikat Amba Energy bagi pendaftaran OSH Coordinator. Pada tahun 2025, satu syarikat penyedia latihan iaitu XP Technic Sdn Bhd telah bersetuju menjalankan kerjasama bagi penghasilan Modul WISE.



Program pengharmonian Modul WISE bersama Penyedia Latihan

Aktiviti A2 iaitu meningkatkan bilangan OSH-C di kalangan PKS telah berjaya dicapai dengan sasaran asal 1500 orang OSH-C kepada jumlah terkini sehingga September 2025 seramai 42,416 orang. Sebagai maklumat tambahan, data ini [42,416 orang] adalah termasuk dengan data dari tahun 2017 sehingga tahun 2020 yang diambil dari carian dalam sistem MYKKP.



Melalui aktiviti A3 terdapat beberapa siri bengkel dalam aspek kualiti dan produktiviti bersama peserta dari sektor industri kecil dan sederhana (IKS) telah dijalankan sepanjang tempoh dari tahun 2022 sehingga tahun 2024 dengan penglibatan bersama tenaga pengajar yang dilantik oleh MAMPU iaitu En Syukri

Gadafi. Sebanyak 5 bengkel telah dijalankan pada tahun 2022, 1 bengkel pada tahun 2023 dan 1 bengkel pada tahun 2024. Konsep bengkel ini adalah berkaitan prinsip dan amalan KAIZEN yang akan memberi impak positif kepada isu kualiti, produktiviti, keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sektor IKS.

Merujuk kepada aktiviti A4 pengurusan JKKP menganjurkan Coffee Talk bersama pengusaha PKS. Terdapat pelbagai isu dibincangkan bersama sepanjang sesi berlangsung semenjak tahun 2021 sehingga tahun 2025. Antara isu utama yang dibangkitkan ialah berkaitan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Pindaan 2022) yang mula berkuatkuasa pada 1 Jun 2024. Selain itu, program Coffee Talk ini juga bertujuan secara tidak langsung akan menerangkan impak “financial benefits” kepada pengusaha PKS sekiranya menjalankan amalan KKP yang baik di tempat kerja.

Secara keseluruhan pencapaian kumulatif untuk semua aktiviti sepanjang tempoh 5 tahun yang telah dijalankan oleh Program 4 telah memperoleh sebanyak 95%.



Antara program aktiviti dan produktiviti yang telah dijalankan sepanjang tempoh 5 tahun pelaksanaan

TERAS STRATEGIK 6

PEMANTAPAN KKP MELALUI TEKNOLOGI



Penghargaan Jawatankuasa Teras Strategik 6

Assalamualaikum w.b.t. dan salam Malaysia Madani.

Saya selaku Pengerusi Jawatankuasa Teras Strategik 6 (TS6) di bawah Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2021-2025 (OSHMP25), dengan penuh rasa syukur dan bangga, ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan syabas kepada semua yang telah menjayakan inisiatif TS6. Kita telah berjaya melaksanakan semua aktiviti yang dirancang dan mencapai semua Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan. Ini adalah kejayaan kita bersama.

Kepada ahli-ahli jawatankuasa Teras Strategik 6 yang berdedikasi—terima kasih atas komitmen, idea inovatif, dan kerja keras yang tidak mengenal penat lelah. Anda adalah nadi kepada kejayaan ini.

Penghargaan yang sama besar juga saya tujukan kepada peserta-peserta dari industri yang banyak memberi komitmen kerjasama dan penyertaan aktif dalam setiap program dan aktiviti telah membuktikan bahawa kolaborasi



awam-swasta adalah kunci untuk memacu peningkatan prestasi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) negara.

Keputusan Aplikasi Teknologi dalam Pengurusan KKP

Dalam dunia yang serba pantas dan mencabar ini, kita tidak boleh lari daripada aplikasi teknologi dalam pengurusan KKP di tempat kerja. Aplikasi teknologi membolehkan kita beralih daripada kaedah pengurusan KKP yang reaktif kepada yang proaktif dan prediktif. Sebagai contoh, penggunaan peranti Internet Pelbagai Benda (IoT) dan penderia pintar boleh memantau persekitaran kerja secara masa nyata, mengesan bahaya sebelum kemalangan berlaku. Analisis Data Raya (Big Data Analytics) dan Kecerdasan Buatan (AI) pula membolehkan



kita mengenal pasti corak risiko dan merangka intervensi yang lebih berkesan.

Melalui teknologi, kita dapat memastikan pengurusan risiko adalah lebih tepat, efisien, dan telus. Ini secara langsung menyumbang kepada pengurangan kadar kemalangan dan penyakit pekerjaan, seterusnya meningkatkan produktiviti dan kesejahteraan pekerja.



Keputusan Aplikasi Teknologi dalam Pengurusan KKP

Melalui teknologi, kita dapat memastikan pengurusan Kejayaan kita dalam TS6 ini selari dengan visi dan polisi negara ke arah pelaksanaan dan pemantapan aplikasi teknologi dalam perkhidmatan, termasuk dalam pengurusan KKP.

Kerajaan Malaysia amat serius dalam merealisasikan pendigitalan perkhidmatan awam dan industri melalui inisiatif seperti Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL) dan pelbagai inisiatif di bawah Rancangan Malaysia. Polisi ini mendorong penggunaan teknologi digital secara menyeluruh bagi meningkatkan kecekapan, ketelusan, dan penyampaian perkhidmatan.

Khusus dalam konteks KKP, penekanan kepada Industri 4.0 dan pendigitalan tempat kerja turut menuntut kita mengguna pakai teknologi terkini. Peraturan dan garis panduan KKP sedang dikaji dan dimantapkan bagi memastikan aspek keselamatan siber, perlindungan data, dan kesihatan mental pekerja yang terkesan oleh automasi turut diberi perhatian. Matlamatnya adalah untuk mewujudkan ekosistem KKP yang pintar.

Harapan Masa Hadapan

Akhir kata, kejayaan kita dalam mencapai KPI dan melaksanakan aktiviti TS6 hanyalah satu permulaan.

Harapan saya adalah agar semua inisiatif, proses, dan pencapaian yang kita hasilkan ini tidak terhenti di sini. Saya berharap agar segala aktiviti yang telah dilaksanakan, khususnya yang melibatkan aplikasi teknologi, serta KPI yang dicapai, dapat menjadi budaya yang mampan kepada setiap majikan dan pekerja di seluruh negara.

Saya berharap agar:

1. Majikan terus melabur dalam teknologi KKP dan menjadikan keselamatan sebagai nilai teras perniagaan.

2. Pekerja pula menerima dan menggunakan teknologi ini sebagai alat untuk menjaga keselamatan diri dan rakan sekerja.

Dengan menjadikan KKP sebagai budaya, kita akan memastikan prestasi KKP Negara sentiasa berada di peringkat tinggi dan boleh bersaing dengan Negara maju lain di peringkat global.

Terima kasih sekali lagi atas sumbangan semua. Marilah kita teruskan momentum ini demi Malaysia yang lebih selamat dan sihat untuk semua pekerja.

Ts. Osman bin Hj. Isa
**Pengerusi Teras Strategik 6,
OSHMP25**

Ahli Jawatankuasa Dalaman

PENGERUSI

(bermula Sept. 2024)
Ts. Osman bin Hj. Isa

MANTAN PENGERUSI

(sehingga Ogos 2024)
Ts. Nazruddin bin Mat Ali

PENGERUSI BERSAMA

Abdul Aziz bin Mohamad Sharkawi

TIMB. PENGERUSI

(bermula Sept. 2024)
Ir. Ts. Dr. Hj. Mohd Fairuz bin Ab Rahman

MANTAN TIMB. PENGERUSI

(sehingga Ogos 2024)
Ramli bin Hassan

KETUA PROGRAM 1

Ir. Hj Abdul Aziz bin Salim

AHLI JAWATANKUASA PROGRAM 1

Dr. Ts. Hamidi bin Saidin
Norliza binti Abu Othman
Hazeha binti Abdullah
Ir. Ts. Mohamed Haffis bin Mohossain Molla
Mohd Shazwan bin Jismi
Thavaselvan A/L Supermaniam
Wan Rusmaezame bin Wan Mahmood
Ir. Dr. Mohamad Syamir bin Senin (Wakil industri)
Datin Fauzirah binti Zafran (Wakil industri)
Suhaimi bin Ahmad (Wakil industri)

KETUA PROGRAM 2

Hj. Nor Zamzuri bin Md Nor

AHLI JAWATANKUASA PROGRAM 2

Rukairulaizamm bin Ab Rahman
Ts. Mohd Al Fadil bin Mohd Salleh
Ahmad Syahrin bin Yusof

Ts. Wan Hilemi bin Wan Hussein

Mohd Afdhalludin bin Mat Yusof

Nor Azzura binti Saari

Huszaini bin Haron

Ir. Ts. Louis Tay C.S. (Wakil industri)

Dr. Mohd Sani bin Hashim (Wakil industri)

KETUA PROGRAM 3

Dr. Mokhtar Zamimi bin Ranjan

AHLI JAWATANKUASA PROGRAM 3

Ir. Ts. Dr. Wesley Anak Lock Sulen

Ir. Ts. Mohd Nazri bin Mat Jarid

Mohd Arif bin Mohd Nor

Pn Ruzila binti Jusoh

Ir. Ts. Wan Mohd Fadzil bin Wan Sapiansori

Ts. Ahmad Yuzri bin Mohamed Zainul Abeeidin


Hj. Mahassan bin Yusuf

Hjh. Kartina Wati binti Arbi (Wakil industri)

Hj. Azhari bin Klewan (Wakil industri)



AHLI JAWATANKUASA TERAS STRATEGIK 6




PROGRAM	PENCAPAIAN KUMULATIF PROGRAM (2021-2025)					PENCAPAIAN TAHUN SEMASA (2025)	PENCAPAIAN KUMULATIF (2021-2025)
	2021	2022	2023	2024	2025		
P1	24%	26%	33%	10%	8%	100%	100%
P2	13%	48%	8%	8%	22%	100%	100%
P3	3%	23%	25%	26%	23%	100%	100%
KESELURUHAN	13%	32%	22%	15%	17%	100%	100%

Pendahuluan

Pertumbuhan pesat dalam kecerdasan buatan (AI) dan pendigitalan telah membuka lembaran baharu dalam usaha meningkatkan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP). Teknologi canggih ini bukan sahaja mempermudah automasi dan analisis data, tetapi juga memberikan penyelesaian proaktif terhadap cabaran di tempat kerja. Dengan keupayaan untuk mengenal pasti risiko, meramalkan bahaya, dan mengoptimalkan proses keselamatan, AI dan pendigitalan telah terbukti menjadi lonjakan yang signifikan dalam arah yang tepat untuk memastikan persekitaran kerja yang lebih selamat dan sihat. Inovasi ini selaras dengan matlamat global untuk menjadikan tempat kerja lebih cekap, inklusif, dan mampan. Dengan memanfaatkan potensi AI, organisasi kini mampu mewujudkan budaya keselamatan yang lebih kukuh, mengurangkan kemalangan pekerjaan, dan meningkatkan kesejahteraan pekerja. Perkembangan ini menandakan transformasi penting dalam landskap KKP, mencerminkan kemajuan yang tidak hanya relevan tetapi juga mendesak dalam dunia kerja moden.

Jadual ini menunjukkan pencapaian

program di bawah Teras Strategik 6, yang berfokus kepada pemantapan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) melalui penggunaan teknologi dalam tempoh 2021 hingga 2025. Ia merangkumi tiga program utama iaitu P1, P2, dan P3. Pencapaian kumulatif menunjukkan kejayaan yang signifikan. Keseluruhan pencapaian kumulatif bagi ketiga-tiga program sepanjang tempoh 2021-2025 adalah sebanyak 100%. Pada tahun semasa 2025, semua program mencapai 100%, menandakan usaha yang intensif dalam mencapai sasaran tahunan. Keseluruhan strategi ini menunjukkan pencapaian signifikan dalam memanfaatkan teknologi untuk memperkukuhkan aspek KKP, memberikan impak positif kepada usaha mencapai sasaran penuh. Hal ini mencerminkan keberkesanan pendekatan strategik dalam meningkatkan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.



Pelaksanaan

Sepanjang pelaksanaan Pelan Induk KKP Negara, TS6 telah menganjurkan beberapa aktiviti dalam menjayakan perancangan dan mencapai sasaran yang ditetapkan. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan ialah:

- a. Penambahbaikan sistem dan dataraya Jabatan;
- b. Penganjuran Mega Ekspo Teknologi dan Inovasi;
- c. Penganjuran beberapa seminar;
- d. Penerbitan rujukan garis panduan; dan
- e. Penghasilan bahan hebahan.

Pelaksanaan aktiviti-aktiviti tersebut turut melibatkan komitmen penyertaan dan sumbangan industri sebagai menepati tema OSHMP25 iaitu KKP inklusif. Sebanyak 450 syarikat telah dikenalpasti telah menggunakan teknologi dalam pengurusan KKP di tempat kerja, dengan sejumlah hebahan telah dibuat kepada sekurang-kurangnya 100 syarikat dan 2,000 individu.

Kesimpulan

Dengan hadirnya era Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) telah membawa bersamanya satu paradigma baharu yang secara tidak langsung memberi kesan kepada kemerosotan prestasi dan pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP). Walau bagaimanapun, sekiranya dipandang dari sudut yang positif dan lebih komprehensif, penggunaan teknologi terkini jika digunakan dengan cara yang betul, dipercayai akan meningkatkan keberkesanan pengurusan KKP dari segenap aspek.

Penggunaan teknologi terkini bukan sahaja boleh dimanfaatkan dari aspek teknikal seperti penggunaan mesin yang lebih canggih dan selamat, tetapi boleh juga dari pelbagai aspek yang lain; pengurusan data dan maklumat, pemantauan pekerja dan tempat kerja terutamanya di tempat kerja yang berisiko tinggi, penaksiran risiko, pelaporan,

perkongsian prosedur operasi piawai, serta latihan-latihan boleh dijalankan dengan lebih efektif, cekap, pantas dan mudah.

Penggunaan teknologi yang menyeluruh dalam pengurusan KKP dilihat mampu mengurangkan kesilapan manusia dan keadaan kerja yang tidak selamat, membolehkan pencegahan kemalangan dilakukan dari peringkat awal. Sekaligus mengurangkan kadar kemalangan, kecederaan dan kematian. Saranan dan usaha mengenai pendedahan, kesedaran dan pemerksaan pengurusan KKP melalui teknologi dan haruslah dilaksanakan secara berterusan dari masa ke masa. Keterlibatan, kebersamaan dan komitmen yang tinggi dituntut terutamanya dari pihak majikan (pemain industri) dalam merealisasikan dan memantapkan pengurusan KKP melalui penggunaan teknologi.

TERAS STRATEGIK
6

PROGRAM 1

**PEMBANGUNAN TEMPAT KERJA PINTAR
BERPAKSIKAN IR 4.0**

Pendahuluan

Program 1 Teras Strategik 6 memberi tumpuan kepada pendedahan teknologi dalam pemantauan dan penguatkuasaan terkini kepada syarikat-syarikat untuk membangunkan tempat kerja pintar berpaksikan IR4.0. Jawatankuasa kemudiannya membuat sesi libat urus bagi mengenal pasti syarikat yang telah mengguna pakai atau membekalkan teknologi tersebut untuk bekerjasama melalui pameran atau ekspo anjuran JKKP.


Keberhasilan Program 1

i. Memperkenalkan Teknologi KKP di Tempat Kerja Pintar:

Sebagai langkah permulaan, JKKP memberi pendedahan mengenai teknologi terkini dalam keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) yang merentasi sembilan (9) tonggak IR 4.0 merangkumi industri Internet of Things (IoT), Integrasi Sistem, Robot, simulasi dan realiti maya, keselamatan siber (Cybersecurity), pengkomputeran awan (cloud computing), integrasi sistem menegak dan melintang (3D), Data Besar (Big Data) dan Augmented Reality.

Walaupun penggunaan teknologi terkini mungkin memakan kos yang tinggi pada peringkat permulaan, kos jangka masa panjang yang lain seperti kos kecederaan, kejatuhan moral dan keyakinan pekerja, dan kehilangan produktiviti dijangka akan berkurang dan membantu menyeimbangkan modal yang perlu dikeluarkan bagi penggunaan teknologi dalam KKP.

Komitmen yang tinggi dituntut terutamanya dari pihak majikan dalam menjayakan strategi ini. Kerajaan juga boleh menyumbang dengan memberi insentif dan mempromosi bagi menggalakkan syarikat menggunakan teknologi terkini dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Dalam erti kata lain, kehidupan manusia akan dipermudahkan dengan bantuan robot yang akan menjadi “kawan” bagi menguruskan sistem pemantauan dan penguatkuasaan KKP.



JKKP sebagai peneraju, berkongsi contoh-contoh teknologi terkini yang boleh digunakan untuk pemantauan dan penguatkuasaan KKP. Sebuah buku kecil (booklet) akan diterbitkan, menyenaraikan syarikat-syarikat yang telah mengadaptasi atau membekalkan teknologi ini.

Senarai syarikat-syarikat terpilih mengaplikasi teknologi dalam pengurusan KKP boleh diakses melalui QR di ini:




ii. Anugerah Teknologi dan Inovasi Tempat Kerja.

Anugerah ini diperkenalkan untuk menggalakkan majikan-majikan menggunakan teknologi bagi mewujudkan dan membangunkan tempat kerja pintar bagi menambahbaik KKP di tempat kerja.

Satu senarai semak anugerah kategori teknologi dan inovasi telah dibangunkan bagi tujuan mengenalpasti elemen-elemen yang bersesuaian dan penyeragaman audit di tempat kerja. Senarai semak ini telah digunakan semasa membuat penilaian pengauditan Anugerah KKP Negara bagi kategori teknologi dan inovasi.

Berikut adalah senarai pemenang Anugerah Cemerlang KKP (OSH Award) Kategori Teknologi dan Inovasi mengikut tahun:



iii. Ekspo

Satu (1) ekspo 'OSH Innovation & Technology in IR4.0' pendedahan teknologi KKP yang terkini diadakan dengan jayanya pada 28 hingga 30 Ogos di **KL Convention Center**. (Kerjasama *Master Builders Association Malaysia*)

- i. Bilangan pempamer : 320
- ii. Bilangan reruai : 320
- iii. Jumlah pelawat : 6,896
- iv. Penyertaan dari luar negara seperti Negara-Negara ASEAN (Thailand, Singapore, Brunei, Indonesia, Philippines), South Korea, China, Germany, USA, Australia, Uzbekistan & Iran.

Disebabkan sambutan yang menggalakkan, ekspo ini dijangkakan akan diteruskan pada tahun-tahun akan datang.

Di samping diadakan pameran di ekspo ini turut menampilkan sesi CEO Talk oleh tiga (3) pembentang iaitu:

- i. Mark Hardiman, Chief Executive Officer, Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn Bhd;
- ii. En. Idzqandar bin Abu Bakar, Ketua Kumpulan Kesihatan, Keselamatan, Sekuriti, Alam Sekitar & Pembangunan Lestari, Prasarana Malaysia Berhad; dan
- lii. Prakash Kumar Karunakaran, Head of NervCentre at Petronas.

Pelaksanaan



Bengkel Pembangunan Modul Pemantapan Teknologi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja 2022

Program TS6P1 Bersama Pemacu Industri Dalam Bidang Inovasi & Teknologi KKP di Tempat Kerja 2023







Program ekspo turut sama dikunjungi YB Menteri Kerja Raya.



Sesi Bicara Mula - CEO Talk oleh En. Idzqandar bin Abu Bakar, Ketua Kumpulan Kesihatan, Keselamatan, Sekuriti, Alam Sekitar dan Pembangunan Lestari, Prasarana Malaysia Berhad.




RGTP-DX & Drone Inspection Program, Petronas Gas Berhad Pengerang 2024



Keysight Technologies 2023 - Intransit Solution, AMR Robot, RFID Gantry & Smart Warehouse



INTEL Kulim - Improving Workplace Ergonomics through IR4.0 - 2023



Sembilan (9) teras utama Revolusi Industri 4.0

Penglibatan agensi dan pihak berkepentingan

Penyertaan pelbagai pihak berkepentingan ini memperkukuhkan pelaksanaan program melalui perkongsian kepakaran, sumber dan data yang relevan. Kerjasama ini turut memastikan setiap inisiatif yang dilaksanakan selaras dengan aspirasi Smart Workplace dan matlamat OSHMP25 untuk memperkasa teknologi dan transformasi digital dalam pengurusan KKP di Malaysia

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pelaksanaan Program 1 di bawah Teras Strategik 6 OSHMP25 telah mencapai matlamatnya dalam memperkukuh budaya keselamatan dan kesihatan pekerjaan melalui pendekatan kolaboratif serta penggunaan teknologi baharu. Program ini bukan sahaja meningkatkan kesedaran dan kompetensi warga kerja, malah turut menyumbang kepada pembangunan sistem kerja yang lebih selamat, sihat dan produktif. Diharapkan usaha berterusan ini akan mempercepatkan pencapaian visi OSHMP25 ke arah tempat kerja yang sifar kemalangan, selamat, sihat, mampan dan berdaya tahan menjelang 2030..

TERAS STRATEGIK
6

PROGRAM 2

**PEMBANGUNAN EKOSISTEM TEKNOLOGI
DALAM KKP**

PROGRAM	AKTIVITI		PENCAPAIAN TAHUN SEMASA (2025)	PENCAPAIAN KUMULATIF PROGRAM (2021-2025)					PENCAPAIAN KUMULATIF (2021-2025)
				2021	2022	2023	2024	2025	
PROGRAM 2: PEMBANGUNAN EKOSISTEM TEKNOLOGI DALAM KKP	A1	Menyarankan syarikat-syarikat memperkembangan ilmu, kemahiran dan kepakaran berkaitan KKP melalui kordinasi strategik di antara universiti, industri dan komuniti.	100%	7%	17%	17%	17%	43%	100%
	A2	Menyarankan pihak industri membangunkan aplikasi teknologi baru untuk membantu majikan menguruskan KKP.		20%	80%	0%	0%	0%	100%
KESELURUHAN			100%	13%	48%	8%	8%	22%	79%

Pendahuluan

Ekosistem teknologi merujuk kepada penerapan KKP secara menyeluruh dengan menggunakan teknologi bermula dari peringkat pembekalan sehinggalah ke pengguna akhir. Kebanyakan syarikat hanya menumpukan penambahbaikan produktiviti dan kecekapan kos di bahagian pembuatan sahaja sedangkan nilai KKP perlu dilaksanakan di awal peringkat rekabentuk produk yang melibatkan pihak ketiga seperti perekabentuk, pembekal sehingga penjual sebelum sampai kepada pembeli produk. Ini mampu memberi nilai tambah dan reputasi baik kepada syarikat tersebut. Dengan ini, elemen ekosistem teknologi boleh diaplikasikan melalui penggunaan pendigitalan maklumat dan internet segalanya (IoT). Ia mampu menjadikan bidang

keselamatan dan kesihatan lebih berdaya maju melalui perkongsian maklumat dan sistem capaian maklumat, dokumen, penilaian risiko dan prosedur yang lebih berkesan seiring dengan kemajuan teknologi dunia. Koordinasi yang strategik akan membantu memudahkan perkongsian ilmu dan kepakaran antara syarikat besar dan syarikat kecil, perkongsian alat dari organisasi yang mempunyai pelbagai alat teknologi terkini, mendapatkan kepakaran dari universiti dan sebagainya..





Pelaksanaan Program



Tahun 2025



Seminar KKP Pelabuhan Pintar di UTM Skudai, Johor pada 14 Oktober 2025 yang dirasmikan oleh Tuan Bahrudin Bin Mamat, Timbalan Ketua Pengarah (Keselamatan Pekerja) Malaysia



Tahun 2024



Seminar Pembangunan Ekosistem Teknologi Dalam KKP Di Tawau, Sabah pada 17 Julai 2025 yang dirasmikan oleh Tuan Haji Zulkifly Bin Sulaiman, Pengarah JKKP Sabah



Seminar Pembangunan Ekosistem Teknologi Dalam KKP Di Kuching, Sarawak pada 10 September 2024 yang dirasmikan oleh Tuan Jamadi Bin Yusup, Pengarah JKKP Sarawak





Seminar Pembangunan Ekosistem Teknologi Dalam KKP Di USIM, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan pada Mei 2024 seramai 129 orang



Tahun 2023



Seminar Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Peringkat Negeri Pahang, Pengukuhan KKP Melalui Teknologi Pada 16 November 2023 di Kuantan, Pahang



Seminar Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) Pembangunan Ekosistem Teknologi Dalam KKP (Zon Utara) Tahun 2023. Pada 26 Oktober 2023 di Seberang Perai, Permatang Pauh, Pulau Pinang.



Tahun 2021



Webinar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) “ Inovasi Terkini Tingkatkan KKP” anjuran JKPP Pulau Pinang dengan kerjasama UUM



Webinar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) “Pengukuhan KKP Melalui Teknologi” anjuran JKPP Pahang dengan kerjasama UIA Pahang

JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN PAHANG
SEMINAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
PENGUKUHAN KKP MELALUI TEKNOLOGI
SECARA BERSEMUKA DAN ATAS TALIAN (HIBRID)

28 SEPTEMBER 2022 RABU
VENUE : KOMPLEKS DAGANGAN MAHKOTA (BCIC) INDERA MAHKOTA, KUANTAN

PERCUMA

ANJARAN : JKPP PAHANG DAN JAWATANKUASA PROGRAM 2 STRATEGI 6 OSHMP 2025

ATURCARA PROGRAM

8.30 am - 9.00 am PENDAFTARAN	
9.00 am - 9.30 am PERASMIAN	PERASMIAN OLEH : Ydrs. ENCIK AHMAD FAUZI BIN AWANG PENGARAH JKPP PAHANG
9.30 am - 10.30 am SLOT CERAMAH 1	TAJUK : AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (PINDAAN) 2022 DR. MOHD YUNUS BIN YUSOF PENYARJANG PENGARAH JKPP PAHANG
10.30 am - 11.00 am REHAT	
11.00 am - 12.00 pm SLOT CERAMAH 2	TAJUK : PARADIGM SHIFT IN OSH THROUGH TECHNOLOGY: A FUTURE OUTLOOK DR. NORHIDAYATI BINTI ABDULL PENYARJANG KAHAN UMP
12.00 pm - 1.00 pm SLOT CERAMAH 3	TAJUK : NEUROIMAGING TECHNOLOGY AND HOW WE USE IT TO REVEAL THE MYSTERIES OF THE MIND AT WORK DR. MOHD KHAIROL IZAMIL BIN ZOLKEFELY PENYARJANG KAHAN UMP
1.00 pm - 2.00 pm REHAT	
2.00 pm - 3.00 pm SLOT CERAMAH 4	TAJUK : OSHMP25 - INKLUSIFKAN PERANAN MELALUI PERSPEKTIF PERSATUAN PENGAMAL KKP MAJOR TS. SHARIZAL BIN SAMSUDDIN TIMBALAN PRESIDEN PESMA
3.00 pm - 4.00 pm SLOT CERAMAH 5	TAJUK : A SEMI-QUANTITATIVE CHEMICAL EXPERT TOOL FOR OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH (USE AND STANDARD OF EXPOSURE OF CHEMICALS HAZARDOUS TO HEALTH) REGULATIONS 2000 DR. NANIYA BINTI ABDUL AZIZ PENYARJANG KAHAN UMP
4.00 pm - 5.00 pm SLOT CERAMAH 6	TAJUK : FUTURE TRENDS OF DIGITALIZATION IN FIRE SAFETY: OPPORTUNITIES AND CHALLENGES DR. MOHD SUHAIB BINTI SUHAIMI PENYARJANG KAHAN UMP
5.00 pm PROGRAM TAMAT	

PELAWATI UNTUK BINCANGSI:
EN. KHAIROL HANMI BIN HANMI | 011-12173703

Google Meet

IMBAS KOD QR UNTUK PENDAFTARAN HANYA 50 PENYERTAAN SECARA BERSEMUKA



Tahun 2021



Webinar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) "Teknologi Terkini Tingkatkan KKP" anjuran JKPP Pulau Pinang dengan kerjasama UUM

Webinar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP)
"Teknologi Terkini Tingkatkan KKP"

Sempena Sambutan Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH WEEK), Peringkat Negeri Pulau Pinang 2021 Bertemakan "KKP INKLUSIF - KEBERSAMAAN DAN KOMITMEN"

Dirasmikan oleh:
Puan Hanisah Binti Ahmad @ Md Said
Pengarah
JKPP Pulau Pinang

14 Oktober 2021 | Khamis 8.15 Pagi

Cisco webex
YouTube Live UUMtube

Anjuran:
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN PULAU PINANG

KESIMPULAN

TONGGAK KEPADA PEMANTAPAN KKP MELALUI TEKNOLOGI

1 APLIKASI TEKNOLOGI KKP

2 EKOSISTEM TEKNOLOGI KKP

3 PENDESAHAN RISIKO KKP DIGITAL

GOAL

Malaysia pengamalan teknologi di dalam KKP berbilang hala tuju kerana ia mampu meningkatkan keselamatan pekerja yang bererti pengurangan atau penghapusan risiko dan kemalangan, serta meningkatkan kecekapan dan kualiti.

54:44 / 4:16:10 "Teknologi Terkini Tingkatkan KKP"

Tahun 2025



Seminar Road & Construction Technology Corporation yang dianjurkan melalui kerjasama antara Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Embassy of The Republic of Korea pada 15 April 2025 di InterContinental Kuala Lumpur



Integrasi antara GIS, BIM dan AI dalam sektor infrastruktur dan pembinaan pada 22 April 2025 Anjuran Esri Malaysia dan BIMAGE Consulting (M) Sdn Bhd di Concorde Hotel Kuala Lumpur



Safety 360 EHS Conference 2025 di St. Giles Boulevard KL pada 3 Julai 2025 peserta 50 orang anjuran Safetyware Group Sdn Bhd dirasmikan oleh Hj Nor Zamzuri Bin Md Nor, Timbalan Pengarah JKKP WP KL/Putrajaya





Tahun 2024



Seminar on New Technology- Transforming The Malaysian Construction Industry Pada 18 January 2024 di MBAM Training Centre, Kuala Lumpur seramai 42 peserta



Conference on Digital Transformation Journey : Artificial Intelligence Transforming Construction through Innovation and Redefining the Job Landscape pada 6 March 2024 di Taylor's University



Tahun 2023



1ST Digital Construction Summit bertemakan Accelerating Construction Through Digital Technologies di Matrade Exhibition & Convention Centre Kuala Lumpur Pada 14 & 15 March 2023 anjuran CIDB Malaysia. Peserta lebih 500 orang



Technological Association Malaysia National Conference 2023 bertemakan Technology Without Border. Di Imperial Hotel Kuching Sarawak pada 15 April 2023. Peserta 130 orang anjuran Persatuan Teknologi Malaysia cawangan Sarawak





Tahun 2022



Webinar “ Boost Construction Efficiency with CAD to BIM” anjuran CIDB Malaysia bersama-sama Lenovo, Py Konsep Perunding Sdn Bhd and Universiti Malaysia Sabah pada 16 Jun 2022

FREE SEMINAR
Boost Construction Efficiency with CAD to BIM

16TH JUNE 2022
THURSDAY
8.30 AM - 1.00 PM

Ballroom 1, Level 1,
The Magellan Sutera Resort,
Kota Kinabalu, Sabah

AD has shown to be quite useful in any construction projects. But now is the moment for the industries embrace the more ambitious goal of BIM. BIM combines data from various disciplines to produce detailed digital representations that are controlled in an open cloud platform for real-time collaboration and communication. Therefore, this information can be managed in a very effective manner. We're here to share our knowledge of BIM and Autodesk solutions that help you work more efficiently, as well as how to integrate BIM in your organisation workflow.

E-Certificate and CCD Points Will Be Provided
Stand a chance for Lucky Draw

TENTATIVE

8.30 AM - 9.00 AM	: PARTICIPANTS REGISTRATION
9.00 AM - 9.15 AM	: INTRODUCTION
9.15 AM - 9.30 AM	: OPENING SPEECH FROM MANAGING DIRECTOR OF 3DTECH (MR. ABI SARWAN)
9.30 AM - 10.30 AM	: SESSION 1: 3DTECH (MR. ZUBAYR)
10.30 AM - 11.00 AM	: TEA-BREAK
11.00 AM - 11.30 AM	: SESSION 2: CIDB MYBIM CENTRE (MS. ARIFAH)
11.30 AM - 12.00 PM	: SESSION 3: PY KONSEP PERUNDING SDN BHD (IR. TAN KOK JYH)
12.00 PM - 12.20 PM	: SESSION 4: UMS (SR. TS. DR. ASMAWAN)
12.20 PM - 12.45 PM	: PANEL Q&A DISCUSSION
12.45 PM - 1.00 PM	: LUCKY DRAW
1.00 PM	: LUNCH

THE SPEAKERS

 ZUBAYR BIN ZUBAIDI BIM Application Engineer of 3D Tech	 ARIFAH BINTI AHMAD RASHIDI Associate Program Manager of CIDB myBIM Centre	 ABI SARWAN MAZKAN BIN IBRAHIM Managing Director of 3D Tech	 IR. TAN KOK JYH Executive Director of PY Konsep Perunding Sdn Bhd	 SR. TS. DR. ASMAWAN MOHD SARWAN Academician at Universiti Malaysia Sabah
--	---	--	---	--

FOR MORE INFO PLEASE CALL US AT
03-92821332 OR E-MAIL TO MIOR.RIDHUAN@3DTECH.COM.MY

Program seminar yang telah dilaksanakan oleh Jabatan dan agensi lain untuk berkongsi maklumat dan pendedahan kepada majikan tentang penggunaan teknologi yang boleh mempengaruhi serta meningkatkan KKP di tempat kerja. Program Seminar OSHMP25-Pengukuhan KKP melalui teknologi merupakan satu program dibawah Program 2, Teras Strategik 6, OSHMP 25. Program ini mensasarkan para majikan, pengamal KKP dan juga para penyelidik universiti dan agensi penyelidikan yang lain untuk mencetuskan idea inovasi berasaskan teknologi yang boleh membantu meningkatkan tahap pematuhan KKP di tempat kerja menerusi perkongsian pelaksanaan teknologi berkaitan oleh wakil industri dan penyelidik terpilih. Setiap program seminar yang telah diadakan dengan menggunakan peruntukan sebanyak RM10,000.00 . Jumlah peruntukan untuk adalah sebanyak RM20,000.00. Objektif Program seminar ini telah diadakan adalah seperti berikut:

- a) Mempromosikan penggunaan teknologi dalam keselamatan dan kesihatan pekerjaan sebagai agenda penting negara.

Teknologi boleh memberi kesan kepada peningkatan KKP di tempat kerja. Selaras dengan itu TS 6, Program 2 telah menjalankan aktiviti sepanjang tahun 2024 bersama dengan universiti, industri dan pengamal KKP. Bagi menjayakan aktiviti yang dirancang perlu dilaksanakan dengan pelbagai pihak termasuk jabatan dan agensi luaran seperti Universiti Sains Islam Malaysia, MBAM, CIDB, Persatuan Teknologi Malaysia, Universiti Malaysia Sarawak, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan lain-lain lagi

- b) Penggunaan teknologi boleh membantu sesebuah syarikat lebih berdaya maju dan meminimumkan risiko keselamatan dan kesihatan pekerja.
- c) Pemangkin perkembangan teknologi dalam KKP menjadikan aplikasi teknologi lebih menyeluruh dalam pengurusan KKP.

Seminar di USIM , Nilai

Seminar Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) – Pembangunan Ekosistem

Teknologi Dalam KKP Tahun 2024 yang diadakan pada 28 Ogos 2024 di Universiti

Sains Islam Malaysia, Nilai Negeri Sembilan yang telah dirasmikan oleh Nor Zamzuri Bin Md Nor (Timbalan Pengarah Operasi JKKP WPKL & Putrajaya merangkap Pengerusi Program 2, Strategi 6, OSHMP25) .

Sektor terbesar peserta industri yang terlibat adalah dari sektor Pembinaan, Pembuatan, Universiti, Sektor Awam, serta pengamal KKP. Bilangan penyertaan seramai 163 orang yang terdiri daripada 78 peserta dalam pelbagai industri, 50 peserta dari Universiti, 5 pegawai JKKP, 15 urusetia, 5 Pembentang kertas kerja dan 10 Orang Pempamer (5 Agensi).

Kesimpulan

Kesimpulannya, objektif Program 2 telah berjaya dicapai dan wajar diteruskan dalam OSHMP2030 melalui penambahbaikan sistem dataraya dan pengurusan KKP, serta meneruskan aktiviti hebahan dan galakan aplikasi teknologi dalam pengurusan KKP, bagi memastikan kesinambungan budaya kerja selamat dan sihat yang dipupuk di semua peringkat.

PENGURUSAN RISIKO KKP MELALUI TEKNOLOGI DIGITAL

PROGRAM	AKTIVITI	PENCAPAIAN TAHUN SEMASA (2025)	PENCAPAIAN KUMULATIF PROGRAM (2021-2025)					PENCAPAIAN KUMULATIF (5 TAHUN)
			2021	2022	2023	2024	2025	
PROGRAM 3: PENGURUSAN RISIKO KKP MELALUI TEKNOLOGI	A1 Mewujudkan / Menambah baik sistem pengurusan asas-asas kepeluan KKP Secara digital	100%	7%	20%	25%	28%	21%	100%
	A2 Meningkatkan kemahiran (upskilling) pengamal KKP menggunakan sistem digital (samada sistem sedia ada yang disediakan oleh JKPP atau bina sendiri) bagi perkongsian maklumat berkaitan KKP untuk pemantauan pihak berkuasa khususnya bagi sektor berisiko tinggi.	100%	0%	25%	25%	25%	25%	100%
KESELURUHAN		100%	3%	23%	25%	26%	23%	100%

Pendahuluan

Pada dasarnya, pelaksanaan program, aktiviti serta mekanisma di bawah Teras Strategik 6 Pemantapan KKP Melalui Teknologi distrukturkan bagi mencapai dua (2) keberhasilan tersebut:

- a. Keberhasilan 1: Peningkatan penerimaan dan libatsama pemain industri dalam penggunaan teknologi bagi pengurusan KKP termasuk pengurusan risiko dan pembangunan ekosistem teknologi
- b. Keberhasilan 2: Peningkatan keberkesanan sistem pelaksanaan KKP dengan bantuan teknologi terkini seiring dengan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0)

Pelaksanaan

Bagi aktiviti 1 (Menyarankan industri membangunkan sistem pengurusan risiko secara digital), bermula 2021 Jawatankuasa telah mengadakan sesi libat urus dengan lima syarikat (Rujuk jadual di bawah) yang telah dikenalpasti berpotensi untuk membangunkan aplikasi pentaksiran risiko keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP).

Bil.	Nama Syarikat	Nama Aplikasi	Status/Bil. Pengguna
1	IntESH Synergy Sdn Bhd	SHERMAN (Safety, Health, & Environment Risk Management) SYSTEM	Siap/7800
2	Syarikat Teknologi KBSE Sdn Bhd	SHAMS (Safety and Health Assessment Management System)	Siap/4000
3	OH Digital Solution Sdn Bhd	My SMARTOH	Siap/500
4	TAM-PLYTEC Holding Berhad	V-APPS	Proses tambahbaik
5	SIRIM Berhad	HIRARC DIGITAL-MANUFACTURING SECTOR	Proses tambahbaik

Melalui beberapa siri libat urus, setiap syarikat telah membentangkan aplikasi pentaksiran risiko KKP masing-masing kepada Jawatankuasa TS6 serta pengamal profesional dari industri dan telah menambahbaik aplikasi masing-masing mengikut saranan yang telah dicadangkan.

Aktiviti	Tarikh	Lokasi	Tujuan dan penyertaan
Seminar Pendigitalan Pengurusan Risiko KKP	17 Julai 2024	Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UPM	Perkongsian 5 aplikasi digital pentaksiran risiko yang dihadiri seramai 150 orang pemain industri dan pengamal KKP
Bengkel Pembangunan Pangkalan Data dan Aplikasi Amalan Terbaik KKP, Rekabentuk, Analisa Risiko dan Kawalan	31 Oktober 2023	UPM School of Business	Bengkel pengumpulan input bagi pembangunan aplikasi pentaksiran risiko berdasarkan Prinsip am pencegahan yang dihadiri 79 orang Profesional pembinaan
Bengkel Pembangunan Pangkalan Data Amalan Terbaik KKP Rekabentuk dan Pendigitalan Analisa Risiko	27 - 29 September 2022	JKKP Selangor	Bengkel pengumpulan input bagi pembangunan aplikasi pentaksiran risiko berdasarkan prinsip OSHCIM dan Prinsip am pencegahan (GPP) yang dihadiri 35 orang Profesional pembinaan

Selain itu, Jawatankuasa turut terlibat dalam proses memberi input penambahbaikan sistem dataraya JKKP sediaada iaitu Sistem MyKKP dan Sistem MYSKUD sejajar dengan perubahan terkini perundangan KKP. Antara modul baru yang diwujudkan ialah modul yang melibatkan Peraturan-Peraturan KKP (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024 dan Peraturan-Peraturan KKP (Kerja Pembinaan)(Reka Bentuk dan Pengurusan) 2024. Turut ditambah baik ialah modul berkaitan dengan Orang Kompeten. Berikut adalah senarai modul yang baru diwujudkan dan yang telah ditambahbaik.

Jawatankuasa telah menasaskan penggunaan modul baru dan modul ditambahbaik sebanyak 150 syarikat, namun begitu sehingga pertengahan 2025, sebanyak 270,000 akaun telah didaftarkan merangkumi pengguna individu dan syarikat.

Jawatankuasa telah mengadakan kempen hebahan teknologi yang pelaksanaannya dijalankan melalui seminar dan penyediaan infografik di muka surat 139:



Seminar Pendigitalan Pengurusan Risiko KKP pada 17 Julai 2024 bertempat di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, UPM.



Bengkel Pembangunan Pengkalan Data dan Aplikasi Amalan Terbaik KKP, Rekabentuk, Analisa Risiko dan Kawalan dijalankan pada 31 Oktober 2023 bertempat di UPM School of Business.

Bil.	Peraturan/Orang Kompeten	Modul
1	Peraturan-Peraturan KKP (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024	MyKKP: Pemptk, Pekala, Pti, Pemula, Psl, Psk, Pbaik, Pplp, Pplhm MYSKUD: Verifikasi Rekabentuk, Pengubahan, Permohonan Jentera Terpakai
2	Peraturan-Peraturan KKP (Kerja Pembinaan)(Reka Bentuk dan Pengurusan) 2024	MyKKP: JKKP 12, OSHPA
3	Orang Kompeten	MyKKP: Kren, Operator Dandang Stim, Juruteknik Higien, AGT, Major Hazard, Pengapit CHRA, PKK, SSS, OHD, Penaksir Risiko Bising MYSKUD: Jurutera Dandang Stim, OYB lif, OYB Jentera Pengangkat



Digital monitoring system



S&HM System by SHAMS

DRIVING SAFETY EXCELLENCE THROUGH DIGITAL RISK ASSESSMENT IN MALAYSIA

SECTION 18B: OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH ACT (OSHA) (AMENDMENT) 2022
 "CONDUCT A RISK ASSESSMENT IN RELATION TO THE SAFETY AND HEALTH RISKS POSED TO ANY PERSON WHO MAY BE AFFECTED BY THEIR UNDERTAKING AT THE WORKPLACE"

WHAT IS DIGITAL RISK ASSESSMENT?

A modern, digital-first approach to workplace safety using tools like SHERMAN and SHAMS.

SHERMAN

REAL TIME RISK EVALUATION

Designed for SMEs & MNCs

SHAMS

COMPREHENSIVE & CUSTOMIZABLE

Industry-adaptable

WHY IT MATTERS FOR SMEs & INDUSTRY PLAYERS

- Better Compliance
- Faster Hazard Identification
- Improved Safety Culture
- Reduced Workplace Accidents
- Efficient Decision-Making

USER FEEDBACK

BETTER SAFETY TRAINING	850
CLEAR SAFETY CULTURE IMPROVEMENT	975
IMPROVED COMPLIANCE	970
EASIER RISK COMMUNICATION	945
REDUCED WORKPLACE ACCIDENTS	945

NUMBER OF USERS

DEMOGRAPHICS OF RESPONDENTS

Gender	Education	Industries
32.2%	4.5%	26%
38.7%	4.6%	15%
		14%

FRAMEWORK FOR OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH MANAGEMENT SYSTEMS (OSHMS)

Better Compliance with OSHA (Amendment) 2022 and related regulation & ICOP

ISO 45001:2018

Driving safety excellence through DRA

Immersive Technology

Redefining Reality

The technology

- 360° Experience
- Altered Perception
- Realistic Interaction
- Blended Worlds

Type of IT

- Virtual Reality (VR)
- Augmented Reality (AR)
- Immersive Virtual Worlds
- Mixed Reality (MR)

Technical components

- Output Devices
- Processing Algorithms
- Computing Systems
- Input Devices
- Hardware Interfaces

Key applications

- Healthcare
- Education
- Business

Challenges and consideration

- Cost Barriers
- Physical Limitations
- Privacy Concerns
- Accessibility Issues

#p3ts6oshmp25

Immersive technology

Kesimpulan

Kesimpulannya, objektif Program 3 telah berjaya dicapai dan wajar diteruskan dalam OSHMP2030 melalui penambahbaikan sistem dataraya dan pengurusan KKP, serta meneruskan aktiviti hebahan dan galakan aplikasi teknologi dalam pengurusan KKP, bagi memastikan kesinambungan budaya kerja selamat dan sihat yang dipupuk di semua peringkat.

TERAS STRATEGIK 7

PENINGKATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN BERKAITAN KESELAMATAN JALAN RAYA (WRRS), SEKTOR INFORMAL DAN PEKERJAAN MASA HADAPAN (FUTURE JOBS)



Penghargaan Jawatankuasa Teras Strategik 7

Alhamdulillah, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua yang telah bersama-sama menjayakan pelaksanaan Teras Strategik 7 sepanjang lima tahun OSHMP25. Tanpa sokongan padu daripada ahli jawatankuasa, agensi, rakan industri dan komuniti pekerja, kejayaan ini tidak mungkin tercapai.

Pelaksanaan inisiatif di bawah TS7 telah mencapai impak yang signifikan, termasuk penghasilan garis panduan pekerjaan masa hadapan, peningkatan keselamatan sektor P-Hailing, pembangunan modul WRRS, peluasan pensijilan ISO 39001 serta pengukuhan amalan KKP di sektor informal.





Saya amat berbangga dengan dedikasi semua. Semoga semangat kebersamaan ini terus kita bawa untuk mendepani cabaran KKP yang semakin kompleks demi kesejahteraan pekerja dan negara.





AHLI JAWATANKUASA TERAS STRATEGIK 7





Ahli Jawatankuasa Dalam

PENGERUSI

Ahmad Nazri bin Ab Kader

URUSETIA

Hajah Norhazimah binti Mohamad

PEN. URUSETIA

Noor Razlianie binti Jakariah
Khairunnisa binti Abdul Rapah
Anati binti Abdul Aziz

KETUA PROGRAM 1

Ts. Dr. Rasyimawati binti Mat Rashid

KETUA PROGRAM 3

Ismahisyam bin Ismayuddin

AHLI JAWATANKUASA PROGRAM 1

Dr. Mokhtar Zamimi bin Ranjan

Mardiana binti Abdul Latif

Ts. Ayyub bin Omar

Ts. Ahmad Syuhairi bin Abdullah

Fatin Syahirah Mohamed Yatim

Siti Dalila binti Suliman

Muhammad Faris Izzat bin Ahmad

Mohd. Fazli bin Zufri

AHLI JAWATANKUASA PROGRAM 3

Mohd Hafizullah bin Harun

Mohd Sabri bin Salleh

KETUA PROGRAM 4

Pavintheran A/L Kandasamy

KETUA PROGRAM 2

Muhammad Faisal bin Jusoh

AHLI JAWATANKUASA PROGRAM 4

Suhaidy bin Latip

Anuksin A/L Eh Klim

Prasad A/LSpormaniam

Nurul Hamizah binti Baharan

AHLI JAWATANKUASA PROGRAM 2

Mat Zawawi Bin Zakaria

Azreen Shazwani bin Omar

Ahli Jawatankuasa Luar

Dr. Azlan Darus (*Pengerusi bersama*) **PERKESO**

Harun bin Bakar **PERKESO**

Ir. Ts. Mohd Hafzi bin Md Isa **PERKESO**

Ismail bin Harun **PERKESO**

Norazman bin Abdul Ghani **PERKESO**

Wan Mahmood bin Wan Harun **PERKESO**

Ts. Ahmad Saife bin Salleh **MIROS**

Daman Huri bin Mohammad **MSOSH**

Zulhelmi bin Mansor **PENGHANTAR**

Tuan Wan Tien Kwang **PDRM**

Muhammad Asraf bin Sukadi **MOT**

Erma Elliza binti Mohd Ramly **MOT**

PROGRAM	PENCAPAIAN KUMULATIF PROGRAM (2021-2025)					PENCAPAIAN TAHUN SEMASA (2025)	PENCAPAIAN KUMULATIF (2021-2025)
	2021	2022	2023	2024	2025		
P1	8%	12%	35%	35%	10%	100%	100%
P2	19%	28%	28%	11%	11%	100%	97%
P3	19%	21%	17%	20%	13%	75%	90%
P4	23%	25%	18%	18%	20%	100%	98%
KESELURUHAN	18%	18%	24%	21%	15%	94%	96%

Pendahuluan

Teras Strategik 7 (TS7) di bawah OSHMP25 memberi fokus kepada peningkatan keselamatan dan kesihatan pekerjaan berkaitan jalan raya (WRRS), khususnya melibatkan pekerja platform digital seperti penghantar dan e-hailing. Inisiatif ini diwujudkan bagi mengurangkan risiko kemalangan, memperkukuh budaya kerja selamat, serta menyediakan asas kukuh dalam mendepani cabaran pekerjaan masa hadapan. Sepanjang tempoh lima tahun (2021-2025), TS7 dilaksanakan melalui empat program utama yang merangkumi kesedaran KKP bagi pekerjaan masa hadapan, keselamatan pekerja P-Hailing, pengukuhan pengurusan WRRS, dan penambahbaikan KKP di sektor informal. Strategi yang digunakan adalah menyeluruh, melibatkan kajian teknikal, sesi libat urus, pembangunan modul, advokasi, penerbitan garis panduan, latihan serta pensijilan antarabangsa.

Pelaksanaan

Pelaksanaan TS7 turut diperkukuh dengan penglibatan pelbagai agensi dan pihak berkepentingan termasuk PERKESO, MIROS, Jabatan Standard Malaysia, UTHM Holdings, persatuan industri, FELDA, MPOB, RISDA, LKIM dan institusi pendidikan. Kolaborasi strategik ini memastikan keberkesanan program yang dilaksanakan serta memberi impak langsung kepada pekerja, majikan dan masyarakat. Antara pencapaian penting sepanjang lima tahun termasuk penerbitan **MS 2756:2023**, pembangunan **Portal PREVENT**, penghasilan garis panduan pekerjaan masa hadapan, serta pelaksanaan lebih **239 program latihan WRRS**. Seramai 895 peserta OSH-C telah dilatih menggunakan modul WRRS,



manakala **29 syarikat berjaya memperoleh pensijilan ISO 39001**. Di samping itu, sektor informal turut diperkukuh dengan penganjuran 32 program kerja selamat, sembilan modul latihan khusus dan 25 amalan terbaik KKP yang dikongsi melalui seminar dan bengkel.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, TS7 telah berjaya mencapai objektif dengan menggabungkan penyelidikan, latihan berstruktur, sistem sokongan pintar dan advokasi yang meluas. Pencapaian ini menjadi asas kukuh bagi kesinambungan strategi KKP di bawah **Pelan Strategik JKPP 2026–2030**, sekali gus memastikan kesejahteraan pekerja dan kemakmuran negara terus terpelihara.



TERAS STRATEGIK
7

PROGRAM 1

**MEMANTAPKAN KESEDARAN DAN KEPEKAAN
 AMALAN KKP BAGI PEKERJAAN MASA
 HADAPAN (FUTURE JOBS)**

PROGRAM	AKTIVITI	PENCAPAIAN TAHUN SEMASA (2025)	PENCAPAIAN KUMULATIF PROGRAM (2021-2025)					PENCAPAIAN KUMULATIF (2021-2025)
			2021	2022	2023	2024	2025	
PROGRAM 1: MEMANTAPKAN KESEDARAN DAN KEPEKAAN AMALAN KKP BAGI PEKERJAAN MASA HADAPAN (FUTURE JOBS)	A1 Meningkatkan penerimaan dan kesedaran amalan KKP bagi pekerjaan Masa Hadapan (Future Jobs)	100%	8%	12%	35%	35%	10%	100%
KESELURUHAN		100%	8%	12%	35%	35%	10%	100%

Pendahuluan

Program 1 Teras Strategik 7 di bawah OSHMP25 dilaksanakan bagi meningkatkan tahap KKP dalam sektor pekerjaan masa hadapan, khususnya industri tenaga solar, biomas, teknologi 5G dan robotik. Program ini menekankan kajian, sesi libaturus, penggubalan garis panduan serta seminar kesedaran KKP.

Pelaksanaan Program

Jawatankuasa Teknikal telah menyiapkan Terma Rujukan (TOR) Kajian KKP Bagi Pekerjaan Masa Hadapan dan melantik UTHM Holdings Sdn. Bhd. sebagai perunding kajian. Dua belas (12) sesi libaturus dan lawatan industri telah dijalankan untuk memantapkan pemahaman tentang sektor pekerjaan



Seminar KKP Bagi Pekerjaan Masa Hadapan di Sektor Industri 5G pada 6 Mac 2024 di Hotel Pacific Regency Suite, Kuala Lumpur.

masa hadapan. Tahun 2023 menyaksikan pelaksanaan kajian oleh perunding dan penyediaan laporan penuh kajian. Selanjutnya, lima (5) aktiviti utama dilaksanakan iaitu penggubalan Garis Panduan KKP Untuk Pekerja Dalam Industri Robotik, Seminar KKP Bagi Pekerja Masa Hadapan di Sektor Industri 5G, Biomass, Solar dan Robotik. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran, pengetahuan serta pematuhan amalan KKP dalam kalangan majikan dan pekerja sektor sasaran.

Kajian KKP Bagi Pekerja Masa Hadapan telah selesai dilaksanakan pada tahun 2023. Sesi libat urus yang melibatkan pelbagai agensi dan industri telah selesai dijalankan dalam tahun 2021-2023. Penyediaan Garis Panduan KKP Untuk Pekerja Dalam Industri Robotik telah selesai dibangunkan pada tahun 2024. Seminar KKP yang melibatkan sektor industri 5G, Biomass, Solar dan Robotik telah selesai dijalankan dalam tempoh 2024-2025.



Seminar KKP Bagi Pekerja Masa Hadapan di Sektor Industri Biomass pada 19 September 2024 di Hotel Grand Darul Makmur, Kuantan Pahang



Seminar KKP Bagi Pekerja Masa Hadapan di Sektor Industri Tenaga Solar pada 21 Mei 2025 di Hotel Casuarina @ Meru, Ipoh Perak.

Penutup

Pelaksanaan Program 1 Teras Strategik 7 selama lima tahun telah berjaya mewujudkan asas kukuh bagi meningkatkan kesedaran KKP dalam empat sektor sasaran iaitu 5G, biomass, solar dan robotik. Hasil kajian, garis panduan, dan program kesedaran yang dijalankan menyumbang secara langsung kepada pencapaian matlamat OSHMP25 dan persediaan negara menghadapi cabaran pekerjaan masa hadapan.



Seminar KKP Bagi Pekerja Masa Hadapan di Sektor Industri 5G pada 6 Mac 2024 di Hotel Pacific Regency Suite, Kuala Lumpur.

TERAS STRATEGIK
7

PROGRAM 2

**MEMANTAPKAN KESEDARAN DAN KEPEKAAN
 AMALAN KKP DALAM PERKHIDMATAN E-HAILING**

PROGRAM	AKTIVITI	PENCAPAIAN TAHUN SEMASA (2025)	PENCAPAIAN KUMULATIF PROGRAM (2021-2025)					PENCAPAIAN KUMULATIF (2021-2025)	
			2021	2022	2023	2024	2025		
PROGRAM 2: MEMANTAPKAN KESEDARAN DAN KEPEKAAN AMALAN KKP DALAM PERKHIDMATAN E-HAILING (TERMAKSUD PERKHIDMATAN PENGHANTARAN BARANGAN, MAKANAN, SERVIS)	A1	Meningkatkan penerimaan dan kesedaran amalan KK di kalangan pekerja e-hailing.	100%	18%	35%	35%	3%	3%	93%
	A2	Mengenalpasti persatuan/kesatuan pekerja e-hailing	100%	20%	20%	20%	20%	20%	100%
KESELURUHAN		100%	19%	28%	28%	11%	11%	97%	

Pendahuluan

Program 2 Teras Strategik 7 telah menjalankan aktiviti sepanjang 2021 sehingga 2025 dengan tujuan untuk meningkatkan penerimaan, kesedaran dan kepentingan menerapkan pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam kalangan pekerja P-Hailing.



Program Sembang Santai OSH-KP JKPP Bersama Riders, 22 Sep 2021, Alamanda Putrajaya



Flash mob, Teh Tarik Session, Program Sembang Santai

30

Sesi libat urus



Program advokasi, simposium, buat bicara televisyen, forum

09

Aktiviti KKP



Pulau Pinang dan Pahang

02

Seminar

Pelaksanaan

Jabatan telah bekerjasama dengan PERKESO, MIROS, Persatuan Penghantar P-Hailing Malaysia, Jabatan Standard Malaysia, Universiti Utara Malaysia dan pelbagai lagi pemegang taruh dalam melaksanakan 30 sesi libat urus, sembilan (9) aktiviti KKP, dan dua (2) seminar KKP dari tahun 2021 sehingga tahun 2025. Aktiviti lain yang turut dijalankan adalah Kajian Amalan Pengurusan dan Pematuhan Terhadap Perundangan KKP di Sektor Perkhidmatan Perniagaan Penyedia Platform Digital dan penerbitan MS 2756:2023 “*Road traffic safety - Good practices for platform providers in implementing work-related road traffic safety management* “. Selain itu, antara bentuk program lain yang telah dilaksanakan adalah seperti advokasi, *P-Hailing Safety Induction*, forum, kempen, bual bicara dan temu bual. Jabatan turut menganjurkan pertandingan video Tiktok KKP Rider sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan keterlibatan penunggang motosikal dalam membantu mempromosikan amalan pengurusan KKP semasa menunggang motosikal.



Gambar 2: Seminar Kesedaran KKP Rakan Penghantar P-Hailing di Hotel Ixora, Pulau Pinang pada 16 Mei 2024



Gambar 3 : Program Kesedaran dan Amalan KKP bagi Perkhidmatan P-Hailing Zon Selatan (Melaka), 20 Julai 2022

Penutup

Secara keseluruhannya, program dan aktiviti yang telah dilaksanakan menggunakan pendekatan menyeluruh, menggabungkan usaha libat urus, kajian, penerbitan standard, dan kempen digital untuk memastikan isu KKP dalam sektor P-Hailing diberi perhatian sewajarnya.



Gambar 5 : Mesyuarat Penjurian Pertandingan Video Tiktok KKP Rider, Hotel Scapes, Genting, Pahang, 26-27 Ogos 2025



MS 2756:2003 “ *Road traffic safety- Good practices for platform providers in implementing work-related road traffic safety management*”

01

Garis Panduan



Kajian Amalan Pengurusan dan Pematuhan Terhadap Perundangan KKP di Sektor Perkhidmatan Perniagaan Penyedia Platform Digital

01

Kajian

MEMPERKUKUHKAN PENGURUSAN WRRS

PROGRAM	AKTIVITI	PENCAPAIAN TAHUN SEMASA (2025)	PENCAPAIAN KUMULATIF PROGRAM (2021-2025)					PENCAPAIAN KUMULATIF (2021-2025)	
			2021	2022	2023	2024	2025		
PROGRAM 3: MEMPERKUKUHKAN PENGURUSAN WRRS	A1	Menjalankan kajian mengenai hazard dan risiko WRRS	50%	18%	20%	15%	20%	10%	83%
	A2	Menjalankan program/ latihan kesedaran WRRS	100%	19%	25%	25%	20%	10%	99%
	A3	Memperkuuhkan sistem keselamatan jalan raya berkaitan WRRS	50%	20%	19%	8%	20%	10%	77%
	A4	Memperluaskan pensijilan ISO 39001- Road Traffic Safety Management Systems	100%	20%	19%	20%	20%	20%	99%
KESELURUHAN		75%	19%	21%	17%	20%	13%	90%	

Pendahuluan

Program 3 di bawah Teras Strategik 7 telah dilaksanakan bagi memperkuh pengurusan keselamatan pekerjaan berkaitan jalan raya (Work-Related Road Safety – WRRS) Program ini memberi tumpuan kepada usaha mengurangkan risiko kemalangan jalan raya yang melibatkan pekerja melalui pendekatan bersepadu merangkumi penyelidikan, latihan, sistem sokongan dan pensijilan.



Bengkel Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Program Pengurusan Keselamatan Jalan Raya), POSCODE Kajang Selangor 11 Julai 2024

Pelaksanaan Program

Dari aspek penyelidikan, satu kajian komprehensif berkaitan risiko kesihatan dan keselamatan pekerjaan jalan raya telah dijalankan dan diterbitkan dalam jurnal berindeks Scopus bertajuk Work-related Road Traffic Crashes in Malaysia: A Comparison between Fatal and Temporary Injury Cases. Sebuah pangkalan data dikenali sebagai Portal PREVENT turut dibangunkan sebagai platform pengumpulan serta analisis data kemalangan.

Dalam pembangunan kapasiti, dua modul latihan iaitu Commuting Safety Support Program (CSSP) dan Work-Related Road Risk Safety Program (WRRSP) dibangunkan. Sebanyak 239 program latihan telah dilaksanakan, melibatkan 164 program CSSP dan 75 program WRRSP yang menasaskan syarikat berisiko tinggi serta kumpulan pekerja yang terdedah kepada risiko jalan raya.

Bagi sistem sokongan, elemen WRRS dimasukkan ke dalam modul OSH-C pada

Siri Ceramah & Praktikal WORK RELATED ROAD SAFETY (WRRS)

Tahukah anda aktiviti pekerjaan di atas jalan raya adalah penyumbang pada statistik kemalangan pekerjaan?



11 JULAI 2024

9.00 AM - 4.30 PM

POSCODE, KAJANG

Kenali Puncanya
Apakah kaitan WRRS
dengan pekerjaan?



Kawalan terbaik
Dan bagaimana cara
pencegahan terbaik?



Kelolaan oleh :
**Seksyen Industri Kecil Dan
Sederhana**
JKKP Selangor

IMBAS SAYA



www.dosh.gov.my



DOSH Selangor



Praktikal Penunggang Defensive Bengkel Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Program Pengurusan Keselamatan Jalan Raya), POSCODE Kajang Selangor 11 Julai 2024

tahun 2022 dan ke dalam modul SHO pada 2024. Seramai 895 peserta OSH-C telah dilatih serta diperakukan sepanjang 2022–2025.

Untuk pensijilan, tujuh seminar kesedaran ISO 39001 dilaksanakan. Hasilnya, 56 syarikat menjalani penaksiran pra-persijilan dan 29 syarikat berjaya memperoleh pensijilan.

Penutup

Secara keseluruhan, Program 3 berjaya mencapai objektif strategik TS7 dengan memperkukuh pengurusan WRRS melalui penyelidikan saintifik, latihan berstruktur, sistem sokongan pintar dan pensijilan antarabangsa, sekali gus menyumbang kepada matlamat OSHMP25.



Penerangan Berkenan Keselamatan Jentera, Bengkel Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Program Pengurusan Keselamatan Jalan Raya), Akademi Latihan FGV (ALAF), Pahang 14-15 Oktober 2025

Praktikal Penunggang
Defensive, Bengkel
Keselamatan dan
Kesihatan Pekerjaan
(Program Pengurusan
Keselamatan Jalan
Raya), Akademi
Latihan FGV (ALAF),
Pahang 14-15
Oktober 2025



TERAS STRATEGIK
7

PROGRAM 4

PENAMBAHBAIKAN KKP DI SEKTOR INFORMAL

PROGRAM	AKTIVITI		PENCAPAIAN TAHUN SEMASA (2025)	PENCAPAIAN KUMULATIF PROGRAM (2021-2025)					PENCAPAIAN KUMULATIF (2021-2025)
				2021	2022	2023	2024	2025	
PROGRAM 3: MEMPERKUKUHKAN PENGURUSAN WRRS	A1	Meningkatkan kesedaran amalan KKP bagi sektor informal	100%	40%	13%	15%	15%	15%	98%
	A2	Membangunkan kaedah kerja selamat serta sesuai dan mudah di laksanakan	100%	16%	20%	20%	20%	20%	96%
	A3	Meningkatkan kualiti latihan untuk pemain sektor informal	100%	15%	5%	20%	20%	40%	100%
KESELURUHAN			100%	23%	13%	18%	18%	25%	98%

Pendahuluan

Teras Strategik 7 Program 4 (TS7 P4) di bawah OSHMP25 memberi tumpuan kepada penambahbaikan aspek Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (KKP) di sektor informal. Sektor ini merangkumi pelbagai bidang seperti pertanian, perikanan, pembalakan, perkhidmatan bengkel automotif, perabot, penjaja, dan pelancongan, yang sebahagian besarnya melibatkan pekerjaan tidak formal dan berisiko tinggi. Sepanjang tahun 2021 hingga 2025, pelaksanaan program dibahagikan kepada tiga fokus utama iaitu meningkatkan kesedaran amalan KKP, membangunkan kaedah kerja selamat, serta memperluas kuantiti dan kualiti latihan kepada pemain industri.

Pelaksanaan


Antara inisiatif utama ialah penganjuran 32 program kerja selamat dan sihat di seluruh negara melibatkan kerjasama strategik bersama agensi seperti PERKESO, FELDA, LKIM, MPOB, RISDA dan institusi pendidikan. Selain itu, sebanyak sembilan modul latihan khusus telah dibangunkan merangkumi subsektor utama, termasuk padi, sawit, getah, automotif dan pelancongan. Di samping itu, 25 perkongsian amalan terbaik KKP telah dilaksanakan melalui seminar, bengkel dan sesi dialog bersama penggiat industri. Program Training of Trainers (TTT) juga dijalankan bagi memperkasa tenaga pengajar dan meningkatkan kepakaran teknikal dalam menyampaikan latihan kepada komuniti sektor informal. Pada tahun 2025, satu Karnival Kerja Selamat dan Sihat KESUMA MADANI telah dianjurkan di Stadium Tertutup Kuala Selangor pada 9 Ogos 2025. Karnival ini telah berjaya meningkatkan kesedaran serta kefahaman komuniti setempat terutama pekerja di sektor informal penanaman padi, getah, sawit, perikanan, pembalakan, bengkel automotif dan penaja mengenai kepentingan amalan kerja selamat dan sihat.



Bengkel Bekerja dengan Selamat dan Sihat di Sektor Informal (Perikanan) di Zon Pantai Timur 2021



Pembentangan Pelaksanaan Program Sektor Informal Malaysia di Workshop ASEAN ILO di Cambodia 2022



Pencapaian program atau output program selama 5 tahun (2021-2025)



Seminar Kerja Selamat dan Sihat Di Sektor Infromal (Perikanan) 2024



Seminar Kerja Selamat dan Sihat Informal Sektor (Getah) 2023

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pencapaian TS7 P4 memperlihatkan komitmen berterusan kerajaan bersama rakan strategik dalam memperkukuh budaya kerja selamat dan sihat di sektor informal. Kejayaan ini bukan sahaja meningkatkan kesedaran dan pengetahuan pekerja, malah membantu mewujudkan ekosistem pekerjaan yang lebih sistematik dan mampan. Melalui pendekatan kolaboratif serta pembangunan modul dan latihan yang berfokus, usaha ini diharap dapat mengurangkan risiko kemalangan dan penyakit pekerjaan serta memberi perlindungan lebih baik kepada pekerja di sektor informal.

LAPORAN PRESTASI KEWANGAN OSHMP25

Pelaksanaan Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara 2021-2025 (OSHMP25) adalah selaras dengan komitmen kerajaan dalam meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) di negara ini. Bagi menyokong usaha ini, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM8.5 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) untuk melaksanakan pelbagai inisiatif dan program yang bertujuan memperkukuh dasar, meningkatkan kesedaran, serta memperkasa penguatkuasaan dan pematuhan terhadap standard KKP.

Peruntukan kewangan ini akan digunakan untuk membiayai projek-projek strategik yang memberi impak kepada pengurangan kadar kemalangan dan penyakit pekerjaan, selain menyokong pembangunan kapasiti modal insan serta memperluas penggunaan teknologi dalam aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Melalui perancangan yang sistematik, dana ini diharap dapat menyumbang kepada pencapaian objektif OSHMP25 dalam mewujudkan budaya kerja selamat dan sihat di seluruh sektor industri.

Tahun Pelaksanaan	Peruntukan Keseluruhan RMKe-12	Peruntukan	Perbelanjaan Sebenar	Peratus Belanja (%)
2021	RM 8.5 Juta	RM 1,090,758.10	RM 907,239.74	83%
2022		RM 985,729.61	RM 985,717.01	100%
2023		RM 929,700.00	RM 929,610.06	100%
2024		RM 2,829,291.12	RM 2,827,437.52	100%
2025		RM 2,801,520.00	RM 2,801,520.00	100%

Program *Occupational Safety and Health Master Plan 2021-2025* (OSHMP25) dilaksanakan dengan peruntukan keseluruhan RM 8.5 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-12. Secara keseluruhan, prestasi kewangan OSHMP25 berada pada tahap sangat memuaskan, dengan kadar perbelanjaan yang konsisten tinggi dan mencapai 100% bagi hampir semua tahun pelaksanaan.

Sepanjang tempoh lima tahun, peruntukan telah diagihkan mengikut keperluan pelaksanaan teras strategik, kajian, latihan, pembangunan garis panduan, penyelidikan, promosi serta program pembangunan kapasiti kebangsaan. Rekod menunjukkan keupayaan Jabatan dalam merancang, mengurus dan melaksanakan perbelanjaan secara cekap serta sejajar dengan objektif strategik OSHMP25.

Prestasi Tahunan:

- **2021:** RM1,090,758.10 diperuntukkan; 83% dibelanjakan.
Prestasi dipengaruhi oleh kekangan pelaksanaan awal pasca pandemik.
- **2022:** Perbelanjaan mencapai 100% daripada RM985,729.61 diperuntukkan.
- **2023:** Perbelanjaan penuh (100%) bagi RM929,700.00.
- **2024:** Peruntukan besar RM2,829,291.12 digunakan sepenuhnya (100%) bagi aktiviti berskala nasional.
- **2025:** RM2,801,520.00 dibelanjakan sepenuhnya (100%)*, tertakluk kepada pengesahan audit akhir.

Analisis Keseluruhan

Prestasi kewangan menunjukkan trend yang stabil dan positif. Penggunaan optimum peruntukan bagi tahun 2022 hingga 2025 membuktikan keberkesanan pelaksanaan program dan keselarasan antara perancangan dengan keperluan operasi sebenar. Hanya tahun 2021 menunjukkan kadar perbelanjaan lebih rendah susulan tempoh peralihan operasi Jabatan semasa pemulihan negara daripada pandemik.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, OSHMP25 berjaya dilaksanakan dengan pengurusan kewangan yang berkesan, berdisiplin dan berimpak tinggi. Kadar perbelanjaan yang optimum menzahirkan komitmen Jabatan dalam memperkukuh keselamatan dan kesihatan pekerjaan negara serta memastikan nilai terbaik bagi setiap ringgit peruntukan kerajaan. Prestasi ini turut mencerminkan kesediaan Jabatan untuk melangkah ke fasa baharu menuju OSHMP30.

Sehingga tahun 2024, jumlah perbelanjaan keseluruhan bagi pelaksanaan OSHMP25 adalah sebanyak RM5,650,004.33 daripada peruntukan RM8.5 juta di bawah RMK-12. Pada tahun 2024, perbelanjaan tertinggi dicatatkan dengan jumlah **RM2,827,437.52**, menunjukkan peningkatan ketara berbanding tahun-tahun sebelumnya. Peruntukan ini telah digunakan bagi:

- **Pelaksanaan program kesedaran dan latihan** – Memperluaskan skop latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada lebih banyak sektor industri.
- **Pembangunan garis panduan dan standard** – Memperkemaskan dasar dan garis panduan berkaitan bagi meningkatkan pematuhan terhadap peraturan KKP.

- **Penggunaan teknologi dalam KKP** – Meningkatkan inisiatif pendigitalan untuk memperkukuh pemantauan dan pelaporan keselamatan di tempat kerja.
- **Kerjasama strategik** – Meningkatkan kolaborasi dengan pihak industri dan agensi berkaitan bagi memastikan pelaksanaan OSHMP25 berjalan lancar dan berimpak tinggi.

Pencapaian ini mencerminkan komitmen yang lebih agresif dalam memperkukuhkan budaya keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Malaysia. Pelaksanaan OSHMP25 telah merekodkan perbelanjaan keseluruhan berjumlah RM5,650,004.33 sehingga tahun 2024, daripada peruntukan RM8.5 juta di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12).

Pada tahun 2024, perbelanjaan yang dicatatkan adalah yang tertinggi dengan jumlah **RM2,827,437.52**, menunjukkan peningkatan yang signifikan berbanding tahun-tahun sebelumnya. Peruntukan ini telah disalurkan kepada empat bidang utama:

1. **Memperluas latihan dan kesedaran:** Melaksanakan program kesedaran dan latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) ke pelbagai sektor industri.
2. **Memperkemas dasar dan panduan:** Membangunkan garis panduan dan standard baharu untuk meningkatkan pematuhan terhadap peraturan KKP.
3. **Menggunakan teknologi:** Meningkatkan inisiatif pendigitalan dalam KKP bagi memperkukuh pemantauan dan pelaporan keselamatan di tempat kerja.
4. **Mempererat kerjasama strategik:** Meningkatkan kolaborasi dengan pihak industri dan agensi berkaitan untuk memastikan kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan OSHMP25.

Pencapaian perbelanjaan ini jelas menggambarkan komitmen yang kukuh dan proaktif dalam usaha memperkasa budaya keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Malaysia.


Agihan peruntukan pada tahun 2024

Pada tahun 2024, jumlah perbelanjaan OSHMP25 adalah sebanyak **RM2,827,437.52**, iaitu perbelanjaan tertinggi berbanding tahun-tahun sebelumnya. Dana ini telah digunakan untuk melaksanakan pelbagai program mengikut **Teras Strategik OSHMP25**, dengan jumlah keseluruhan **128 program** yang telah dijalankan.

Tahun Pelaksanaan	Agihan Peruntukan	Jumlah Program
Urusetia Nasional	RM 270,000.00	7
TS 1	RM 850,000.00	28
TS 2	RM 260,000.00	17
TS 3	RM 400,000.00	15
TS 4	RM 371,000.00	36
TS 5	RM 87,000.00	10
TS 6	RM 344,800.00	5
TS 7	RM 315,000.00	10

Analisis Peruntukan & Pelaksanaan OSHMP25 Berdasarkan Teras Strategik

URUSETIA NASIONAL




Belanja	Program
RM 473,088.00	7
RM 330,609.50	10
RM 102,760.00	5
RM 269,964.53	7

RINGKASAN PRESTASI

Jumlah belanja : RM 1,176,422.03
Jumlah program : 29 (Dilaksana)

TERAS STRATEGIK 1




Belanja	Program
RM 35,840	2
RM 53,101	3
RM 257,070.30	5
RM 849,546.19	28

RINGKASAN PRESTASI

Jumlah belanja : RM 1,195,557.72
Jumlah program : 38 (Dilaksana)

TERAS STRATEGIK 2




Belanja	Program
RM 87,643.20	3
RM 147,680.20	5
RM 121,000.00	7
RM 251,188.40	17

RINGKASAN PRESTASI

Jumlah belanja : RM 607,511.80
 Jumlah program : 32 (Dilaksana)

TERAS STRATEGIK 3




Belanja	Program
RM 56,632.96	2
RM 103,796.88	6
RM 56,451.00	5
RM 397,859.44	15

RINGKASAN PRESTASI

Jumlah belanja : RM 614,740.88
 Jumlah program : 28 (Dilaksana)

TERAS STRATEGIK 4




Belanja	Program
RM 133,300.00	3
RM 170,967.20	9
RM 126,945.20	13
RM 370,959.20	36

RINGKASAN PRESTASI

Jumlah belanja : RM 782,171.60
 Jumlah program : 61 (Dilaksana)

TERAS STRATEGIK 5




Belanja	Program
RM 49,500.00	1
RM 63,405.00	2
RM 117,019.00	8
RM 86,343.80	6

RINGKASAN PRESTASI

Jumlah belanja : RM 316,267.80
Jumlah program : 17 (Dilaksana)

TERAS STRATEGIK 6




Belanja	Program
RM 21,400.00	2
RM 77,820.46	6
RM 43,232.94	4
RM 344,800	5

RINGKASAN PRESTASI

Jumlah belanja : RM 487,253.40
Jumlah program : 17 (Dilaksana)

TERAS STRATEGIK 7



Belanja	Program
RM 100,600.00	2
RM 40,000.00	6
RM 88,310.00	4
RM 314,918.16	5

RINGKASAN PRESTASI

Jumlah belanja : RM 543,828.16
Jumlah program : 16 (Dilaksana)

URUSETIA LAPORAN OSHMP25



Penaung

Dr. Rabaayah binti Daud



Penasihat

Ts. Hajah Siti Mariam binti Samat



Ketua Editor

En. Mohd Farid bin Mastuki



Editor

Ir. Mohamad Fazli bin Masri

Pembaca Pruf



En. Hasnul Rahimy bin Kandar



En. Zulkifli bin Abdullah



Haji Mohd Nizam Bin
Abd Hamid

Urusetia



Teras Strategik 1

En. Abdul Muhaimin bin Abdullah



Teras Strategik 4

En. Zulkifli bin Abdullah



Teras Strategik 2

Pn. Nor Hafizan binti Mat Taib @
Mat Amin



Teras Strategik 5

Pn. Nur Faizah binti Ali



Teras Strategik 3

Pn. Nurul Fatimah Bayah binti
Haron



Teras Strategik 7

Pn. Norhazimah binti Mohamad



Teras Strategik 6

Ir. Ts. Wan Mohd Fadzil bin
Wan Sapiansori

LAPORAN PENUH PENCAPAIAN
PELAN INDUK KKP 2021-2025

OSHMP



Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)

Aras 1, 3, 4 & 5, Setia Perkasa 4, Kompleks Setia Perkasa,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62530 W. P. Putrajaya

 +603 8886 5000  +603 8889 2443  jkkp@mohr.gov.my  www.dosh.gov.my